



The 1st Virtual Conference of Research,
Innovation & Community 2020

**E - P R O S I D I N G
K E R T A S
P E N Y E L I D I K A N**

**"RESEARCH & INNOVATION
FOR ALL"**

Hak Cipta © Kolej Komuniti Pasir Mas 2020

Hakcipta Terpelihara

Setiap bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan ke bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kolej Komuniti Pasir Mas.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

eProsiding Kertas Penyelidikan – The 1st Virtual Conference of Research, Innovation & Community 2020
eISBN 978-967-11918-9-7

Diterbitkan oleh :

Kolej Komuniti Pasir Mas

PT 3302-3307, Taman Sri Kota

Pasir Pekan,

16250 Wakaf Bharu,

Kelantan

Dicetak oleh :

Kolej Komuniti Pasir Mas

PT 3302-3307, Taman Sri Kota

Pasir Pekan,

16250 Wakaf Bharu,

Kelantan

Laman Web: <https://upikkkpmas.weebly.com>

SEKAPUR SIRIH



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya maka eProsiding Kertas Penyelidikan bersempena The 1st Virtual Conference of Research, Innovation & Community 2020 telah berjaya dihasilkan. Sekalung tahniah kepada semua pembentang yang telah membentangkan kertas penyelidikan dalam The 1st Virtual Conference of Research, Innovation & Community 2020 sehinggalah terhasilnya eProsiding Kertas Penyelidikan. Terima kasih di atas usaha dan komitmen pihak Kolej Komuniti Pasir Mas untuk menerbitkan eBook ini yang merupakan julung kalinya dalam penganjuran seminar alam maya ini dengan mengumpul koleksi penyelidikan ilmiah dan inovasi di kalangan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia serta institusi TVET nasional. Diharap eBook ini dapat memberi inspirasi kepada para pembaca dan pensyarah dalam meningkatkan kualiti penyelidikan dalam bidang TVET. Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan eBook ini. Semoga usaha murni diberkati Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan yang berkaitan dengannya. Tahniah dan Syabas.

Prof. Madya Ts Dr Nik Zulkarnaen bin Khidzir
FOUNDER DR.9TV



Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya maka terhasillah eProsiding Kertas Penyelidikan The 1st Virtual Conference of Research, Innovation & Community 2020 yang dianjurkan oleh Dr.9TV. Pihak Kolej Komuniti Pasir Mas selaku penerbit berharap agar penerbitan ini menjadi tatapan dan rujukan kalangan pensyarah-pensyarah TVET nasional. Diharap buku ini memberi inspirasi kepada pensyarah-pensyarah baru dalam memulakan penulisan ilmiah dan kreatif. Sekian, terima kasih.

Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat
Ketua Editor

E-PROSIDING KERTAS PENYELIDIKAN THE 1ST VIRTUAL CONFERENCE OF RESEARCH, INNOVATION & COMMUNITY 2020 (CORIC 2020)

SIDANG EDITOR

- Pengerusi : Prof. Madya Ts Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir
Founder Dr.9TV
- Naib Pengerusi 1 : Ts Dr. Md Baharuddin bin Haji Abdul Rahman
Universiti Sains Malaysia
- Naib Pengerusi 2 : Hafizullah bin Samsudin
Pengarah Kolej Komuniti Pasir Mas
- Ketua Editor : Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat (Kolej Komuniti Pasir Mas)
- Editor : Muhd Fadhlullah bin Rashid (Kolej Komuniti Pasir Mas)
Nurul Zulaikha binti Mohammad Nadzri (Kolej Komuniti Pasir Mas)
Wan Farah Aida bt Wan Abdullah (Kolej Komuniti Pasir Mas)
- Panel Penilai Luar : Prof. Madya Ts Dr Khairul Azhar bin Mat Daud
Universiti Malaysia Kelantan
- Ts. Dr. Md. Baharuddin bin Hj. Abdul Rahman
Universiti Sains Malaysia
- Dr. Harleny Abd Arif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Dr. Elis Syuhaila binti Mokhtar
Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Penerbitan Oleh : Kolej Komuniti Pasir Mas
Kementerian Pengajian Tinggi

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk dan Penulis	Muka Surat
1	KEPUASAN PELAJAR TERHADAP KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR: KAJIAN KES DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Aishah binti Liman, Zaimah binti Ismail & Mohammad Hafiz bin Kolej Komuniti Kuala Terengganu	7
2	KAJIAN KEPUASAN MAJIKAN TERHADAP GRADUAN KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Mohammad Arif Bin Hasan, Mohd Hasbi Bin Mat Zain & Abdullah Bin Bedul Kolej Komuniti Kuala Terengganu & Kolej Komuniti Kok Lanas	21
3	FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR MEMILIH PROGRAM SERVIS KENDERAAN RINGAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Mohd Khairul bin Omar, Kolej Komuniti Kuala Terengganu	33
4	FAKTOR-FAKTOR STRUKTUR, INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL : HALANGAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM SUKAN DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Mohammad Arif Bin Hasan & Norasyimah Binti Ahmad Kolej Komuniti Kuala Terengganu	44
5	PEMATUHAN AMALAN KESELAMATAN BENGKEL DALAM KALANGAN PELAJAR SEMESTER 3 SESI JUN 2020 SIJIL TEKNOLOGI ELEKTRIK KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Masnizaimi bin Mamat, Ridzwan bin Mohamed Sumeri & Mohd Zuhairi Bin Mustafa Kolej Komuniti Kuala Terengganu	61
6	KEPERLUAN PENDEDAHAN PENGGUNAAN COMMUNITY COLLEGE MANAGEMENT SYSTEM (CCMS) SEBELUM PENGGUNAAN SEPENUHNYA DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Mohd Fariq Bin Mohd Fauzi, Khairul Azlan Bin Ariffin Dan Mohd Khairul Bin Omar Kolej Komuniti Kuala Terengganu	70
7	TAHAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN JURUSAN SIJIL TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU Zaimah binti Ismail & Hasbu bin Hussin Kolej Komuniti Kuala Terengganu	79
8	KAJIAN KEPUASAN PELAJAR BAHARU TERHADAP KESELURUHAN PROSES PENDAFTARAN DI KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS Mohd Hasbi Bin Mat Zain, Nik Mohd Kamil Bin Ibrahim@Nik Hanafi & Wan Halimah Albadriah Binti Mohd Yusoff Kolej Komuniti Kok Lanas	84

9	HUKUMAN GANTUNG BAGI IBU YANG MEMBUNUH BAYI: KEHUJAHAN GOLONGAN YANG MENYOKONG DAN MENENTANG PELAKSANAAN HUKUMAN GANTUNG TERSEBUT Nor Maheran Binti Mat Noor, Mohd Hafiz Bin Che Hashim & Shah Rulbani Binti Zakaria Kolej Komuniti Jeli	90
10	KAJIAN PERSEPSI PELAJAR MODUL KEUSAHAWANAN KOLEJ KOMUNITI JELI TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN Rodiah Binti Ismail, Roslina Binti Mohd Noor & Nur Adibah Binti Suratman Kolej Komuniti Jeli	100
11	CABARAN DAN TAHAP KESEDIAAN PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI JELI UNTUK MENJALANKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT) SEMASA PANDEMIK COVID-19 Roslina Binti Mohd Noor, Rodiah Binti Ismail & Nurul Hasni Binti Mohamed Apandi Kolej Komuniti Jeli	107
12	SOLAR FERTILIZER SPRAYER MACHINE Mohamad Sharidan B. Mohamad Shariff Politeknik Seberang Perai	117
13	KERJASAMA PIHAK INDUSTRI TERHADAP PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI KOLEJ KOMUNITI JELI Ahmad Muizzuddin Bin Mohamed & Aminuddin Afzan Bin Azhar Kolej Komuniti Jeli	124

KEPUASAN PELAJAR TERHADAP KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR: KAJIAN KES DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Aishah binti Liman, Zaimah binti Ismail & Mohammad Hafiz bin Ahmad
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kemudahan infrastruktur yang lengkap, selesa dan selamat dalam sesebuah Institusi dapat memberi kepuasan serta memenuhi keperluan terhadap pelanggan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelajar kolej komuniti Kuala Terengganu terhadap kemudahan yang disediakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT). Kajian ini berbentuk kuantitatif yang dianalisis secara deskriptif melalui borang soalselidik digunakan sebagai instrument dalam kajian ini dengan melibatkan 196 orang pelajar sebagai responden yang dipilih secara rawak daripada 5 program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmana tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan yang disediakan oleh institusi daripada 5 program yang ditawarkan. Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan purata skor min bagi tahap kepuasan pelajar bagi keseluruhan program adalah tinggi dengan skor min 4.02 dan sisihan piawai 0.84. Ini terbukti bahawa majoriti pelajar berpuas hati dengan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak KKKT. Hasil dapatan kajian ini akan dijadikan sebagai input kepada pihak pengurusan untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi membuat penambahbaikan dan mempertingkatkan penyediaan kemudahan prasarana yang disediakan kepada pelajar dan memberi motivasi kepada pelajar secara tidak langsung dapat menaikkan enrolmen pengambilan pelajar baru ke KKKT.

Kata kunci: kepuasan pelajar, kemudahan KKKT

1.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kemudahan merupakan sesuatu yang disediakan untuk faedah orang ramai. Kemudahan yang disalurkan adalah secara langsung atau tidak langsung. Maka kedua-dua faktor ini menjurus kepada tahap kepuasan pelajar terhadap sesuatu kemudahan yang harus mereka perolehi daripada mana-mana institusi pendidikan bagi mencapai visi kolej komuniti dalam menuju kearah menjadi peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional serta Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat Menjelang 2025. Sesebuah institusi haruslah mengekalkan tahap kepuasan yang maksima bagi tujuan mengekalkan prestasi yang baik dan sentiasa berkualiti. Kemudahan merupakan keperluan asas yang perlu disediakan oleh sesuatu institusi pendidikan kepada pelajar yang dianggap sebagai pelanggan (W. Jaffar. W. N.et. al., 2005). Kemudahan yang perlu disediakan adalah seperti bilik kuliah/dewan kuliah/makmal/bengkel, perpustakaan, kafeteria, kemudahan asas dan surau. Penyediaan kemudahan juga perlu menitikberatkan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan kepada pelajar.

Pelaksanaan Dasar standard-standard di bawah MS ISO 9001:2015, adalah berdasarkan kepada pendekatan proses. Sesebuah institusi atau agensi pendidikan perlu merancang dan menyediakan sumber- sumber serta melaksana proses-proses dalam Sistem Kualiti bagi menghasilkan produk atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan. Output sesuatu proses itu akan menjadi input kepada proses berikutnya dan perlu diurus sebagai satu sistem bagi mencapai objektif agensi (Panduan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 dalam sektor awam, 2010). Keperluan bagi pengurusan atasan bagi melaksanakan penambahbaikan secara berterusan terhadap Sistem Kualiti turut diberi penekanan melalui pendekatan ini.

Menurut Kod Amalan Akreditasi (COPPA) Edisi 2, MQA Standard Kemudahan Fizikal 6.1.1, sejajar dengan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Malaysian Qualification Agency (MQA) Setiap program wajib mempunyai kemudahan fizikal dan sumber pendidikan yang mencukupi dan

sesuai untuk memastikan penyampaian yang berkesan. Kemudahan fizikal wajib mematuhi undang-undang yang berkaitan, dan peraturan-peraturan kesihatan dan keselamatan.

Perpustakaan atau pusat sumber wajib mempunyai staf yang berkelayakan dan menyimpan bahan rujukan terkini yang mencukupi untuk memenuhi keperluan program dan penyelidikan staf akademik dan pelajar. Keperluan ini termasuklah komputer yang sesuai dan bahanbahan rujukan maklumat serta medium rujukan digital.

Peralatan dan kemudahan latihan wajib disediakan secukupnya bagi program yang berteraskan amali. Kemudahan dan persekitaran penyelidikan yang mencukupi dan sesuai wajib disediakan bagi program yang berteraskan penyelidikan dan program yang mempunyai komponen penyelidikan yang besar.

PPT wajib mempunyai satu dasar berhubung pemilihan dan penggunaan berkesan peralatan elektronik, jaringan dalaman dan luaran, dan caracara lain penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi yang berkesan dalam sesuatu program. Ini termasuklah penyelarasan dengan perkhidmatan perpustakaan.

Persekitaran ruang pemngajaran dan pembelajaran (PdP) perlu melalui pengubahsuaian pembinaan kemudahan baru dan perolehan peralatan terkini yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan mengikut arus pendidikan.

Sumber kemudahan perlu dikaji dari semasa ke semasa untuk menilai kualiti dan kesesuaiannya dengan perkembangan pendidikan dan latihan semasa. Pelajar perlu didedahkan teknik mencapai maklumat maklumat dari pelbagai media dan format seperti sumber internet. Segala kemudahan patut mesra pengguna kepada mereka yang memerlukan keperluan tertentu atau orang kurang upaya, Kod Amalan Akreditasi (COPPA) Edisi 2.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak KKKT sebagai institusi pendidikan. Penyediaan kemudahan yang lengkap dapat membantu setiap visi dan misi sesuatu institusi tercapai. Kemudahan yang berkait dengan proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) sangat dititikberatkan kerana kemudahan merupakan aset penting kepada pelajar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu:

3.1 Mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan bilik kuliah/bengkel/makmal, perpustakaan, kafeteria, kemudahan asas dan surau

3.1 Membuat perbandingan antara kepuasan pelajar terhadap institusi mengikut 5 program di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai tahap kepuasan pelajar mengikut program bagi sesi Disember 2018 terhadap kemudahan yang disediakan oleh KKKT. Hasil kajian ini seterusnya akan dijadikan sebagai input yang penting kepada pihak pengurusan dalam merancang pelan tindakan yang efektif bagi memastikan fasiliti adalah di tahap yang memuaskan dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pelajar dari pelbagai aspek.

5.0 SOROTAN KAJIAN

Kepuasan pelanggan merupakan salah satu istilah perniagaan yang bermaksud mengukur sejauh mana sesuatu produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi tersebut memenuhi jangkaan pelanggan, A. Kahar, (2008). Oleh itu, pihak KKKT perlu konsisten dalam mengamalkan sistem

pengurusan kualiti atau jaminan kualiti agar berterusan bagi membantu organisasi memiliki kelebihan bersaing dari segi kualiti dan dapat memenuhi kepuasan pelanggan (Gotzami dan Tsiotras, 2002). Kepuasan pelanggan merupakan suatu tahap di mana kehendak, keinginan dan harapan pelanggan dapat dipenuhi yang menyebabkan terjadinya ulangan pembelian atau kesetiaan yang berlanjutan terhadap produk atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah organisasi (Band, 1991).

Ruang yang kondusif dan selesa kepada pelajar merupakan kemudahan yang sangat membantu pelajar dalam menikmati aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ruang bilik kuliah, bengkel dan makmal perlulah sesuai mengikut program dan mempunyai ciri-ciri yang selamat kepada pelajar agar proses PdP berjalan lancar. Kelengkapan dan peralatan di dalam setiap bilik kuliah, makmal dan bengkel perlu di selenggara agar mencapai objektif PdP.

Menurut Nurulhuda, Chai dan Fazli (2009), sebagai pusat inovasi, pengetahuan dan kebudayaan, perpustakaan mempunyai peranan penting dalam pendidikan sepanjang hayat rakyat. Perpustakaan merupakan tempat pengumpulan buku untuk pembacaan atau pembelajaran sebagai sumber tambahan bahan bacaan kepada pelajar bagi membantu meningkatkan pengetahuan bagi sesuatu program. Suasana yang selesa dan sistem pelaksanaan perpustakaan perlu sistematik agar mesra pengguna terutama kepada pelajar dan pensyarah.

Di Malaysia terdapat satu akta yang diluluskan iaitu Akta Makanan 1983 (Akta 281). Akta makanan 1983 dan Peraturan Makanan digubal untuk melindungi pengguna daripada amalan yang memudaratkan kesihatan terutamanya berkaitan dengan makanan. Dalam penyediaan makanan, layanan mesra pelanggan dan juga ruang yang selesa, bersih dan selamat juga penting bagi memberi kepuasan kepada pelanggan.

Kemudahan seperti tandas, ruang rehat dan sumber internet merupakan keperluan asas yang perlu disediakan oleh sesuatu institusi pendidikan. Dalam peredaran zaman generasi kini, internet merupakan sumber utama kepada pelajar bagi membantu pelajar meningkatkan ilmu dan maklumat tambahan untuk persediaan kuliah. Kemudahan asas seperti ini perlu relevan dan selaras dengan arus pendidikan abad ke-20 ini.

Ruang solat atau surau merupakan suatu ruang yang sangat penting kepada pelajar islam agar tidak meninggalkan kewajipan dalam beribadah di samping menuntut ilmu. Namun aspek kebersihan dan keselesaan perlu dititikberatkan agar tidak mengganggu ibadah seseorang serta memberi ruang kepada pelajar untuk berehat seketika sebelum menyambung perkuliahan seterusnya.

6.0 METODOLOGI

Skop Dan Batasan Kajian

Hasil maklumbalas daripada pegawai penerangan KKKT terhadap borang aduan pelanggan daripada pelajar mencetus penyelidik untuk membuat kajian ini. Kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk kajian ini adalah kaedah penyelidikan Deskriptif Tinjauan Sampel dan berbentuk kajian kuantitatif yang bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan yang disediakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT) bagi sesi Disember 2018. Data yang diperolehi dikategorikan sebagai jenis kuantitatif kerana penganalisaan data adalah menggunakan analisis skor min dan sisihan piawai. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku, Mohd Majid Konting (2000). Kajian tinjauan sampel adalah tinjauan yang dilakukan terhadap sebahagian populasi yang dikaji dan sampel rawak digunakan bagi mewakili populasi yang dikaji.

Kajian ini dijalankan untuk mendapat maklumbalas terhadap tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan di KKKT. Seramai 196 orang responden yang dipilih secara rawak. Dengan merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), responden-responden kajian ini dipilih secara rawak berdasarkan jumlah populasi yang terdiri daripada daripada 5 program yang terdiri daripada semester 1 hingga 3 iaitu Sijil Teknologi Senibina, Sijil Servis Kenderaan Ringan, Sijil Fesyen & Pakaian, Sijil

Teknologi Pembinaan Bangunan dan Sijil Teknologi Elektrik telah diminta untuk mengisi borang soal selidik. Borang soal selidik yang diguna pakai sebagai kajiselidik kemudahan KKKT di dalam prosedur kualiti Pengendalian Maklumbalas Pelanggan (PRO).

Jadual 1 di bawah menunjukkan pecahan responden bagi setiap program dengan menggunakan kaedah pesampelan secara rawak

Jadual 1: Pecahan responden mengikut program

Program	Jumlah Responden	Peratusan
Sijil Teknologi Senibina	38	19.4%
Sijil Servis Kenderaan Ringan	41	20.9%
Sijil Fesyen & Pakaian	39	19.9%
Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan	39	19.9%
Sijil Teknologi Elektrik	39	19.9%
JUMLAH	196	100.0%

Borang Kaji Selidik

Borang soalselidik kini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A merupakan latar belakang responden manakala Bahagian B mempunyai 5 item bagi mendapatkan tahap kepuasan kemudahan yang terdapat di KKKT seperti Bilik kuliah / Makmal / Bengkel, Perpustakaan, Kafe, Kemudahan Asas dan Surau. Borang soal selidik kajian ini mengandungi 24 item soalan yang dipecahkan mengikut bahagian seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Bilangan Item Mengikut Bahagian

Bahagian	Item	Sub item
A	Demografi	3
B	Bilik Kuliah/Makmal/Bengkel	4
	Perpustakaan	4
	Kafe	6
	Kemudahan Asas	5
	Surau.	2
JUMLAH		24

Data-data ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil dapatan kajian adalah berdasarkan kepada data-data yang dianalisis menggunakan pengujian skor min dan sisihan piawai.

7.0 ANALISIS

Bagi melihat tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan, 5 item diselidiki. Item-item tersebut adalah kemudahan Bilik kuliah / Makmal / Bengkel, Perpustakaan, Kafe, Kemudahan Asas dan Surau. Lima (5) skor Skala Likert telah ditetapkan seperti Jadual 3. Skor ini dipecahkan kepada 2 penunjuk iaitu jawapan yang positif dan juga jawapan yang negatif.

Jadual 3: Skor Skala Likert

Skor	Skala	Penunjuk
1	Sangat tidak setuju	Negatif
2	Tidak setuju	
3	Kurang setuju	Positif
4	Setuju	
5	Sangat setuju	

Semasa analisis, skor min dan sisihan piawai bagi setiap item diambil. Oleh itu skor min dibahagikan kepada tiga aras dengan merujuk Landell (1997), tahap kecenderungan keputusan responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Pembahagian skor mengikut tahap

Min	Tahap
1 hingga < 2.33	Rendah
2.33 hingga < 3.66	Sederhana
3.66 hingga <= 5.00	Tinggi

Dengan merujuk jadual 4, tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan sesuatu institusi dinilai dengan mengambil nilai skor min yang didapati hasil daripada analisis kajian ini.

Bilik Kuliah / Makmal / Bengkel

Bahagian bilik kuliah/makmal/bengkel mempunyai empat (4) sub item yang dinilai.

Jadual 5: Skor min Bilik Kuliah / Makmal / Bengkel bagi setiap program

Item	Sub Item	Keseluruhan responden (N =196)					
		STS	SKR	SFP	STP	STE	PURATA
Bilik kuliah / Makmal / Bengkel	Peralatan kerusi, meja dan papan putih adalah mencukupi untuk keperluan pembelajaran.	Min = 4.69 Sisihan piawai = 0.47	Min = 4.51 Sisihan piawai = 0.51	Min 3.67 Sisihan piawai = 0.90	Min = 3.67 Sisihan piawai = 0.93	Min = 4.13 Sisihan piawai = 0.79	Min = 4.13 Sisihan piawai = 0.72
	Peralatan dan keperluan amali mencukupi dan beroperasi sepenuhnya	Min = 4.62 Sisihan piawai = 0.54	Min = 4.44 Sisihan piawai = 0.59	Min 3.51 Sisihan piawai = 1.02	Min = 3.72 Sisihan piawai = 0.83	Min = 3.80 Sisihan piawai = 0.82	Min = 4.02 Sisihan piawai = 0.76
	Persekitaran di dalam Bilik kuliah / Makmal / Bengkel adalah bersih, selesa dan selamat.	Min = 4.51 Sisihan piawai = 0.64	Min = 4.46 Sisihan piawai = 0.60	Min = 4.18 Sisihan piawai = 0.76	Min = 3.82 Sisihan piawai = 0.79	Min = 4.08 Sisihan piawai = 0.92	Min = 4.21 Sisihan piawai = 0.74
	Peraturan keselamatan penggunaan peralatan dipamerkan.	Min = 4.61 Sisihan piawai = 0.60	Min = 4.51 Sisihan piawai = 0.55	Min 4.10 Sisihan piawai = 0.75	Min = 3.91 Sisihan piawai = 0.70	Min = 4.13 Sisihan piawai = 0.80	Min = 4.25 Sisihan piawai = 0.68

Dapatan kajian mendapati bahawa skor min bagi program STS, SKR dan STE adalah pada tahap tinggi dalam penyediaan kemudahan peralatan seperti kerusi, meja dan papan putih di bilik kuliah, makmal dan bengkel manakala di program SFP dan STP masing-masing mencatat skor min 3.67. Ini menunjukkan 2 program ini kekurangan kemudahan peralatan di bengkel. Bagi program STS skor min 4.62 dan SKR skor min 4.44 menunjukkan bahawa peralatan dan keperluan amali mencukupi dan beroperasi sepenuhnya manakala SFP, menunjukkan skor min yang sederhana dengan skor min 3.51 dengan sisihan piawai 1.02. Persekitaran di bengkel STS adalah bersih, selesa dan selamat dengan memberi tahap skor min 4.51 yang tinggi dan sisihan piawai 0.64 berbanding program yang lain manakala program STP mempunyai persekitaran yang kurang memuaskan dengan skor min 3.82 dan sisihan piawai 0.79. Peraturan keselamatan penggunaan peralatan perlu dipamerkan agar keselamatan pelajar lebih terjamin dengan memberi peringatan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berjalan. Program STP menunjukkan tahap yang kurang memuaskan dengan skor min 3.91 dan sisihan piawai 0.70 dalam mempamerkan peraturan keselamatan penggunaan peralatan di bengkel. Jadual 5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi item Bilik kuliah / Makmal / Bengkel.

Perpustakaan

Bahagian Perpustakaan mempunyai empat (4) sub item yang dinilai. Dapatan kajian mendapati bahawa Koleksi rujukan di perpustakaan bagi program STP adalah yang paling rendah dengan skor min 3.64 dan sisihan piawai 0.84 manakala program STS bahan rujukan di perpustakaan adalah mencukupi dengan skor min 4.51 dan sisihan piawai 0.56. Layanan di kaunter perpustakaan adalah mesra dengan mendapat purata skor min pada tahap tinggi 4.10 dan sisihan piawai 0.77. Sistem peminjaman dan pemulangan adalah cepat dan cekap dengan purata skor min 3.99 dan sisihan piawai 0.72. Ternyata persekitaran di perpustakaan adalah bersih, selesa dan selamat dengan mendapat purata skor min 4.48 dan sisihan piawai 0.67. Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi item perpustakaan.

Jadual 6: Skor min Perpustakaan bagi setiap program

Item	Sub Item	Keseluruhan responden (N =196)					
		STS	SKR	SFP	STP	STE	PURAT
Perpustakaan	Koleksi di perpustakaan mencukupi untuk rujukan.	Min = 4.51	Min = 4.37	Min = 3.72	Min = 3.64	Min = 3.92	Min = 4.03
		Sisihan piawai = 0.56	Sisihan piawai = 0.70	Sisihan piawai = 0.94	Sisihan piawai = 0.84	Sisihan piawai = 0.94	Sisihan piawai = 0.80
	Layanan di kaunter perpustakaan adalah mesra.	Min = 4.64	Min = 4.27	Min = 3.85	Min = 3.79	Min = 3.93	Min = 4.10
		Sisihan piawai = 0.49	Sisihan piawai = 0.81	Sisihan piawai = 0.78	Sisihan piawai = 0.88	Sisihan piawai = 0.89	Sisihan piawai = 0.77
	Proses peminjaman dan pemulangan adalah cepat dan cekap.	Min = 4.51	Min = 4.39	Min = 3.79	Min = 3.49	Min = 3.78	Min = 3.99
Sisihan piawai = 0.56		Sisihan piawai = 0.54	Sisihan piawai = 0.66	Sisihan piawai = 0.86	Sisihan piawai = 1.00	Sisihan piawai = 0.72	
Persekitaran perpustakaan adalah bersih, selesa dan amat	Min = 4.69	Min = 4.66	Min = 4.36	Min = 4.26	Min = 4.45	Min = 4.48	
	Sisihan piawai = 0.52	Sisihan piawai = 0.53	Sisihan piawai = 0.74	Sisihan piawai = 0.82	Sisihan piawai = 0.75	Sisihan piawai = 0.67	

Kafe

Bahagian kafe mempunyai enam (6) sub item yang dinilai. Dapatan kajian mendapati bahawa kemudahan asas di kafe adalah kurang mencukupi dan berada pada tahap sederhana dengan purata skor min 3.57 dan sisihan piawai 0.99. Tahap kebersihan kafe bagi pelajar STP pada tahap sederhana dengan skor min 2.92 dan sisihan piawai 1.22. Harga makanan di kafe adalah selaras dan dipamerkan dan mendapat tahap kepuasan tinggi bagi STS dan SKR manakala STP mempunyai tahap kepuasan yang rendah dengan skor min 2.79 dan sisihan piawai 1.15. Harga makanan di kafe lebih murah jika dibandingkan di luar mendapat purata skor min pada tahap tinggi dengan skor min 3.67 dan sisihan piawai 0.92. Layanan kaunter jualan juga adalah mesra dengan mencatat purata skor min 3.79 dan sisihan piawai 0.91. Jadual 7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi item kafe.

Jadual 7: Skor min Kafe bagi setiap program

Item	Sub Item	Keseluruhan responden (N =196)					
		STS	SKR	SFP	STP	STE	PURATA
Kafe	Kemudahan asas di kafe adalah mencukupi	Min = 4.39	Min = 4.15	Min = 3.26	Min = 2.59	Min = 3.47	Min = 3.57
		Sisihan piawai = 0.72	Sisihan piawai = 0.90	Sisihan piawai = 1.16	Sisihan piawai = 1.14	Sisihan piawai = 1.01	Sisihan piawai = 0.99
	Tahap kebersihan kafe memuaskan.	Min = 4.37	Min = 4.28	Min = 3.33	Min = 2.92	Min = 3.63	Min = 3.71
		Sisihan piawai = 0.75	Sisihan piawai = 0.89	Sisihan piawai = 1.20	Sisihan piawai = 1.22	Sisihan piawai = 0.94	Sisihan piawai = 1.00
	Kualiti makanan adalah memuaskan	Min = 4.29	Min = 4.28	Min = 3.23	Min = 2.97	Min = 3.58	Min = 3.67

		Sisihan piawai = 0.83	Sisihan piawai = 0.76	Sisihan piawai = 1.16	Sisihan piawai = 1.27	Sisihan piawai = 0.89	Sisihan piawai = 0.98
	Harga makanan di kafe adalah selaras dan dipamerkan.	Min = 4.42	Min = 4.36	Min = 3.26	Min = 2.79	Min = 3.61	Min = 3.69
		Sisihan piawai = 0.68	Sisihan piawai = 0.63	Sisihan piawai = 1.14	Sisihan piawai = 1.15	Sisihan piawai = 0.86	Sisihan piawai = 0.89
	Harga makanan di kafe lebih murah jika dibandingkan di luar	Min = 4.42	Min = 4.36	Min = 3.28	Min = 2.59	Min = 3.68	Min = 3.67
		Sisihan piawai = 0.72	Sisihan piawai = 0.71	Sisihan piawai = 1.15	Sisihan piawai = 1.12	Sisihan piawai = 0.90	Sisihan piawai = 0.92
	Layanan kaunter jualan adalah mesra.	Min = 4.50	Min = 4.41	Min = 3.36	Min = 2.97	Min = 3.71	Min = 3.79
		Sisihan piawai = 0.65	Sisihan piawai = 0.68	Sisihan piawai = 1.18	Sisihan piawai = 1.13	Sisihan piawai = 0.93	Sisihan piawai = 0.91

Kemudahan Asas

Bahagian Kemudahan Asas mempunyai lima (5) sub item yang dinilai. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar bagi program STS memberi tahap kepuasan yang paling tinggi dengan skor min 4.65 dan sisihan piawai 0.71 manakala pelajar SFP memberi tahap kepuasan yang paling rendah berbanding program lain dengan skor min 3.63 dan sisihan piawai 1.08. Tahap kebersihan tandas juga berada pada tahap tinggi dengan mendapat purata skor min 4.23 bagi semua program. Kemudahan bagi tempat letak kenderaan adalah mencukupi dengan mencatat purata skor min 3.90 dan sisihan piawai 0.87. *Student Center* dan surau merupakan kemudahan tempat pelajar berehat. Program SFP mencatat skor min 3.44 dan sisihan piawai 1.10 dan STP mencatat skor min 3.53 dan sisihan piawai 1.16 merupakan tahap kepuasan sederhana. Kemudahan internet bagi SFP dan STE pada tahap sederhana dengan skor min 3.54 dan 3.55. Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi item Kemudahan Asas.

Jadual 8: Skor min Kemudahan Asas bagi setiap program

Item	Sub Item	Keseluruhan responden (N =196)					
		STS	SKR	SFP	STP	STE	PURATA
Kemudahan asas	Kemudahan tandas adalah mencukupi.	Min 4.74	Min 4.64	Min 3.79	Min 3.69	Min 3.89	Min 4.14
		Sisihan piawai = 0.50	Sisihan piawai = 0.58	Sisihan piawai = 1.08	Sisihan piawai = 1.10	Sisihan piawai = 1.16	Sisihan piawai = 0.88
		Min 4.63	Min 4.56	Min 4.03	Min 3.87	Min 4.08	Min 4.23
	Tahap kebersihan tandas memuaskan.	Sisihan piawai = 0.68	Sisihan piawai = 0.68	Sisihan piawai = 0.99	Sisihan piawai = 0.83	Sisihan piawai = 0.82	Sisihan piawai = 0.80
		Min 4.58	Min 4.51	Min 3.33	Min 3.45	Min 3.61	Min 3.90
Kemudahan tempat letak kenderaan adalah mencukupi.	Sisihan piawai = 0.64	Sisihan piawai = 0.72	Sisihan piawai = 1.08	Sisihan piawai = 0.92	Sisihan piawai = 1.00	Sisihan piawai = 0.87	
	Min 4.66	Min 4.59	Min 3.44	Min 3.53	Min 3.74	Min 3.99	
	Sisihan piawai = 0.53	Sisihan piawai = 0.68	Sisihan piawai = 1.10	Sisihan piawai = 1.16	Sisihan piawai = 1.13	Sisihan piawai = 0.92	
Kemudahan tempat rehat adalah mencukupi.	Min 4.63	Min 4.49	Min 3.54	Min 3.66	Min 3.55	Min 3.97	
	Sisihan piawai = 0.54	Sisihan piawai = 0.89	Sisihan piawai = 1.17	Sisihan piawai = 1.17	Sisihan piawai = 1.31	Sisihan piawai = 1.02	
	Min	Min	Min	Min	Min	Min	

Surau

Bahagian Surau mempunyai dua (2) sub item yang dinilai. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kebersihan surau di KKKT berada pada tahap sangat memuaskan daripada pelajar SKR dengan mendapat skor min 4.74 dan sisihan piawai 0.44 manakala pelajar STP menunjukkan tahap kepuasan yang paling rendah di antara program lain dengan skor 3.97 dengan sisihan piawai 1.10. Surau KKKT dilengkapi dengan penghawa dingin, kipas dan ruang mengambil wuduk yang selesa. Bagi program STS, kemudahan asas di dalam surau yang telah disediakan oleh pihak KKKT telah memberi tahap kepuasan yang tinggi dengan skor min 4.76 dan sisihan piawai 0.49 manakala SFP memberi tahap skor min 4.03 dengan sisihan piawai 0.99 merupakan skor yang paling rendah di antara program yang lain. Jadual 9 menunjukkan skor min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi item Surau.

Jadual 9: Skor min Surau bagi setiap program

ITEM	SUB ITEM	Keseluruhan responden (N =196)					
		STS	SKR	SFP	STP	STE	PURATA
Surau	Tahap kebersihan surau memuaskan	Min = 4.68	Min = 4.74	Min = 4.00	Min = 3.97	Min = 4.63	Min = 4.40
		Sisihan piawai = 0.62	Sisihan piawai = 0.44	Sisihan piawai = 1.00	Sisihan piawai = 1.10	Sisihan piawai = 0.63	Sisihan piawai = 0.76
	Kemudahan asas di surau adalah mencukupi	Min = 4.76	Min = 4.71	Min = 4.03	Min = 4.08	Min = 4.53	Min = 4.42
		Sisihan piawai = 0.49	Sisihan piawai = 0.46	Sisihan piawai = 0.99	Sisihan piawai = 1.10	Sisihan piawai = 0.76	Sisihan piawai = 0.76

8.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 10: Skor Min bagi Keseluruhan Program

Item	Keseluruhan responden (N =196)				
	STS	SK	SFP	STP	STE
Bilik kuliah / Makmal / Bengkel	4.36	4.48	3.50	3.78	4.04
Perpustakaan	4.59	4.42	3.93	3.80	4.02
Kafe	4.40	4.31	3.29	2.81	3.61
Kemudahan Asas	4.65	4.56	3.63	3.64	3.77
Surau	4.72	4.73	4.02	4.03	4.58
Purata keseluruhan	4.54	4.50	3.67	3.61	4.00

Jadual 11: Tahap kepuasan kemudahan secara keseluruhan

	Skor min	Sisihan piawai	Tahap
Bilik kuliah / Makmal / Bengkel	4.15	0.73	Tinggi
Perpustakaan	4.15	0.74	Tinggi
Kafe	3.68	0.95	Tinggi
Kemudahan Asas	4.05	0.90	Tinggi
Surau	4.41	0.76	Tinggi
Purata Keseluruhan	4.09	0.81	

Jadual 11 menunjukkan tahap kepuasan kemudahan bagi semua program yang telah analisa. 5 item yang telah dianalisa menunjukkan semua program berada pada tahap tinggi dan membuktikan bahawa pihak KKKT telah menyediakan kemudahan yang lengkap kepada pelajar. Surau merupakan kemudahan yang tertinggi dengan mendapat skor min 4.41 dan sisihan piawai 0.81 bagi semua program.

9.0 KESIMPULAN

Jadual 12: Tahap kemudahan di KKKT secara keseluruhan

Keseluruhan responden (N=196)

Program	min	Sisihan piawai	Min Min =
STS	4.56	0.61	4.02 Sisihan piawai = 0.84
SKR	4.46	0.66	
SFP	3.67	1.00	
STP	3.49	1.00	
STE	3.90	0.92	

Jadual 12 menunjukkan tahap yang diperolehi oleh semua kemudahan di KKKT. Purata skor min bagi tahap kepuasan pelajar bagi keseluruhan program adalah tinggi dengan skor min dan sisihan piawai 0.84. Ini bermakna majoriti pelajar berpuas hati dengan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak KKKT. Namun hanya segelintir sahaja pelajar yang kurang berpuas hati dengan kemudahan yang sedia ada sekarang. Pelajar STP memberikan tahap kepuasan terendah berbanding program yang lain dengan skor min 3.49 dan sisihan piawai 1.00 dan program STS telah menunjukkan tahap kepuasan yang

tertinggi dengan skor min 4.56 dan sisihan piawai 0.61. Ini ternyata setiap program perlu mengambil tindakan yang sewajarnya agar memenuhi kehendak pelajar sebagai pelanggan di sesebuah institusi agar menjadi pemangkin kecemerlangan di kalangan pelajar.

10.0 CADANGAN

Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini perlu diteruskan bagi sesi berikutnya agar kualiti kemudahan yang disediakan oleh KKKT dapat dipertingkatkan dan di tambahbaik bagi memberi tahap kepuasan yang maksima kepada pelajar. Kajian yang seterusnya perlu diperincian lagi dengan menambah item soalan dari segi keceriaan dan keseragaman susunatur peralatan di dalam ruang bilik kuliah, bengkel, dan makmal serta ruang-ruang umum sebagai satu tarikan kepada pelajar dan orang luar untuk lebih tertarik masuk ke kolej komuniti dan merupakan salah satu promosi kolej kepada masyarakat luar agar seiring dengan kolej-kolej swasta yang mementingkan rekabentuk dan suasana yang ceria.

Cadangan kepada pihak pengurusan

Berdasarkan keputusan kajian yang telah diperolehi, pihak KKKT perlu mengambil beberapa langkah penambahbaikan agar kemudahan yang disediakan kepada pelajar dapat dipertingkatkan.

Cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pihak KKKT adalah seperti berikut :-

- i. Membuat permohonan baru untuk penambahan peruntukan bajet pembelian aset seperti perabot di bengkel-bengkel agar pelajar mendapat lebih keselesaan sepanjang proses PdP berjalan.
- ii. Menaiktaraf kemudahan sediaada dengan menambah ruang-ruang untuk kemudahan pelajar seperti pusat pelajar, makmal atau sudut pembelajaran secara atas talian, galeri untuk mempamerkan hasil kerja pelajar yang cemerlang.
- iii. Menambah keceriaan di persekitaran KKKT dengan melaksanakan persijilan seperti 5S, EKSA dan seumpamanya agar lebih ceria, tersusun dan kemas.
- iv. Amalan sentiasa mengamalkan dasar mengekalkan kebersihan dan kekemasan perlu dipupuk dikalangan semua staf KKKT.

RUJUKAN

Akta Makanan 1983 (Akta 281).

Buku Garis Panduan MS ISO 9001:2015 dalam sektor awam, 2010.

Buku Garis Panduan Kod Amalan Akreditasi (COPPA) edisi 2, MQA

Band, W. A. (1991). *Creating Value for Customers*. New York: Wiley.

Gotzami, K. D. & Tsiotras G. D. (2002). The True Motives behind ISO 9000 Certification: Their Effect on the Overall Certification Benefits and the Long Term Contribution Towards TQM. *International Journal of Quality & Reliability Management*. 19(2),151-169.

Kahar, A.S.A. (2008). Model kepuasan pelanggan Bagi Laman Web E-Runcit. (Master Thesis), Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi Malaysia.

Krejcie, R.Y., & D.R., Morgan. (1970). Determining sample size for research activities educational & psychological measurement. *Journal of Educational and Psychological Measurement* (30), 607-610.

Landell, K. (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Sons Inc.

Mohd Majid Konting (2000) Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurulhuda Ramli, Chai Siew Fun, & Fazli Idris. (2009) Kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan perpustakaan universiti awam di Malaysia. Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.

W. Jaffar. W. N., Ahmad. A. dan Hassan. H. (2005). Menilai Tahap Kemudahan yang Disediakan oleh Uitm: Satu Kajian Kes. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.

KAJIAN KEPUASAN MAJIKAN TERHADAP GRADUAN KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Mohammad Arif Bin Hasan, Mohd Hasbi Bin Mat Zain & Abdullah bin Bedul
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kebolehpasaran graduan adalah indikator bagi kejayaan sesebuah insitisi dalam usaha untuk mengeluarkan tenaga kerja yang berkualiti. Masalah pengangguran dalam kalangan graduan adalah fenomena di banyak negara dan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan, permintaan industri yang berubah di luar jangkaan dan graduan yang dihasilkan tidak sepadan dengan permintaan industri. Sehubungan itu, satu kajian kepuasan majikan telah dijalankan bagi mengukur persepsi majikan terhadap lepasan Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran, pengetahuan dan kemahiran insaniah bagi graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu berdasarkan persepsi majikan. Kajian kuantitatif ini telah dijalankan dengan soal selidik diedarkan kepada 116 majikan bagi mendapatkan persepsi majikan secara umum dan data yang dikumpul telah dianalisa untuk mendapatkan peratus dan min dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan rata-rata majikan mempunyai persepsi yang baik terhadap lepasan Kolej Komuniti Kuala Terengganu dan nilai min bagi konstruk kemahiran adalah 4.00, pengetahuan ialah 4.06 dan kemahiran insaniah ialah 4.05. Secara keseluruhannya kepuasan majikan terhadap tahap kemahiran graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu adalah tinggi iaitu nilai min 4.0. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Makki et al. (2015) yang merumuskan graduan yang berkeupayaan menguasai kemahiran mampu memperoleh pekerjaan dan menepati kehendak pekerjaan. Justeru itu, beberapa pihak terlibat seperti pihak kementerian, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kolej Komuniti, industri serta pelajar harus mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah pengangguran dan ketidaksepadanan permintaan indsutri terhadap graduan.

Kata Kunci : kepuasan majikan, kemahiran insaniah, permintaan industri

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan Transformasi Nasional 2050 (TN50), menjelang tahun 2050 negara memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada 37% kepada 55%. Justeru sebagai langkah untuk merealisasi sasaran negara, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu diarusperdanakan dan dipertingkatkan keupayaannya termasuk meningkatkan imej TVET pada pandangan masyarakat (Ramlee, 2013). Kolej Komuniti perlu memainkan peranan bagi menghasilkan graduan yang berilmu dan berkemahiran tinggi bagi menangani perubahan ekosistem pengajian tinggi negara. Oleh itu, untuk menjadi institusi pilihan dalam pendidikan teknik dan vokasional, pihak pengurusan Kolej Komuniti haruslah berusaha untuk menjadikan Kolej Komuniti sebagai satu institusi yang ulung dan seterusnya graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak majikan serta juga pasaran kerja pada masa kini. Graduan yang diingini oleh majikan pada masa kini ialah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran kebolehkerjaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai kemahiran kebolehkerjaan pelajar kolej komuniti Malaysia menurut kaca mata majikan.

Pendapat Marlina dan Shaharom (2016) menyatakan bahawa kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada tahun 2005 mendapati terdapat beberapa faktor yang menyebabkan siswazah gagal mendapatkan pekerjaan. Faktor utama yang disenaraikan oleh majikan ialah kemahiran komunikasi, manakala pencapaian akademik berada di tangga kelapan. Menurut Azah, Farah Liza dan Haryati (2010), masalah pengangguran dalam kalangan graduan universiti sering dikaitkan dengan isu kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian itu sendiri. Kurikulum di institusi pengajian tempatan juga dikatakan tidak memenuhi keperluan dan tuntutan pasaran kerja sektor swasta yang menyediakan 90 peratus peluang pekerjaan di negara ini. Masalah asas yang dihadapi graduan universiti tempatan untuk mendapat pekerjaan ialah kelemahan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, menggunakan komputer, berinteraksi dengan kaum lain, berkerja secara berpasukan serta kesanggupan mereka bekerja di luar waktu tugas rasmi

Kini, majikan bukan sahaja melihat kepada kelayakan akademik semata-mata tetapi juga melihat kepada keupayaan atau kemahiran graduan dari aspek spiritual dan keusahawanan. Azah et al. (2010) telah mengupas permasalahan isu kemahiran yang perlu dimiliki oleh graduan di samping mempunyai kelulusan akademik yang baik. Penemuan kajian mereka mendapati graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi seperti berkebolehan bekerja sendiri, kemahiran teknologi maklumat, kepimpinan, mudah menyesuaikan diri dan kemahiran intelektual telah membantu graduan untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh singkat. Menurut Gunn et al., (2010), kebolehpasaran graduan merujuk kepada kemahiran yang meliputi personaliti, kemahiran interpersonal dan juga sikap dan tingkah laku yang baik. Ia menyatakan bahawa dalam keadaan dunia pekerjaan yang sentiasa berubah, para majikan industri memerlukan para pekerja yang lebih kreatif, fleksibel, dan mempunyai kemahiran interpersonal yang tinggi. Banyak kajian kebolehpasaran graduan yang dijalankan oleh para penyelidik terdahulu mendapati majikan memerlukan pekerja yang mempunyai sikap positif, kemahiran efektif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran bekerja dalam kumpulan, berdaya usaha, interpersonal dan juga kemahiran memimpin (Greenan, Wu, Ramlee, & Ncube, 2008; Kutscher, 2010; Lankard, 2014; Mobley, 2015).

1.1 Pernyataan Masalah

Seringkali dibangkitkan tentang graduan yang tidak mempunyai cukup kemahiran dan tidak menepati kehendak industri yang bakal mereka ceburi. Banyak dakwaan mengatakan bahawa graduan di Malaysia sukar mendapatkan pekerjaan kerana tidak memenuhi keperluan majikan dari segi kemahiran (Siti Zaleha et al., 2017). Pengangguran dalam kalangan graduan adalah fenomena di banyak negara dan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan, permintaan industri yang berubah di luar jangkaan dan graduan yang dihasilkan tidak sepadan dengan permintaan industri.

Kolej Komuniti Kuala Terengganu telah menerima maklumat, panggilan, rintihan dalam kalangan majikan berkenaan dengan ketidakpuasan majikan terhadap graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Selain itu, graduan-graduan juga menyatakan hasrat timbulnya masalah-masalah semasa mereka bekerja. Kajian Pengesanan Graduan menunjukkan pengangguran disebabkan oleh kurangnya kemahiran yang diperlukan bagi menjamin kebolehpasaran pekerjaan (Esa et al., 2015). Esa et al. (2014) juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar kejuruteraan mempunyai kemahiran teknikal yang baik, namun kemahiran insaniah mereka tidak berada di tahap yang sama. Ini adalah kerana mereka mempunyai kekurangan dari segi komunikasi, keyakinan diri, dan penyesuaian diri di tempat kerja. Perkara ini perlu diberi perhatian memandangkan para majikan

memerlukan graduan yang menyerlah dalam kemahiran insaniah yang merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, serta mempunyai sikap yang positif terhadap kerja (Hanapi & Kamis, 2017; Leo, 2016; Machart, 2017).

Kajian-kajian lepas pula sukar untuk menunjukkan satu persetujuan yang nyata tentang kemahiran yang manakah yang menyumbang kepada kebolehpasaran (Suleman, 2016). Walaupun terdapat majikan yang menjadikan kemahiran interpersonal, komunikasi dan bekerjasama dalam pasukan sebagai pilihan mereka, namun terdapat juga majikan yang memberi keutamaan kepada kebolehan teknologi maklumat. Bagi Kwok et al. (2014) pula, kemahiran generik dan kemahiran bukan generik memainkan peranan yang sama penting dalam menentukan kebolehpasaran graduan. Justeru, terdapat keperluan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran insaniah bagi graduan Kolej Komuniti.

1.2 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan majikan terhadap graduan Kolej Komuniti Malaysia. Oleh itu, secara khusus tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti :

1. Tahap kemahiran graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu berdasarkan persepsi majikan.
2. Tahap pengetahuan graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu berdasarkan persepsi majikan
3. Tahap kemahiran insaniah graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu berdasarkan persepsi majikan.

2.0 METODOLOGI

Pendekatan kajian kuantitatif, tinjauan kaji selidik dijalankan ke atas 116 majikan mengikut sektor industri di seluruh Malaysia. Kaedah kuantitatif menggunakan analisis deskriptif kerana kajian ini dapat memperihai tentang sesuatu perkara dengan mengambil kira pelbagai aspek dan faktor yang perlu dinilai. Mohd Majid (2010) menjelaskan penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku. Ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan (2014) iaitu kajian berbentuk deskriptif dapat memberi gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu membuat perancangan pada masa akan datang. Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian ini merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan untuk masa akan datang.


Kajian ini akan menggunakan 116 majikan yang telah dipilih secara rawak mudah. Ini untuk memastikan sampel yang terpilih mewakili populasi industri yang sebenar. Bagi pengumpulan data kualitatif melalui teknik temu bual, kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan yang merupakan teknik persampelan bukan kebarangkalian yang memilih sampel berdasarkan kepada kepentingan dan tujuan kajian. Teknik ini sesuai bagi memberi penekanan kawalan pemboleh ubah (Cohen, 2011). Menurut Creswell dan Clark (2011) teknik ini sama dengan teknik persampelan strata. Pemilihan responden yang sesuai perlu

kepada satu penilaian bagi memenuhi keperluan maklumat yang dikehendaki iaitu pihak berkepentingan.

3.0 ANALISIS DATA DAN INTERPRETASI

3.1 Analisis Demografi

i. Demografi



Rajah 3.1 Taburan Majikan

Analisis demografi bagi dapatan kajian menunjukkan majikan bagi graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu adalah 93% atau 108 majikan adalah swasta. Manakala majikan kerajaan adalah 7% atau 8 majikan daripada jumlah 116 majikan.

ii. Bidang


Kebanyakan majikan yang mengambil pelajar-pelajar ini berkerja iaitu sebanyak 23.28% adalah dari bidang pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal ,diikuti dengan 21.60% adalah dari bidang pembinaan dan 21.60% adalah dari bidang bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara. Jumlah keempat terbanyak ialah 14.66% adalah dari bidang fesyen dan kecantikan. Lain-lain bidang adalah perdagangan borong dan runcit ialah 5.17%, kewangan dan insuarns/ takaful ialah 2.51%, pengangkutan dan penyimpanan ialah 1.72%, Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman ialah 1.72%, maklumat dan telekomunikasi ialah 1.72% dan pentadbiran dan khidmat sokongan ialah 1.72%. Antara peratusan terkecil kekerapan mengikut bidang adalah pembuatan ialah 0.86%, pendidikan ialah 0.86%, kesenian, hiburan dan rekreasi ialah 0.86%, Kesenian, Hiburan dan Rekreasi ialah 0.86%, Pentadbiran Awam dan Pertahanan ialah 0.86%, Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial ialah 0.86%.

Jadual 3.1 Kekekapan Mengikut Bidang


BIDANG	KEKERAPAN	PERATUSAN (%)
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	0	0
Pembuatan	1	0.86
Pembinaan	25	21.60
Pengangkutan dan Penyimpanan	2	1.72
Maklumat dan Telekomunikasi	2	1.72
Pentadbiran dan Khidmat Sokongan	2	1.72
Pendidikan	1	0.86
Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	1	0.86
Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemuliharaan	0	0
Perlombongan dan Pengkuarian	0	0
Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara	25	21.60
Perdagangan Borong dan Runcit	6	5.17
Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	27	23.28
Kewangan dan Insuarns/Takaful	3	2.51
Pentadbiran Awam dan Pertahanan	1	0.86
Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial	1	0.86
Fesyen dan Kecantikan	17	14.66
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman	2	1.72
Perkhidmatan lain	0	0
JUMLAH	116	100

iii. Gaji Permulaan

Majoriti dari lepasan Kolej Komuniti Kuala Terengganu ini menerima gaji permulaan antara Rm1001 –RM1500 atau 37.9 %. Kedua tertinggi dengan peratusan 37.1% graduan ini menerima gaji antara RM 501 ke RM 1000. Diikuti dengan gaji RM 1501- RM2000 dengan 14.7%, gaji RM500 ke bawah dengan 5.2 %.Antara graduan yang menerima gaji tertinggi iaitu RM 2500 – RM3500 ialah 4 orang atau 3% dan gaji RM2001-RM2499 dengan 1.7% iaitu 2 orang sahaja.



Rajah 3.2 Kekerapan Mengikut Gaji



Analisis min yang dilakukan menunjukkan nilai min 4.00 dengan sisihan piawai 0.676 iaitu mewakili nilai baik atau mahir. Kebanyakan pelajar lepasan Kolej Komuniti telah dikelaskan sebagai berkemahiran oleh para majikan.

Jadual 3.4 Dapatan bagi Konstruk Kemahiran

ITEM	KEMAHIRAN	MIN	S.P
i	Kemahiran pengurusan maklumat Information management skills	4.15	.634
ii	Kemahiran menggunakan komputer dalam pemprosesan maklumat Computer skills to process information	4.08	.635
iii	Kemahiran memilih peralatan/teknologi Skills in choosing equipment/technology	4.41	.614
iv	Kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif Skills in creative and innovative thinking	3.95	.746
v	Kemahiran membuat keputusan Skills in decision making	3.99	.694
vi	Kemahiran menyelesaikan masalah Skills in problem solving	3.43	.735
PURATA		4.00	.676

ii Pengetahuan

Dari segi pengetahuan, rata-rata pelajar Kolej Komuniti dikategorikan berpengetahuan dengan nilai min 4.06 dan sisihan piawai 0.627.

Jadual 3.5 Dapatan bagi Konstruk Pengetahuan

ITEM	PENGETAHUAN	MIN	S.P
i	Pengetahuan teknikal berdasarkan keperluan kerja Technical knowledge based on job requirement	4.11	.628

ii	Pengetahuan mengaplikasi teknologi dalam kerja Knowledge on technology application on job	4.01	.625
iii	Pengetahuan pengurusan tentang organisasi Knowledge on information management	4.04	.651
iv	Pengetahuan berkaitan dengan bidang tugas Knowledge on job scope	4.07	.603
PURATA		4.06	.627

iii Kemahiran Insaniah

Dapatan analisis menunjukkan secara purata, para pelajar Kolej Komuniti dikategorikan mempunyai kemahiran insaniah dengan nilai min 4.05 dan sisihan piawai 0.670.

Jadual 3.6 Dapatan bagi Konstruk Kemahiran Insaniah

ITEM	KEMAHIRAN INSANIAH	MIN	S.P
i	Berdisiplin dalam menjalankan tugas Dicipline in work task	4.15	.626
ii	Kemahiran komunikasi lisan Good communication skills	4.12	.680
iii	Kemahiran melaksanakan arahan Skill instruction	4.19	.647
iv	Kebolehan bekerja secara berpasukan Able to work in a team	3.98	.685
v	Kemahiran pengiraan Calculation Skills	3.87	.677
vi	Ketelitian dalam tugas Meticulous in task given	4.00	.696
vii	Ketepatan waktu Practise moral values	4.13	.665
viii	Kemahiran keusahawanan Entrepreneurship skills	3.93	.684
PURATA		4.05	.670

4.0 PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya kepuasan majikan terhadap tahap kemahiran graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu adalah tinggi iaitu nilai purata min 4.0. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Makki et al. (2015) yang merumuskan graduan yang berkeupayaan menguasai kemahiran mampu memperoleh pekerjaan dan menepati kehendak pekerjaan. Justeru objektif kajian dapat dicapai. Walaubagaimanapun, nilai min untuk kemahiran menyelesaikan masalah adalah yang paling rendah iaitu 3.43. Antara kemahiran yang perlu ada pada pelajar di pusat pengajian tinggi yang bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan menurut Lynn Senior (2016) pada abad ke-21 adalah:-

- i) Kemampuan menyiasat dan menganalisa
- ii) Pemikiran kritikal dan kreatif
- iii) Menemukan masalah dan menyelesaikan masalah
- iv) Komunikasi lisan dan bertulis
- v) Penaaakulan kuantitatif
- vi) Celik teknologi maklumat
- vii) Bekerja secara berpasukan
- viii) Beretika

Bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar, pihak kolej terutamanya boleh mempraktikkan model pengajaran dan pembelajaran *Problem Based Learning* (PBL). PBL merupakan salah satu kaedah pembelajaran aktif yang berasaskan teori konstruktivisme sosial. PBL merupakan pembelajaran yang bermula dengan masalah dan pelajar membina idea baru menggunakan bahan sokongan, maklumat dan pengetahuan sedia ada. PBL dilaksanakan secara kolaboratif di mana proses ini akan membantu pelajar membina beberapa kemahiran dan menggalakkan pelajar melalui proses penyelesaian masalah (Mohamed Ali Haniffa et.al, 2019)

Bagi konstruk pengetahuan pula, graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu dinilai tinggi oleh majikan. Purata skor min yang diperolehi untuk konstruk pengetahuan adalah 4.06. Pengetahuan berdasarkan keperluan kerja adalah min paling tinggi dengan 4.11 dan pengetahuan mengaplikasi teknologi dengan kerja mendapat nilai min paling rendah dengan 4.01. Majikan amat memerlukan pekerja yang kompeten selaras dengan kajian oleh (Mohamad Hanifah, Tin & Sulaiman, 2012) yang menyatakan daya saing dan produktiviti industri bergantung pula kepada kewujudan tenaga kerja yang berpendidikan, mahir, berketerampilan dan bermotivasi tinggi yang menjadi aset utama bagi merealisasikan hasrat ini atau kini diistilahkan sebagai pekerja berpengetahuan.

Berdasarkan persepsi majikan terhadap tahap kemahiran insaniah graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu, nilai purata skor min untuk konstruk kemahiran insaniah adalah 4.05. Kemahiran melaksanakan arahan didapati menunjukkan min yang tertinggi iaitu 4.19 dan kemahiran pengiraan mendapat nilai min yang paling rendah iaitu 3.98. Pada era globalisasi ini, kemahiran kompetensi generik yang tinggi dalam kemahiran interpersonal, kepimpinan, kerja berpasukan, kemahiran menulis dan lisan adalah diperlukan oleh para majikan. Dengan pelbagai kemahiran tersebut, produktiviti serta pengeluaran organisasi akan meningkat (Fatahiyah Elias et.al 2018). Bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar, aktiviti kokurikulum merupakan pendekatan yang terbaik bagi meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi, dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Antara item-item lain yang dinilai termasuklah tahap prestasi kerja secara keseluruhan, tahap kemahiran teknikal, pengetahuan teknikal serta tahap kualiti kelayakan graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu dalam bidang pekerjaan lain pada tahap yang boleh diterima oleh majikan masing-masing. Dapatan kajian ini juga menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak Kolej Komuniti Kuala Terengganu dalam meningkatkan kualiti graduan telah menampakkan hasil. Hasil dari kolaborasi pihak industri dalam program-program seperti program jempunan pensyarah industri, program sangkutan industri pensyarah, serta penilaian projek pelajar oleh industri telah memberi impak yang positif dalam menjamin kualiti para graduan.

5.0 IMPAK KAJIAN

Kajian kepuasan majikan ini memberi impak kepada pihak perkepentingan dalam bidang pengajian Kolej Komuniti. Antara pihak-pihak yang mendapat manfaat dari dapatan dan rumusan kajian adalah pihak Kolej Komuniti Kuala Terengganu, industri, majikan dan pelajar.

5.1.1 Kementerian

Dapatan kajian ini dapat memberi pihak kementerian satu data yang konkrit yang menunjukkan indeks kepuasan majikan terhadap graduan Kolej Komuniti. Pencapaian Kolej Komuniti sebagai salah satu akses pendidikan dan institusi TVET dalam membekal modal insan separa profesional kepada negara dapat diukur. Item kemahiran dan pengetahuan teknikal serta kemahiran generik yang telah dinilai oleh majikan telah dapat membuktikan graduan Kolej Komuniti yang seimbang dari segi pengetahuan dan rohani. Dapatan kajian ini juga membolehkan kementerian mengenalpasti bahawa arah tuju Kolej Komuniti adalah selari dengan lonjakan pertama dan keempat PPPM (PT) 2015-2025.

5.1.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025

Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) diselaraskan bersama lima aspirasi yang dinyatakan dalam Pelan PPM (PT) iaitu akses, kualiti, ekuiti, dan kecekapan. PPPM (PT) memberi kesan yang besar kepada masyarakat Malaysia kerana pemegang taruhnya meliputi golongan pelajar dan ibubapa, pengurusan IPT, staf IPT dan kumpulan industri. Kajian ini mengukur tahap kepuasan majikan terhadap tahap kemahiran teknikal dan pengetahuan teknikal serta kemahiran generik seperti yang digaris oleh PPPM (PT) yang mengambil kira atribut pelajar/ graduan dari segi etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan.

Kajian mendapati beberapa lonjakan di dalam PPPM(PT) berkait rapat dengan objektif dan skop kajian. Lonjakan pertama iaitu menghasilkan graduan holistik dan seimbang bagi memastikan kemampuan graduan dalam perubahan pesat ekonomi global hari ini. Dengan ini, sektor pendidikan perlu mengambil langkah proaktif dalam menyediakan graduan yang bermutu dari segi keterbukaan kepada perubahan, idea-idea baharu dalam melakukan sesuatu serta mempunyai kemahiran menyelesaikan cara-cara baru dalam melakukan sesuatu serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah bagi memenuhi tuntutan-tuntutan masa kini dan masa depan.

5.1.3 Kolej Komuniti Kuala Terengganu

Pihak Kolej Komuniti Kuala Terengganu dapat mengenalpasti kekuatan dan juga kelemahan sistem pengajaran dan pembelajaran. Walaupun secara keseluruhannya, pihak majikan menilai tinggi graduan KKKT dari segi kemahiran dan pengetahuan teknikal serta kemahiran generik, tetapi pihak Kolej Komuniti masih dapat mengesan ruang yang dapat dipertingkatkan lagi. Seterusnya, mempunyai peluang untuk meningkatkan mutu pendidikan dari segi teknikal dan kemahiran generik untuk memastikan graduan KKKT menepati semua kehendak yang diperlukan dalam alam pekerjaan yang dinamik. Justeru menjamin graduan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

5.1.4 Industri dan Majikan

Dapatan kajian menunjukkan seramai 93.33% pihak majikan sanggup menerima graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu sebagai pekerja jika terdapat kekosongan. Dengan itu, majikan juga bermanfaat dengan langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh pihak KKKT untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal serta kemahiran generik graduan yang bakal menjadi pekerja mereka yang lebih terlatih. Pasaran pekerja separa profesional dapat diisi dengan graduan yang menepati keperluan dan kehendak industri tanpa perlu diberi latihan semula yang melibatkan kos tambahan. Sumber tenaga terlatih ini akan dapat membantu pihak industri dan majikan untuk bergerak dengan lebih maju selaras dengan PPTM (PT).

5.1.5 Pelajar

Pelajar dapat mengetahui keperluan dan harapan majikan terhadap mereka. Dengan itu, pelajar dapat melengkapkan diri sendiri dengan menambahbaik kelemahan yang didapati dalam dapatan kajian seperti kemahiran bahasa inggeris, kemahiran analitikal, bekerja secara kumpulan, kemahiran pengurusan, ketelitian dalam tugas kerja melalui usaha sendiri dan bantuan pihak Kolej Komuniti melalui pelbagai program. Pada masa yang sama perkara ini juga dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar pada masa depan.

RUJUKAN

- Abbas Tashakkori & Charles Teddlie. (2010). *Mixed Methods in Social & Behavioral Research*. (Vicki Knight, Ed.) (2nd ed.). United States of America: Sage Publications.
- Abowitz, D. A., & Toole, T. M. (2010). Mixed Method Research: Fundamental Issues of Design, Validity, and Reliability in Construction Research. *Journal of Construction Engineering and Management*. doi:10.1061/(ASCE)CO.1943-7862.0000026.
- Bilal, M. N. M. & Ummah, M. A. C. S. 2016. A Case Study on the Impact of Internship Training in Finding Successful Job Placements: With Special Reference to South Eastern University of Sri Langka. *Proceedings of the 3rd International HR Conference*, 3(1).
- Cohen, M. (2011). *Research Methods in Education*. Routledge; 7 edition (April 28, 2011).
- Creswell, J., & Clark, P. (2011). *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (2nd edition). SAGE Publications, Inc.

- Esa, A., Selamat, A.S., Padil, S. & Jamaludin, J. (2014). Applications of soft skills in engineering programme at polytechnic Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 140, 115-120.
- Gunn, V. Bell, S and Kafmann. (2010) Thinking strategically about employability and graduate attributes: Universities and enhancing learning for beyond university. Enhancement themes. Available at http://www.enhancementthemes.ac.uk/documents/G21C/Employability_230210.pdf.
- Hanapi, Z, & Kamis., A. (2017). Analisis perbandingan di antara industri, pensyarah dan graduan terhadap kepentingan kemahiran teknikal dan kemahiran keboleherjaan yang perlu dikuasai oleh graduan bidang elektrik di kolej komuniti. *Humanika*, 9(1-5), 67–75.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). *ACTIVITIES*, 38, 607–610.
- Kwok, D., Gujral, M. & Chan, J. 2014. Work readiness: a study of student intern's self-perception and supervisor evaluation. *International Conference on Teaching & Learning in Higher Education, National University of Singapore*.
- Ramlee Mustapha. (2013b). Transforming Education toward K-Economy in Malaysia. *International Journal of Education Studies*.
- Suleman., F. 2016. Keboleherjaan skills of higher education graduates: little consensus on a much-discussed subject. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 228 (20), 169-174.
- Zeyrek, E. Y., & Lester, D. (2008). Cronbach alpha reliability and concurrent validity of the Collett-Lester Fear of Death Scale in a Turkish sample. *Psychological Reports*, 102, 706–708. doi:10.2466/PR0.102.3.706-708.
- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Maizatul Suraya Muhammad Nor (2018) Elemen Kemahiran Insaniah dalam Pendekatan Berpusatkan Pelajar Pengajaran Akidah Sekolah Rendah, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil 2* (2018)
- Noor Hasmahani Mohamad Hanipah, Poo Bee Tin, Noorasiah Sulaiman, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak 4 – 6 Jun 2012
- Othman, H. & Mustafa, R. (2006). Kemahiran Generik dalam Kelas Bercirikan Pembelajaran Berasas-Masalah (PBL) di Kalangan Pelajar Kolej Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO). *Proceedings of Seminar On Problem –Based Learning* (2006). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. ms 91-102
- Lynn Senior, (2016) *A Teacher's Guide to 14-19 Policy and Practice, The Political Environment in 14-19 Education*, ms 4
- Mohamed Ali Haniffa, Mohan Rathakrishnan, Salmah Omar, Hanani Ismail (2019), *Problem Based Learning Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia Di Universiti Utara Malaysia Volume: 4 Issues: 32* [September, 2019] pp.351-366] *International Journal of Education, Psychology and Counseling*

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR MEMILIH PROGRAM SERVIS KENDERAAN RINGAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Mohd Khairul bin Omar
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Terengganu. Antara faktor-faktor yang dikaji ialah faktor minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor kerjaya. Sampel kajian ini melibatkan 59 pelajar semester satu ambilan Julai 2015 yang mengikuti Program Sijil Servis kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang menggunakan Kurikulum Kemahiran Modular Kebangsaan. Instrumen kajian adalah menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden. Data yang telah diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) dan kemudian dilaporkan secara deskriptif dalam bentuk min. Dapatan kajian ini mendapati bahawa faktor minat (min =4.28) merupakan faktor paling tinggi yang mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan di samping faktor lain seperti faktor kerjaya (min =4.24), pengaruh ibu bapa (min =3.83) dan pengaruh rakan sebaya (min =3.29). Secara keseluruhannya, faktor minat, kerjaya dan dan pengaruh ibu bapa mencapai tahap yang memuaskan dan faktor pengaruh rakan sebaya berada pada tahap kurang memuaskan.

Kata Kunci: faktor, mendorong, program servis kenderaan ringan.

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan Laporan Dasar Automotif Negara bagi tahun 2013, Industri automotif adalah merupakan industri yang penting bagi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 3.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jumlah eksport sebanyak RM5.3 bilion, jumlah pelaburan sebanyak RM5 bilion (Januari-Oktober 2013:RM3 bilion) dan jumlah pekerja sebanyak 550,000 pada tahun 2012. Adalah diunjurkan pada tahun 2020, sumbangan industri automotif tempatan kepada KDNK meningkat kepada 10 peratus di mana pengeluaran kenderaan dijangka meningkat kepada 1.35 juta unit. Dari segi guna tenaga pula, industri automotif dijangka mewujudkan sebanyak 150,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Keperluan sektor perindustrian terhadap tenaga separa mahir dan tenaga mahir dalam bidang automotif sentiasa meningkat sejajar dengan sasaran pencapaian Negara ke arah wawasan 2020. Ramlee Mustapha (2002) berpendapat bahawa dalam merealisasikan Wawasan 2020 secara umumnya, para majikan bersetuju bahawa pendidikan teknik dan vokasional dapat membantu menyediakan pekerja mahir dan separa mahir yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah menawarkan program Sijil Servis Kenderaan Ringan di beberapa kolej komuniti di seluruh Negara. Servis kenderaan ringan merupakan salah satu bidang yang terdapat dalam industri automotif iaitu perkhidmatan selepas jualan. Kursus ini menggunakan Kurikulum Kemahiran Bermudular Kebangsaan. Ia melibatkan empat modul utama iaitu penyelenggaraan kenderaan ringan, pengimbangan dan penjajaran roda, penyelenggaraan sistem penghantaran dan rombak rawat enjin berbilang silinder.

Pemilihan bidang dan institusi pengajian oleh pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi merupakan suatu perkara yang penting. Ini adalah kerana ia akan menjadi antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan dalam pengajian bidang yang dipilih dan seterusnya mempengaruhi pencapaian pada masa hadapan seseorang pelajar. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain, terdapat pelbagai faktor yang mendorong pelajar memilih bidang pengajian.

Menurut Nurdzifazura dan Emyzatul Najlaa' (2015) telah menyenaraikan faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih program kulinari di Kolej Komuniti Nibong Tebal, Pulau Pinang. Faktor-faktor yang diutarakan adalah dari segi faktor minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor kerjaya mempengaruhi pelajar memilih program kulinari. Asnul Dahar Minghat dan Siti Azizah Disun (2011) dalam kajiannya telah menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus rekaan dan jahitan di daerah Muar, Johor. Empat faktor yang disenaraikan iaitu faktor minat, faktor kemudahan bengkel, faktor kerjaya serta faktor sikap pelajar dalam memilih kursus rekaan dan jahitan pakaian. Mohd Rizal dan Rusli Radzi (2008) telah menyenaraikan beberapa faktor pemilihan kursus hospitaliti sebagai pembentukan awal kerjaya di Insitut Kemahiran Belia Negara, Peretak. Antara faktor-faktor yang diutarakan dari segi pengaruh minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan kelayakan akademik yang mempengaruhi pelajar dalam memilih kursus hospitaliti. Menurut Mohd Kamarudin (2004) telah menyenaraikan beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar kursus automotif dalam pembentukan awal kerjaya di Sekolah menengah Teknik Negeri Terengganu. Antara faktornya adalah faktor minat, faktor guru, faktor pengetahuan Kemahiran Hidup Bersepadu, faktor keluarga dan faktor rakan sebaya dalam memilih kursus automotif.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kursus servis kenderaan ringan merupakan salah satu kursus dalam bidang teknik dan vokasional yang berteraskan kepada kemahiran teknikal. Kursus ini sentiasa menjadi pilihan kepada pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian selepas pengajian di sekolah. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong para pelajar memilih program servis kenderaan ringan.

Kepentingan kajian ini adalah, penyelidik dapat mengkaji faktor-faktor yang mendorong para pelajar memilih program servis kenderaan ringan supaya langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi menarik minat lebih ramai pelajar memilih program ini. Ia boleh membantu bahagian pengambilan pelajar kolej komuniti untuk membuat promosi pengambilan dengan lebih fokus kepada faktor yang lebih mempengaruhi pelajar membuat pemilihan bidang dan tempat pengajian.

Kajian ini juga akan dapat membantu pensyarah membuat persediaan kaedah pembelajaran yang sesuai berdasarkan faktor-faktor yang dikaji kerana faktor-faktor ini boleh mempengaruhi komitmen pelajar terhadap proses pengajian dan pembelajaran sepanjang pengajian di kolej komuniti.

Merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik yang lain, penyelidik telah memilih untuk membuat kajian terhadap empat faktor-faktor yang mendorong para pelajar memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu iaitu faktor minat, pengaruh ibubapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor kerjaya.

Menurut Asnul Dahar Minghat (2011a), minat merupakan faktor yang penting di dalam proses pembentukan awal kerjaya dimana minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk berjaya. Kajian mendapati semakin meningkat umur seseorang remaja semakin tinggi status pekerjaan yang dipilih tetapi di akhir peringkat remaja mereka akan memilih pekerjaan yang mereka minati dan mahir. Menurut Walker dalam Mohamed Najib Abdul Ghafar (2008) menyatakan sebahagian besar daripada mereka yang berjaya dalam kerjaya memilih kerjaya berdasarkan minat dan bukan dari pendapatan yang diperolehi.

Ibubapa merupakan individu yang paling rapat dan akan mempengaruhi setiap keputusan yang dibuat oleh anak-anak. Menurut Hishammudin dalam Baharin Abu (2010) mengatakan ibubapa merupakan kumpulan rujukan terpenting dikalangan anak-anak di dalam sistem kekeluargaan di Malaysia. Ibubapa biasanya mahu anak mereka mengikut jejak langkah mereka di dalam menentukan kerjaya mereka Hairunnaja Najmuddin (2005).

Menurut Suhaimi dalam Asnul Dahar Minghat (2011a), remaja lebih terpengaruh dengan rakan sebaya daripada orang lain dalam pelbagai aspek. Ramai remaja mula mempelajari erti kehidupan bersama rakan sebaya mereka. Remaja juga kadangkala memilih sesuatu bidang pendidikan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya Hairunnaja Najmuddin (2005). Walaubagaimanapun pendapat ini tidak disokong oleh Yahya Buntat (2010) dalam kajiannya iaitu pemilihan profesion perguruan dikalangan siswazah kejuruteraan di Maktab perguruan Teknik Kuala Lumpur juga mendapati faktor rakan sebaya tidak banyak mempengaruhi responden dalam membuat keputusan untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya.

Dunia kerjaya semakin hari semakin berkembang pesat mengikut peredaran zaman. Perkembangan kerjaya melibatkan usaha yang sentiasa meningkat dalam penyelidikan pekerjaan, pemilihan dan penilaian terhadap segala kemungkinan pekerjaan yang merangkumi aspek umum dalam perkembangan kerjaya, kejayaan dalam sesuatu pekerjaan yang diceburi semasa hayat dan peranan kerja yang khusus dalam sesuatu bidang tugas (Yahya et. al 2008). Menurut Yusof dalam Mohamed Sharif dan Roslee (2002) kerjaya didefinisikan sebagai profesion yang menjadi salah satu cara mencari nafkah. Manakala Mohamed fadzil (2002) mendefinisikan kerjaya sebagai kerja atau aktiviti untuk memenuhi keperluan psikologi, ekonomi dan sosial individu dan ini direalisasikan dengan bekerja sehingga berjaya. Menurut Herzberg dalam Asnul Dahar et. al (2011), seseorang individu itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan kerana terdapat beberapa ciri-ciri yang menarik seperti latar belakang pekerjaan, pangkat, bentuk kerja dan ganjaran.

1.2 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini mengandungi beberapa objektif yang hendak dicapai seperti berikut:

- i. Mengetahui sama ada faktor minat mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.
- ii. Mengetahui sama ada faktor pengaruh ibu bapa mendorong pelajar untuk memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.
- iii. Mengetahui sama ada faktor pengaruh rakan sebaya mendorong pelajar dalam memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.
- iv. Mengetahui sama ada faktor kerjaya mendorong pelajar dalam memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini menjurus kepada mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor minat?
- ii. Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh ibu bapa?
- iii. Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh rakan sebaya?
- iv. Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor kerjaya?

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan set soalan sedidik. Soalan soal selidik diedarkan kepada pelajar semester satu bagi program servis kenderaan ringan.

Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan. Instrumen soalan selidik yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan untuk mendapatkan maklumat dan ditukarkan kepada data yang dikehendaki. Menurut *Tuckman* (1985), kaedah soal selidik adalah cara terbaik untuk mendapatkan kerjasama daripada responden kerana responden bebas untuk memilih jawapan mengikut kehendak soalan soal selidik. Skala *Likert* digunapakai dalam soalan kajian ini untuk mengetahui jawapan responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Responden dikehendaki untuk memilih jawapan di dalam ruangan pada borang jawapan yang disediakan dan diwajibkan untuk menghantar borang berkenaan.

2.2 Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar semester satu program Sijil Servis kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Menurut Mohd Najib (1999), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Oleh itu pelajar-pelajar ini dipilih kerana mereka dapat memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh penyelidik iaitu pelajar yang baru mendaftar dan menjalani pengajian Sijil Servis Kenderaan Ringan pada semester satu.

Populasi semasa pelajar semester satu Program Servis Ringanambilan Julai 2015 adalah seramai 70 orang. Menurut Mok Soon Sang (2009), kualiti penyelidikan sama ada mengandungi ciri kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan atau tidak, adalah amat bergantung kepada cara pemilihan peserta melalui proses persampelan adalah kriteria yang ditetapkan, maka sampel yang dipilih untuk kajian adalah dapat mewakili populasi yang ditentukan untuk kajian. Penyelidik telah memilih seramai 59 orang pelajar sebagai sampel kajian berdasarkan Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (Mohamed Nor Azhari, 2014) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian.

2.3 Instrumen Kajian

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Menurut Tuckman (1985), kaedah soal selidik adalah cara terbaik untuk mendapatkan kerjasama daripada responden kerana responden bebas memilih jawapan soalan soal selidik.

Set soalan yang disediakan terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merangkumi soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden iaitu umur, jantina dan bangsa responden. Manakala Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan empat faktor yang mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan iaitu faktor minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor kerjaya.

Item soal selidik (jadual 1) dibina oleh penyelidik dengan merujuk kepada beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini.

Jadual 1: Pembahagian item bahagian B berdasarkan faktor yang mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan.

Faktor	Nombor item	Jumlah
Minat	1,2,3,4,5,6,7	7
Ibubapa	8,9,10,11,12,13,14	7
Rakan sebaya	15, 16,17,18,19,20	6
Kerjaya	21,22,23,24,25,26,27	7

Skala *Likert* (jadual 2) telah digunakan dan ianya terdiri daripada lima bentuk pilihan jawapan. Penggunaan skala ini disesuaikan dengan persoalan kajian. Responden dikehendaki menjawab setiap soalan dengan memilih satu jawapan sahaja pada ruang jawapan yang dikehendaki.

Jadual 2: Skala Likert

Skala Likert	Pengkelasan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

2.4 Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib (1999), kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi responden memberi jawapan. Dengan menggunakan beberapa kaedah, kebolehpercayaan terhadap soal selidik yang dibina oleh penyelidik boleh diuji. Ada beberapa model kepercayaan yang boleh digunakan iaitu Model *Split-Half*, Model *Guttman*, Model *Paralled*, Model *Script Paraller* dan Model *Cronbach Alpha* (Asnul Zahar dan Siti Azizah, 2011). Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk mendapatkan dan memastikan ketetapan soal selidik dari sudut kefahaman responden sama ada dari segi tatabahasa, isi kandungan, kejelasan

dan kebolehpercayaan (Yahya dan Khodijah, 2008). Penyelidik telah memilih untuk menggunakan Model *Cronbach Alpha* untuk kajian rintis ini. Menurut Najib (1999), saiz sampel untuk kajian rintis tidak perlu besar, memadai 6 hingga 10 orang sahaja. Mereka dipilih secara rawak untuk melihat kebolehpercayaan item-item soal selidik.

Kajian rintis telah dijalankan oleh penyelidik yang melibatkan 10 orang pelajar yang mengambil kursus Sijil Servis Kenderaan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Kemudian data kajian rintis ini diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) bagi menguji kebolehpercayaannya. Menurut Mohd Majid (2000), meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Hasil kajian rintis yang dijalankan memperoleh nilai Alpha sebanyak 0.817. Ini menunjukkan soalan selidik yang telah dihasilkan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu penyelidik telah menggunakan soal selidik ini untuk menjalankan kajian sebenar.

3.0 ANALISIS DATA

Semua data kajian yang diperolehi telah dikod dan diproses dengan menggunakan komputer melalui program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Dalam kajian ini statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data iaitu merujuk kepada nilai min. Nilai min setiap item soalan diperolehi dan dikategorikan mengikut objektif kajian. Untuk menilai tahap min keseluruhan, penyelidik telah mengkategorikan skor min seperti (Jadual 3).

Jadual 3 : Petanda Skor Min Bagi Setiap Objektif

Tahap	Skor Min
Tak Memuaskan	1.00 hingga 2.33
Kurang Memuaskan	2.34 hingga 3.67
Memuaskan	3.68 hingga 5.00

3.1 Dapatan Data Bahagian A- Data demografi

Hasil dapatan kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dijalankan ke atas seramai 59 orang responden yang terdiri daripada para pelajar Sijil Servis Kenderaan Ringan Julai 2015 di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Berdasarkan analisis data kajian ini, peratusan responden mengikut jantina ialah kesemua responden adalah lelaki. Taburan bagi peringkat umur responden yang dikaji pula 18-20 tahun adalah sebanyak 93% dan peringkat umur 21-22 tahun adalah sebanyak 7%. Bagi hasil dapatan untuk bangsa responden pula, menunjukkan Melayu mewakili 98 % dan India 2%.

3.2 Bahagian B – Faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

Penyelidik telah mengumpulkan kesemua min bagi setiap pembolehubah kajian. Ini dapat dilihat dalam (Jadual 4).

Jadual 4 : Taburan Min keseluruhan bagi setiap persoalan kajian

No	Persoalan Kajian	Min
1.	Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor minat?	4.28
2.	Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh ibu bapa?	3.83
3.	Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh rakan sebaya?	3.29
4.	Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor kerjaya?	4.24

Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhan perolehan min menunjukkan persoalan pertama, iaitu ‘*Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor minat?*’ memperoleh min tertinggi iaitu 4.28. Skor min ini menunjukkan faktor minat berada pada tahap yang memuaskan. Pernyataan bagi item 6, ‘Saya akan memberi tumpuan dengan perbincangan berkaitan menservis kenderaan’ merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.49. Bagi item 4, ‘Saya gemar menservis kenderaan sendiri’ diberi skor min yang terendah iaitu 3.98.

Persoalan kedua iaitu ‘*Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh ibubapa?*’ memperoleh skor min iaitu 3.83. Skor min ini menunjukkan faktor ibu bapa juga berada pada tahap yang memuaskan. Pernyataan bagi item 11 iaitu ‘Ibu bapa memberi galakan dan sokongan apabila saya memohon program ini’ merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.46. Bagi item 14, ‘Ibu bapa sentiasa membantu saya mendapatkan maklumat berkaitan servis kenderaan ringan’ diberi skor min yang terendah iaitu 3.32.

Persoalan ketiga iaitu ‘*Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor pengaruh rakan sebaya?*’ memperoleh skor min iaitu 3.29. Skor min ini menunjukkan faktor rakan sebaya berada pada tahap kurang memuaskan. Pernyataan bagi item 20, ‘Saya mendapatkan pandangan rakan saya sebelum memohon program ini’ merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 3.81. Bagi item 19, ‘Saya dan rakan memohon program yang sama’ diberi skor min yang terendah iaitu 2.54.

Persoalan keempat iaitu ‘*Sejauh manakah responden memilih program servis kenderaan ringan kerana faktor kerjaya?*’ memperoleh skor min iaitu 4.24. Skor min ini menunjukkan faktor kerjaya berada pada tahap yang memuaskan. Pernyataan bagi item 22, ‘Pelajar lepasan program servis kenderaan ringan mempunyai peluang pekerjaan yang baik’ merupakan item yang diberikan skor yang tertinggi iaitu 4.49. Bagi item 26, ‘Kerjaya sebagai mekanik boleh memberi pendapatan yang baik’ diberi skor min yang terendah iaitu 4.00.

Analisis dari skor min data menunjukkan terdapat tiga faktor yang berada pada tahap memuaskan iaitu faktor minat, kerjaya dan pengaruh ibu bapa. Manakala skor min data bagi faktor pengaruh rakan sebaya berada pada tahap yang kurang memuaskan. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa faktor minat adalah faktor yang paling mempengaruhi pelajar bagi memilih pengajian bagi program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Faktor kedua dan ketiga iaitu faktor kerjaya dan pengaruh ibu bapa. Faktor yang paling kurang mendorong pelajar memilih pengajian servis kenderaan ringan adalah faktor rakan sebaya.

4.0 PERBINCANGAN

Dalam menentukan hala tuju masa depan seseorang itu, pemilihan bidang yang bertepatan adalah penting terutama dalam menentukan kerjaya selepas memasuki alam pekerjaan nanti (Norlaila et. al 2018). Mohd Hisham Abd Manaf (2004) dalam kajiannya menyatakan bahawa proses memilih bidang pengajian ini merupakan satu proses yang amat penting kerana pemilihan bidang yang tepat akan memberikan pelbagai perkembangan yang positif dalam bidang pelajaran dan sahsiah.

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan faktor kerjaya telah menjadi mendorong responden dalam pemilihan program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Faktor yang paling mempengaruhi responden memilih program servis kenderaan ringan adalah faktor minat dan diikuti faktor kerjaya, faktor pengaruh ibu bapa dan faktor rakan sebaya.

Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Mohd Rizal (2008) dalam kajiannya terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus hospitaliti sebagai pembentukan kerjaya di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak menunjukkan faktor minat merupakan faktor yang paling dominan dan faktor rakan sebaya merupakan faktor yang paling tidak dominan. Selain itu juga kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun dua Sarjana Muda teknologi Serta Pendidikan, Fakulti pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia yang dijalankan oleh Yahya bin Buntat (2008) telah mendapat hasil kajian yang sama.

Faktor minat adalah merupakan faktor yang penting kerana ia akan mempengaruhi tindakan seseorang individu untuk mendapatkan sesuatu yang diminati. Bagai memastikan sesuatu yang diminati, seseorang itu akan sanggup membuat pelbagai pengorbanan dari segi masa, tenaga, kewangan dan lain-lain. Pelajar yang membuat pilihan mengikuti program servis kenderaan ringan atas faktor minat biasanya akan sentiasa berusaha memberi tumpuan sepanjang pengajiannya. Menurut Khashiatul-Fauziah (2003), minat adalah satu kecenderungan bagi seseorang individu untuk mengetahui, mempelajari dan menceburi sesuatu perkara yang menjuruskan mereka kepada pilihan yang diinginkan. Minat merupakan satu faktor penting untuk menjayakan sesuatu matlamat dan mendorong perubahan sikap pelajar terhadap sesuatu proses pembelajaran. Oleh itu tindakan perlu diambil oleh institusi untuk memastikan minat pelajar terhadap bidang servis kenderaan ringan terus dipertingkatkan. Antara cadangan bagi meningkatkan lagi minat pelajar terhadap bidang servis kenderaan ringan adalah dengan mewujudkan kelab berkaitan servis kenderaan ringan dan mengadakan pertandingan kemahiran yang melibatkan pelajar di institusi.

Peluang pekerjaan juga penting kerana ia akan menjamin masa depan pelajar tersebut apabila memasuki alam perkerjaan selepas pengajian. Kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam sesetengah bidang pengajian yang mempunyai peluang pekerjaan yang terhad akan meningkatkan lagi pengangguran di kalangan graduan.

Dorongan ibubapa dan anggota keluarga sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemilihan kerjaya mereka Salehuddin (2005). Azizi Yahaya (2007) mengatakan ibubapa dan anggota keluarga merupakan pendorong yang kuat kepada keputusan pemilihan kerjaya pelajar. Walaubagaimanapun, menurut Suradi dalam Yahya Buntat (2010), menyatakan pelajar memerlukan pertolongan pihak yang lebih matang untuk membuat pilihan kerjaya yang biasanya tidak dapat diberikan oleh ibu bapa mereka.

Rakan sebaya merupakan faktor yang paling kurang memberi kesan dalam pemilihan bidang pengajian yang dibuat oleh responden. Menurut Yahya et. al (2008), pemilihan yang di buat adalah di luar pengaruh rakan sebaya, kerana responden ketika pemilihan ini sudah mencapai usia dewasa, dalam usia begini ternyata pengaruh rakan sebaya tidak begitu memberi kesan terhadap pertimbangan seseorang.

5.0 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan penambahbaikan kajian yang lebih terperinci dilaksanakan pada masa hadapan dengan menambah faktor-faktor lain yang juga berpotensi mempengaruhi pelajar memilih program servis kenderaan ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Antaranya adalah faktor pengaruh promosi kemasukan pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran di institusi, kos pengajian, peluang untuk melanjutkan pengajian selepas bergraduan dan faktor pengaruh guru kaunseling semasa di sekolah.

Hasil kajian ini diharap menjadi rujukan kepada institusi bagi meningkatkan lagi jumlah pengambilan pelajar yang memohon untuk menyambung pengajian bagi program servis kenderaan ringan di institusi. Pelbagai program boleh dijalankan di peringkat sekolah oleh bahagian pengambilan dan promosi institusi bagi meningkatkan minat pelajar dalam bidang servis kenderaan ringan.

Kepelbagaian faktor pelajar memilih bidang pengajian juga akan mempengaruhi tahap komitmen dan penglibatan pelajar dalam pengajian semasa di kolej komuniti. Antaranya menurut Mohd Alias dalam Maisarah (2012), menyatakan bahawa para pelajar kadang kala terdesak untuk memilih atas kemahuan ibu bapa dan bidang pengajian tidak selari dengan minat serta bakat anaknya, ia bakal menimbulkan masalah. Banyak kes seperti ini membawa kepada kegagalan para pelajar dalam pelajarannya dan dunia pekerjaan yang akan diceburinya. Maka Pensyarah perlu mengambil tindakan mempelbagaikan kaedah mengajar dan sentiasa menilai keberkesanan kaedah yang pembelajaran yang digunakan kerana bagi memastikan pelajar bermotivasi dan berkeinginan untuk terus meningkatkan diri dalam pelajaran. Yaapar

Pihak Pengurusan juga dicadangkan supaya mengadakan program yang bersesuaian kepada pelajar semester satu yang memilih bidang Servis Kenderaan Ringan dengan pelbagai faktor yang berbeza bagi meningkatkan lagi minat terhadap bidang pengajian yang dipilih. Ini bagi memastikan pelajar sentiasa bermotivasi dan memberi komitmen yang sepenuhnya kepada proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang pengajian. Ini disokong oleh Zainuddin et. al (2011) bahawa minat memainkan peranan yang penting bagi membantu seseorang pelajar mencapai kejayaan dan minat yang wujud dalam diri seseorang pelajar akan mempengaruhi proses pembelajarannya. Selain dari itu ia juga akan dapat meningkatkan lagi gaya pembelajaran pelajar dan kemahiran belajar. Antara program yang boleh dijalankan adalah lawatan akademik ke industri-industri berkaitan automotif, menubuhkan kelab kemahiran automotif, menganjurkan pertandingan kemahiran dan membuat program bersama alumni yang telah berjaya dalam kerjaya dan lain-lain.

RUJUKAN

- Asnul Dahar Minghat & Noor Zalilah Mansor (2011a). Pemilihan Bidang Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Universiti Teknologi Malaysia.
- Asnul Dahar Minghat dan Siti Azizah Disun (2011). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Di Daerah Muar, Negeri Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Volume 4*, 58-76.
- Khashiatul-Fauziah Hamzah (2003). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai : Tesis Sarjana Muda.
- Maisarah binti Kamro. (2012). Kesediaan Menceburi Kerjaya Kejuruteraan Binaan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Binaan Bangunan Di Sekolah Menengah Vokasional. Fakulti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Mohamed Nor Azhari Azman dan Ramlee Mustapha (2014) Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tanjung Malim Perak. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Hisham Bin Abd Manaf (2004). Mengenal Pasti Faktor-faktor Utama Yang Mempengaruhi Pemilihan Pakej Mata Pelajaran Sains Dan Teknologi Di Kalangan Pelajar Lelaki Tingkatan Empat: Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Teknik Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Asas Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar & M. Noor Ariffin. (2008). Kesan Latihan Perguruan Ke Atas Faktor Pemilihan Perguruan. *Jurnal Teknologi*. ms15 – 31.
- Mohd Kamarudin Harun (2004). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Automotif Dalam Pembentukan Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai : Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Rizal Mohd Said dan Rusli Radzi (2008). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Memilih Kursus Hospitaliti Sebagai Pembentukan Awal kerjaya Di Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2009). *Literatur dan kaedah Penyelidikan*. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Noor Laila Asha'ari dan Mohd Fuad Omar (2018). Kajian Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Semester Satu Politeknik Kota Kinabalu Jke Sesi Jun 2018 Memilih Bidang

- Nurdzifazura Dziauddin dan Emyzatul Najlaa' Roslan (2015). Faktor-faktor Yang Mendorong Pelajar Memilih Program Kulinari Di Kolej Komuniti Nibong Tebal, Pulau Pinang. Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Zon Utara (SPEKKU) 2015.
- Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah Dimon, Nazneen Ismail dan Sahlawati Abu Bakar (2015). Faktor-faktor Yang Mendorong Pemilihan Institusi Pengajian Tinggi Di Kalangan Pelajar. *E-Proceeding of The 2nd International Conference on Arabic Studies And Islamic Civilization*, 9-10 March.
- Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin dan Hamdan Mohd Ali (2003). Integrasi Akademik Dan Vokasional : Rasional Dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan*. 28.77-90.
- Tuckman, B. W. (1994). *Conducting Educational Research*. USA: Harcourt Brace Collage Publisher.
- Yahya Buntat & Khodijah Hassan (2008). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Zainuddin Abu Bakar dan Fadzilah Tumin. (2011). Hubungan di antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa dengan Prestasi Terbaik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Psikologi Dan Kaunseling*, (2011), 25-43.

FAKTOR-FAKTOR STRUKTUR, INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL : HALANGAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM SUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Mohammad Arif Bin Hasan & Norasyimah Binti Ahmad
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Kuala Terengganu dari segi faktor struktur, faktor interpersonal dan intrapersonal pelajar. Data kajian yang dikumpul diproses dengan menggunakan program SPSS versi 17.0. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Seramai 230 responden yang terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Kuala Terengganu telah dipilih secara rawak. Faktor struktur adalah faktor utama menghalang penglibatan pelajar. Penggunaan alatan pada waktu tertentu merupakan satu faktor yang menyumbang min tertinggi dalam faktor struktur (3.82). Min bagi faktor ini menunjukkan tahap tinggi menggunakan skor julat min berdasarkan sistem tiga kuartil (tahap rendah, sederhana dan tinggi). Bagi mengatasi halangan ini dicadangkan pihak kolej menyediakan satu jadual yang lebih sistematik di mana pelajar boleh menggunakan pada masa lapang. Bagi melihat perbezaan di antara faktor penghalang faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal penglibatan dalam kegiatan kokurikulum, nilai purata min digunakan. Secara umumnya didapati faktor struktur merupakan faktor utama yang menjadi faktor penghalang dalam penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sukan. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik bagi mengumpulkan data.

Kata Kunci : interpersonal, intrapersonal, kegiatan kokurikulum

1.0 PENGENALAN

Kokurikulum di institusi pengajian tinggi telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Ianya telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan dalam kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbilang kaum. Laporan Jawatankuasa Kabinet telah menyatakan bahawa semua pelajar hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar perlu menyertai satu badan beruniform, satu sukan atau permainan dan satu kelab atau persatuan di kolej. Antara tujuan aktiviti kokurikulum diadakan di kolej ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang sempurna.

Menurut Falsafah Pendidikan Negara dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek, kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari semua segi tersebut. Menurut Mohd Sofian, Aminuddin & Borhan (2002) kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari semasa pembelajaran di bilik darjah.

Kajian ini akan melihat sejauh manakah faktor-faktor yang menghalang dan mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Selaras dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi penekanan kepada pelajar-pelajar terutama mereka yang ingin melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi Akademik akan diberi keutamaan dan ianya selaras dengan sistem meritokrasi bagi kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam. Di dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji kegiatan kokurikulum dan faktor yang menghalang penglibatan pelajar untuk menyertainya. Menurut Crawford dan Godbey (1987) terdapat tiga faktor yang menghalang penglibatan iaitu :

- 1) Faktor struktur ialah faktor-faktor seperti kekurangan kemudahan, peralatan, masa, wang dan maklumat.
- 2) Faktor interpersonal ialah faktor-faktor yang melibatkan interaksi atau hubungan antara individu seperti kesulitan mencari pasangan yang sesuai untuk bermain dalam sukan.
- 3) Faktor intrapersonal ialah faktor melibatkan keadaan psikologi individu yang bertindak menghalang penglibatan aktiviti bersukan. Ini termasuklah tekanan, kebimbangan, budaya, sikap, keagamaan, serta kemampuan dan kemahiran diri yang dimiliki.

Kegiatan kokurikulum ialah aktiviti-aktiviti yang melibatkan kegiatan sukan, persatuan/kelab yang berkaitan dengan matapelajaran dan kebudayaan, dan pasukan badan beruniform. Kegiatan sukan yang dimaksudkan seperti bola sepak, badminton, ragbi, renang, bola tampar, sepak takraw, memanah, tenpin boling, golf dan sebagainya. Kegiatan kelab/persatuan ialah Kelab Usahawan, Kelab Bimbingan dan Kaunseling, Persatuan Sains dan Matematik, Persatuan Bahasa Cina dan sebagainya. Badan Beruniform pula ialah Kadet Tentera, Kadet Bomba, Kadet Polis, Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah dan sebagainya..

Dalam kajian ini pengkaji akan memberikan penekanan kepada kokurikulum yang melibatkan kegiatan sukan. Model konsep yang digunakan oleh Crawford dan Godbey (1997) digunakan untuk menjelaskan mengapakah pelajar-pelajar kurang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum khususnya dalam aktiviti sukan. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan kerana tiada lagi penyelidik yang membuat kajian ke atas pelajar-pelajar yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam kokurikulum khususnya aktiviti sukan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu(HEP, 2015).

1.1 Masalah Kajian

Dalam kajian ini permasalahan yang hendak ditimbulkan ialah mengenalpasti faktor utama sebab-sebab yang diberikan oleh pelajar untuk tidak melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Kajian ini akan menyentuh tentang masalah yang melibatkan kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum khususnya sukan. Ramai pelajar beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana ianya tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik(HEP,2015). Halangan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dibebankan lagi dengan pengendalian program- program yang tidak sempurna. Sebagai contoh terdapat aktiviti pada hari kokurikulum hanya dikendalikan oleh kumpulan pelajar yang sememangnya kurang berpengalaman tanpa pemantauan dari pensyarah terlibat. Kesannya pelajar kolej tidak berminat untuk melibatkan diri.

Menurut Adnan (1990) walaupun sumbangan kokurikulum kepada pendidikan diakui, tetapi konsepnya masih kurang difahami hingga ada yang masih lagi menganggap bahawa kokurikulum sebagai kegiatan luar. Oleh itu, tidak menghairankan jika programnya dilaksanakan secara sambil lewa sahaja dan aktiviti dijalankan secara tergesa-gesa dan tidak diberi keutamaan seperti matapelajaran akademik. Dapatan Adnan (1990) disokong oleh Abu Bakar (1999). Dapatan kajian beliau menyatakan antara alasan pensyarah tidak bergiat dalam aktiviti kokurikulum ialah apabila pensyarah merasakan kokurikulum membuang masa pelajar, pensyarah tinggal jauh dari kolej, dan terlalu banyak tanggungjawab. Kedapatan juga pensyarah yang mengendalikan kegiatan kokurikulum kurang pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang telah ditetapkan oleh pihak kolej. Perlaksanaan kokurikulum di kolej tidak begitu mengalakkan atau tidak mendapat sepenuh sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pensyarah hingga mengakibatkan pelajar kurang berminat untuk mengambil bahagian.

Kenyataan ini disokong oleh Laporan Kabinet (1979) yang telah membuat kajian untuk melihat pelaksanaan dasar pelajar meyakini bahawa kecenderungan pensyarah terhadap sesetengah aktiviti kokurikulum seperti pergerakan beruniform dan beberapa jenis aktiviti sukan adalah tidak memberangsangkan. Sementara itu, menurut Ahmad Badawi (1984), dewasa ini pelajar terlalu mementingkan peperiksaan hinggan kegiatan kokurikulum yang juga sebahagian daripada pembelajaran tidak mendapat perhatian. Mereka tidak mahu melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum. Kajian beliau disokong oleh Lim Yen Yen (1991) yang mendapati faktor utama kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya aktiviti sukan kerana mereka tidak mempunyai semangat kesukanan.

Pelajar juga menganggap sukan kurang penting dan lebih menganggap pelajaran atau hiburan adalah lebih penting untuk menjamin masa depan yang lebih cemerlang. Kebanyakan pelajar tidak berminat menyertai kegiatan kokurikulum khususnya aktiviti sukan kerana tidak wujud kepuasan disebabkan kurangnya kemudahan sukan, peralatan sukan dan sebagainya.

Penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dimestikan kepada pelajar lelaki dan pelajar perempuan di semua kolej. Ini memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk melibatkan diri dan menimba pengetahuan melalui kegiatan kokurikulum. Walau bagaimanapun pelbagai faktor boleh menghalang penglibatan kegiatan kokurikulum pelajar lelaki dan perempuan terutamanya sukan. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Suzli (1997) menyatakan pelajar tidak melibatkan diri kerana mereka terpaksa menolong ibu bapa mereka di rumah. Oleh itu kajian ini juga bertujuan melihat adakah terdapat perbezaan antara faktor penghalang penglibatan yang diberikan oleh mereka ini berdasarkan jantina.

Pelajar-pelajar di kolej terdiri daripada pelbagai bangsa. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada bangsa Melayu dan Cina. Kebanyakan pelajar-pelajar ini datang dari kawasan-kawasan penempatan yang berlainan. Ada yang tinggal di bandar, di taman-taman perumahan, rumah sewa dan di kawasan luar bandar. Mereka ini menganut agama Islam dan Buddha dan sebagainya. Kebanyakan mereka ini mempunyai alasan dan sebab tersendiri menghalang mereka melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum sukan. Pengkaji mendapati belum ada kajian mengenal pasti faktor-faktor penghalang penglibatan pelajar ini dalam kegiatan kokurikulum sukan di lakukan oleh penyelidik terdahulu. Oleh itu kajian untuk mengenalpasti faktor utama yang menghalang penglibatan kokurikulum pelajar-pelajar dari pelbagai bangsa perlu dilakukan.

Pelbagai perancangan telah dilakukan samada dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan kolej-kolej bagi menurut kehendak dan Falsafah Pendidikan Negara. Tujuan peruntukan diberikan untuk menjamin peralatan dan kemudahan disediakan untuk pelajar menjalankan kegiatan mereka. Ramai juga dalam kalangan pensyarah dihantar berkursus untuk mempertingkatkan ilmu dan mampu memberi tunjuk ajar kepada pelajar di kolej mereka. Ramai dalam kalangan pelajar yang tidak hadir semasa kegiatan kokurikulum dijalankan. Oleh itu kajian ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah utama pelajar tidak hadir semasa kegiatan kokurikulum.

1.2 Objektif Kajian

Objekti kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti:

- i) Faktor tahap faktor utama (struktur, interporsonal dan intraporsonal) yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan.
- ii) Masalah-masalah utama dalam faktor struktur penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.
- iii) Faktor jantina, bangsa dan tempat tinggal dalam penglibatan dalam kegiatan kokurikulum

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk mengetahui:

- i) Apakah faktor tahap faktor utama (struktur, interporsonal dan intraporsonal) yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan.
- ii) Apakah masalah-masalah utama dalam faktor struktur penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.
- iii) Apakah faktor jantina, bangsa dan tempat tinggal dalam penglibatan dalam kegiatan kokurikulum

2.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik untuk membantu pihak kolej, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi dan yang berkaitan dalam merancang program kokurikulum di kolej Komuniti. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu mempertingkatkan lagi penyertaan pelajar dan kualiti program kokurikulum di kolej agar lebih teratur dan efisien. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu mengalakkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum seterusnya masyarakat akan lebih perihatin terhadap kepentingan kokurikulum demi masa depan pelajar.

3.0 BATASAN KAJIAN

1. Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Kolej komuniti Kuala Terengganu, Terengganu.

2. Populasi

Populasi kajian adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang belajar di Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Terengganu yang berlainan latar belakang dan jumlahnya ialah 595 orang pelajar. Pelajar yang terpilih adalah pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan, Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Kenderaan Ringan, Sijil Fesyen

dan Pakaian dan Sijil Teknologi Senibina. Menurut Tuckman (1978) saiz sampel perlu di maksimumkan supaya dapat meminimalkan persampelan. Manakala menurut Mohd Majid Konting (1990), penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz subjek melebihi 30. Saiz subjek seramai 30 orang ini akan mengurangkan ralat persampelan. Oleh itu sampel kajian adalah 230 orang pelajar yang terdiri dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang belajar di komuniti Kuala Terengganu. Ini melebihi kehendak carta A A.morgen. Pemilihan sampel adalah menggunakan persampelan rawak mudah kerana populasi sampel tidak seragam dan teknik dapat mengurangkan ralat persampelan (Mohd Majid Konting 1998).

4.0 METODOLOGI

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat kajian untuk mengumpul maklumat mengenai latar belakang sampel kajian serta menjawab item-item soalan yang berkaitan dengan kajian ini. Rasionalnya penyelidik menggunakan set soal selidik ini adalah berasaskan kepada pendapat Majid Konting (1993) yang berpendapat bahawa soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Tuckman (1985), berpendapat bahawa soal selidik merupakan satu cara berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada pemerhatian terhadap tingkahlaku. Isaac dan Michael dalam Ghazali (2002) juga mengutarakan idea yang hampir sama iaitu soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Dalam kajian ini data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey., Crawford & Von Eye (1993). Borang soal selidik ini telah dialih bahasa dan diubahsuai oleh Aminuddin Yusof (2002) melihat faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan. Soal selidik ini tidak banyak diubahsuai untuk digunakan dalam kajian ini bagi mengatasi masalah kesahan.

5.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada aspek interpersonal, intrapersonal dan struktur responden yang diambil dalam kalangan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

6.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

6.1 Pendahuluan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan. Bab ini meliputi keputusan analisis statistik untuk menguji dan menjawab soalan-soalan kajian. Data yang telah dikumpul melalui soal selidik diproses menggunakan 'Statistical Package for The Social Sciences' (SPSS). Dapatan kajian ini dihuraikan kepada dua bahagian iaitu dapatan awal dan dapatan persoalan kajian. Sejumlah 230 soal selidik telah diedarkan dan kesemua soal selidik tersebut telah diterima semula. Ini kerana soal selidik diedar dan dikumpul sendiri oleh penyelidik.


6.2 Dapatan Kajian

Seramai 230 pelajar-pelajar Kolej komuniti Kuala Terengganu diambil bagi tujuan kajian. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan, Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Kenderaan Ringan, Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Teknologi Senibina.

Jadual 1 : Profil sampel mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	165	71.70
Perempuan	65	28.30
JUMLAH	230	100

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan dari segi jantina pelajar lelaki adalah seramai 165 orang atau 71.70%. Sementara pelajar perempuan pula seramai 65 orang atau 28.30%. Keseluruhan subjek kajian adalah seramai 230 orang.



Rajah 1 : Profil sampel mengikut bangsa

Jadual 2 : Profil sampel mengikut bangsa

Bangsa	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Melayu	228	99.10
Cina	2	0.90
India	-	-
JUMLAH	230	100

Rajah 1 dan jadual 2 menunjukkan profil sampel bagi kategori bangsa, pelajar yang berbangsa Melayu merupakan kumpulan bangsa yang teramai iaitu 228 orang atau 99.1% dari keseluruhan sampel. Di ikuti pelajar berbangsa Cina adalah kumpulan yang terkecil seramai 2 orang atau 0.9% sahaja.

Jadual 3 : Profil sampel mengikut tempat tinggal.

Tempat Tinggal	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Rumah Sewa	54	23.50
Rumah Sendiri/Keluarga	176	76.50
JUMLAH	230	100


Daripada jadual 3 menunjukkan profil sampel mengikut tempat tinggal. Seramai 54 orang atau 23.50% tinggal di rumah sewa dan seramai 176 orang atau 76.50% tinggal di rumah sendiri atau dengan keluarga.

Jadual 4 : Profil sampel mengikut tempat tinggal megikut kawasan

Lokasi Tempat Tinggal	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Bandar	91	39.57
Luar bandar	139	60.43
JUMLAH	230	100

Daripada jadual 4 didapati seramai 91 orang sampel (39.57%) tinggal di Bandar dan 139 orang sampel (60.43%) tinggal di luar Bandar.

Jadual 6 : Profil sampel mengikut pencapaian Akademik




Rajah 2 : Profil sampel mengikut pencapaian Akademik

Jadual 5 : Profil sampel mengikut pencapaian Akademik

Pencapaian Akademik	Kekerapan (f)	Peratus (%)
3.50 – 4.00	16	7.00
3.00 – 3.49	156	67.80
2.50 – 2.99	52	22.60
2.00 – 2.49	6	2.60
2.00 ke bawah	-	0
JUMLAH	230	100

Daripada jadual 5 dan rajah 2, didapati 16 orang sampel (7.00%) mendapat pencapaian antara 3.50-4.00, 156 orang (67.80%) mendapat 3.00-3.49, 52 orang (22.60%) mendapat 2.50-2.99, 0 orang (0%) mendapat 2.00-2.49.



Rajah 3 : Profil sampel Kekerapan Bersukan

Jadual 6 : Profil kekerapan bersukan

Kekerapan Bersukan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kurang 1 jam	126	54.80
1 hingga 5 jam	77	33.47
5 hingga 9 jam	25	10.87
10 jam ke atas	2	0.89
JUMLAH	230	100

Daripada jadual 7 dan rajah 3, didapati 126 orang sampel (54.80%) bersukan kurang 1 jam sehari, 77 orang (33.47%) bersukan 1 hingga 5 jam sehari, 25 orang sampel (10.87%) bersukan 5 hingga 9 jam sehari dan 2 orang sampel sahaja (0.89%) bersukan melebihi 10 jam sehari.

Jadual 7: Faktor interpersonal mengikut pangkatan dan min.

Pangkatan	Soalan	Min
Soalan 4	Pengetahuan tentang aktiviti sukan tidak mencukupi	2.83
Soalan 9	Tidak memahami matlamat dalam melibatkan diri dalam sukan	2.69
Soalan 1	Masalah kewangan dalam mengikuti aktiviti sukan diri	2.64
Soalan 14	Takut gagal dalam peperiksaan apabila melibatkan diri dalam sukan	2.64
Soalan 6	Kelas tambahan menghalang dalam melibatkan diri dalam sukan	2.63
Soalan 5	Tidak mempunyai masa dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.63

Soalan 15	Sering gagal apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.46
Soalan 2	Tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dalam sukan	2.36
Soalan 12	Takut cedera apabila melibatkan diri dalam sukan	2.42
Soalan 3	Tidak selesa untuk melibatkan diri dalam sukan	2.32
Soalan 10	Tidak berminat dalam melibatkan diri dalam sukan	2.27
Soalan 13	Sering menghadapi masalah kesihatan	2.25
Soalan 11	Aktiviti sukan membosankan	2.24
Soalan 8	Malu melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.24
Soalan 7	Aktiviti sukan bertentangan dengan kepercayaan agama	1.62

Bagi faktor interpersonal, mengikut jadual 7, dapatan kajian menunjukkan item soalan 4 ($M=2.83$) iaitu pengetahuan tentang aktiviti tidak mencukupi adalah faktor halangan yang paling tinggi menyebabkan pelajar-pelajar tidak melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum sukan. Diikuti oleh soalan 9 ($M = 2.69$) iaitu tidak memahami sepenuhnya matlamat melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Sementara itu item soalan 1 ($M = 2.64$) iaitu masalah kewangan untuk mengikuti aktiviti sukan kerana kebanyakan pelajar tinggal jauh dari kawasan sekolah dan menyebabkan mereka memerlukan belanja tambahan bagi menghadiri aktiviti kokurikulum pada waktu petang dan item soalan 14 ($M= 2.64$) iaitu takut menghadapi kegagalan dalam peperiksaan adalah pangkatan ke tiga dalam faktor interpersonal.

Item soalan 6 ($M = 2.63$) kesibukan pelajar mengikuti kelas tuisyen adalah pangkatan keempat dalam faktor interpersonal dan diikuti soalan 5 ($M=2.63$) tidak ada masa untuk bersukan dan menduduki pangkatan kelima dalam faktor interpersonal. Pangkatan keenam pula ialah item soalan 15 ($M=2.46$) sering gagal apabila melibatkan diri dalam sukan. Pangkatan ketujuh pula ialah item soalan 2 ($M=2.36$) tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Soalan 12 ($M= 2.42$) menduduki pangkatan seterusnya iaitu takut cedera apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Kedudukan dalam pangkatan yang seterusnya ialah soalan 3 ($M=2.32$) iaitu merasa tidak selesa untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Soalan 10 ($M=2.27$) tidak berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Item soalan yang seterusnya ialah soalan 13 ($M=2.25$) masalah kesihatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Item soalan 11 ($M=2.24$) aktiviti sukan sangat membosankan menduduki pangkatan ketiga terendah.

Manakala item soalan 8 ($M=2.24$) malu untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan menduduki pangkat kedua terendah dan item soalan 7 ($M=1.62$) iaitu aktiviti sukan bertentangan dengan kepercayaan agama. Ini adalah disebabkan kesemua aktiviti sukan yang dijalankan di sekolah tidak bertentangan dengan agama. Berdasarkan cara pengukuran tahap dibuat melalui sistem tiga kuartil dengan melalui skor julat min didapati bahawa semua soalan interpersonal menunjukkan tahap yang sederhana melainkan soalan 7 yang berkaitan kepercayaan agama menunjukkan tahap yang rendah. Di sini didapati bahawa faktor kepercayaan kepada agama bukan merupakan faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan.

Jadual 8: Faktor Intrapersonal mengikut pangkatan dan min

Pangkatan	Soalan	Min
Soalan 10	Dibebankan dengan kerja kolej yang banyak	3.37
Soalan 9	Pensyarah memberi perhatian kepada pelajar yang berkebolehan sahaja	3.28
Soalan 6	Jurulatih yang berminat dalam sukan tidak mencukupi	2.91
Soalan 5	Bilangan pensyarah yang melibatkan diri dalam sukan tidak mencukupi	2.70
Soalan 8	Pensyarah tidak memilih walaupun berminat dalam sukan	2.67
Soalan 14	Kolej sentiasa mengutamakan program akademik	2.55
Soalan 2	Tidak mempunyai rakan yang berminat untuk bersukan	2.48
Soalan 1	Tidak mempunyai kawan untuk sama-sama bersukan	2.35
Soalan 3	Keluarga tidak memberi galakan	2.25
Soalan 15	Kolej tidak memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan	2.22
Soalan 11	Tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan	2.22
Soalan 7	Pensyarah sentiasa membuat tanggapan negatif	2.22
Soalan 13	Kolej tidak memberi pengitirafan jika berjaya dalam sukan	2.07
Soalan 12	Kolej tidak memberi galakan	2.06
Soalan 4	Pensyarah tidak memberi galakan	1.96

Berdasarkan jadual 8 bagi faktor intrapersonal pula, item soalan 10 ($M = 3.37$) iaitu beban kerja kolej yang terlalu banyak adalah soalan yang tertinggi pangkatannya dalam kumpulan faktor intrapersonal. Ini kerana kebanyakan kolej terlalu mementing pencapaian akademik daripada kegiatan kokurikulum sukan dan untuk memastikan pelajar cermerlang dalam bidang akademik, pihak kolej memperbanyakkan kerja kolej atau latihan kepada pelajar. Item soalan 9 ($M = 3.28$) iaitu pensyarah hanya memberi perhatian kepada kepada pelajar yang berkebolehan dalam sukan berada pada pangkatan ke 2. Item soalan 6 ($M = 2.91$) jurulatih yang berminat dalam aktiviti sukan tidak mencukupi dan soalan 5 ($M=2.70$) menyokong pernyataan di atas kerana kebanyakan pensyarah kurang melibatkan diri dalam aktiviti sukan menyebabkan jurulatih dalam aktiviti kokurikulum sukan kurang di Kolej Komuniti Hulu Langat.

Pangkatan ke lima intrapersonal ialah soalan 8 ($M = 2.67$) iaitu pensyarah tidak memilih pelajar walaupun berminat mengikuti aktiviti sukan dan seterusnya soalan item 14 ($M=2.55$) pihak kolej mementing program akademik menyokong soalan yang mendapat pangkatan tertinggi. Item soalan 2 ($M = 2.48$) iaitu tidak mempunyai kawan yang berminat untuk bersukan dan Item soalan 1 ($M = 2.35$) menyokong pernyataan item soalan 2. Item

soalan yang menduduki pangkatan ke sembilan ialah item soalan 3 ($M=2.25$) iaitu tidak mendapat galakkan keluarga. Item soalan 15 ($M=2.22$) iaitu pihak kolej tidak memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Soalan 11 ($M= 2.22$) tertarik melepak bersama kawan daripada mengikuti aktiviti sukan dan soalan 7 ($M= 2.22$) pensyarah membuat tanggapan negatif menduduki pangkatan ke sebelas.

Pangkatannya yang seterusnya ialah soalan 13 ($M=2.07$) pihak kolej tidak memberi pengiktirafan jika berjaya dalam aktiviti sukan. Soalan 12 ($M=2.06$) pihak kolej tidak memberi galakkan dalam aktiviti sukan. Soalan 4 ($M=1.96$) kolej tidak memberi galakkan melibatkan pelajar dalam aktiviti sukan merupakan faktor intra personal yang terendah sekali. Berdasarkan cara pengukuran tahap dibuat melalui sistem tiga kuartil dengan melalui skor julat min didapati bahawa soalan 10 menunjukkan tahap yang tinggi di mana bebanan kerja kolej merupakan masalah besar kepada pelajar bagi menghadiri kegiatan kokurikulum sukan. Manakala lain-lain soalan menunjukkan tahap sederhana.

Jadual 9: Faktor struktur mengikut pangkatan dan min

Pangkatannya	Soalan	Min
Soalan 6	Alatan sukan boleh digunakan waktu tertentu sahaja	3.82
Soalan 11	Peralatan sukan tidak mencukupi	3.53
Soalan 4	Kemudahan sukan tidak dapat menampung pelajar yang ramai	3.23
Soalan 7	Masalah pengangkutan ke kolej	3.19
Soalan 14	Kolej tidak menyediakan jadual penggunaan kemudahan sukan.	3.11
Soalan 15	Stor sukan tidak dibuka setiap hari dan menyukarkan mendapat alatan	3.10
Soalan 10	Sukar menggunakan peralatan sukan di kolej	2.75
Soalan 2	Kemudahan sukan di kolej tidak mencukupi	2.74
Soalan 1	Kedudukan rumah yang jauh	2.74
Soalan 5	Kemudahan sukan di kolej tidak dijaga	2.66
Soalan 8	Peralatan sukan yang mahal.	2.60
Soalan 9	Peralatan yang terdapat di kolej rosak dan uzur	2.54
Soalan 14	Kolej tidak menyediakan papan kenyataan aktiviti sukan	2.43
Soalan 3	Kemudahan sukan di kolej tidak selamat	2.30
Soalan 12	Pakaian sukan mendedahkan aurat	2.10

Berdasarkan jadual 9, perbezaan min bagi setiap pelajar berdasarkan item soalan-soalan yang dikemukakan mengikut faktor. Bagi faktor struktur, dapatan kajian menunjukkan item soalan yang berkaitan dengan kemudahan penggunaan peralatan sukan menunjukkan min yang tinggi iaitu soalan 6 ($M=3.82$), dan soalan 11 ($M=3.53$) berkaitan peralatan yang tidak mencukupi dan soalan 4 ($M=3.23$) masalah kekurangan alatan yang tidak mencukupi adalah antara faktor halangan yang tinggi menyebabkan pelajar-pelajar tidak melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum sukan. Kemudian diikuti dengan masalah pengangkutan

iaitu soalan 7 (M=3.19). Faktor yang berkaitan dengan kemudahan dalam penggunaan alatan dan jadual penggunaan alatan merupakan faktor yang seterusnya merupakan halangan kepada pelajar iaitu soalan 14 (M= 3.11) iaitu jadual penggunaan alatan yang tidak disediakan oleh pihak kolej , soalan 15 (M=3.10) masalah menggunakan alatan kerana stor tidak dibuka setiap hari dan soalan 10 (M=2.75) kesukaran menggunakan peralatan dan soalan 2 (M=2.74) kemudahan sukan yang tidak lengkap.

Faktor kedudukan rumah yang jauh merupakan faktor penghalang yang seterusnya iaitu soalan 1 (M=2.74). Sementara soalan 5 (M=2.66) mengenai kemudahan sukan yang tidak dijaga dengan baik. Manakala soalan 8 (M=2.60) pelajar tidak mampu membeli alatan sukan yang mahal yang menyebabkan sukar mengikuti aktiviti sukan. Soalan 9 (M=2.54) merupakan faktor struktur ke empat terendah mengenai peralatan yang telah uzur dan rosak. Masalah tiada papan kenyataan yang disediakan oleh pihak kolej merupakan faktor ke tiga terendah iaitu soalan 14 (M=2.43). Soalan 3 (M=2.30) mengenai kemudahan sukan yang tidak selamat adalah item soalan kedua terendah manakala soalan 12 (M=2.10) iaitu mengenai pakaian yang mendedahkan aurat merupakan faktor yang paling rendah.

Ini adalah kerana segala kegiatan kokurikulum yang dijalankan di kolej adalah mengikut kehendak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan tidak melanggar kepercayaan agama. Berdasarkan cara pengukuran tahap dibuat melalui sistem tiga kuartil dengan melalui skor julat min didapati bahawa soalan 6 dan soalan 11 menunjukkan tahap yang tinggi. Soalan ini adalah berkaitan dengan kemudahan peralatan. Sementara soalan lain menunjukkan tahap sederhana.

Keseluruhan dapatan dari jadual 7, 8 dan 9 di atas, dapat dirumuskan bahawa faktor struktur adalah faktor utama penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum diikuti dengan faktor intrapersonal dan faktor interpersonal. Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang iaitu faktor struktur penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan jantina ujian t telah digunakan.

7.0 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1 Pendahuluan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Dalam bab ini perbincangan dibuat berdasarkan kajian-kajian terdahulu samada ianya menyokong atau bercanggah dengan dapatan kajian terdahulu. Faktor penghalang dari faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal. Pada mulanya perbandingan menggunakan pangkatan dari min digunakan untuk menentukan faktor utama menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum khususnya sukan.

Hasil kajian menunjukkan faktor utama menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah dapatan kajian yang menyatakan masalah penggunaan alatan yang boleh digunakan pada waktu-waktu tertentu sahaja. Selain dari itu bilangan peralatan yang tidak mencukupi berbanding pelajar yang ramai juga satu faktor yang membataskan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan. Masalah pengangkutan juga adalah satu lagi masalah yang mengekang penglibatan pelajar.

Seramai 23.50% pelajar yang dikaji tinggal di bandar dan 76.50% tinggal di luar bandar. Walaupun pelajar yang tinggal di bandar, mereka masih menyatakan masalah pengangkutan menjadi masalah bagi mereka kerana kedudukan rumah mereka yang agak jauh dari kawasan kolej. Kekurangan maklumat mengenai kegiatan dan kemudahan juga menjadi faktor hingga menyebabkan pelajar tidak mengetahui kemudahan yang disediakan. Faktor struktur adalah faktor utama menjadi penghalang penglibatan pelajar. Dapatan ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Mat Aris (1994) yang menyatakan antara faktor penghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum adalah faktor luaran iaitu kemudahan. Kajian oleh Roslan (1994), Mohammad Haris (1999), Mustafa Kamal (2000) dan Ramli (1999) telah menyokong kajian iaitu salah satu faktor utama menghalang penglibatan pelajar ialah kemudahan.

Dapatan kajian tersebut sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zulkifli (1997) yang menyatakan faktor struktur seperti saiz kolej, bilangan pelajar yang ramai amat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam menyertai kegiatan kokurikulum, sementara faktor-faktor lain hanyalah sebagai penyokong. Kajian Boothby (1981) juga mendapati masalah seperti kurang minat, kekurangan kemudahan dan lain-lain masalah fizikal sebagai faktor-faktor penghalang individu melibatkan diri di dalam aktiviti bersukan.

Faktor struktur yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah faktor kekurangan maklumat mengenai kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di kolej. Hasil kajian memperlihatkan kebanyakan pelajar tidak tahu perkembangan aktiviti kokurikulum. Ini mungkin disebabkan pihak kolej tidak menyediakan papan kenyataan bagi menghebahkan aktiviti kokurikulum sukan dan lokasi papan kenyataan yang tidak strategik. Faktor kekurangan masa untuk membaca maklumat yang ditampal juga menyebabkan pelajar tidak mendapat maklumat sepatutnya. Adalah dicadangkan satu papan maklumat atau lebih mengenai kegiatan kokurikulum perlu ditempatkan di tempat tumpuan pelajar agar mereka mendapat maklumat jelas mengenai kemudahan dan kegiatan yang dijalankan.

Siaran dan surat makluman kepada pelajar boleh diedarkan dan ditampal bilik-bilik kuliah untuk makluman semua pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor pengelolaan aktiviti bertentangan dengan agama adalah yang paling sedikit. Ini menunjukkan pelajar tidak menganggap kegiatan kokurikulum sukan yang dijalankan di sekolah ini bertentangan dengan kepercayaan agama pelbagai bangsa yang belajar di sekolah ini. Ini kerana setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengikut kehendak dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Pemantauan dan penyeliaan yang dijalankan oleh pihak pentadbiran kolej khususnya unit sukan dapat memastikan aktiviti dikendali mengikut kehendak kementerian. Langkah ini perlu diteruskan bagi menjamin penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat ditingkatkan. Dapatan ini bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Hamidah (1999) mendapati pada penglibatan pelajar Islam dalam kegiatan kokurikulum kurang terserlah kerana dalam kalangan ibu bapa menganggap penglibatan anak-anak mereka dalam kegiatan kokurikulum menjejaskan pencapaian akademik.

Keputusan menunjukkan faktor penghalang penglibatan antara pelajar lelaki mengatasi pelajar perempuan dari segi faktor struktur dan intrapersonal. Ini menunjukkan pelajar lelaki lebih menghadapi masalah untuk melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum. Ini adalah disebabkan kurangnya sokongan keluarga dalam menyertai aktiviti kokurikulum dan ada antara pelajar lelaki yang membuat kerja sampingan bagi mendapatkan wang saku mereka sementara pelajar perempuan pula terpaksa menolong ibu bapa mereka membuat kerja di rumah. Dapatan ini bersamaan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mustafa

Kamal (2000) mendapati kebanyakan ibu bapa kurang mendorong penglibatan anak-anak dalam kegiatan kokurikulum. Azizah Nordin (1990) dalam kajiannya juga mendapati kebanyakan pelajar di waktu petang ketika kegiatan kokurikulum dijalankan, pelajar terpaksa menolong ibu bapa di rumah.

7.2 Implikasi

Berdasarkan kajian ini diharapkan ianya dapat memberikan implikasi kepada pihak-pihak berkenaan. Implikasi kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu:

7.3 Implikasi Teknikal

Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan untuk membantu pihak kolej serta khasnya pensyarah-pensyarah untuk merancang dan melaksanakan kegiatan kokurikulum dengan lebih berkesan. Kajian ini boleh menambah pengetahuan pensyarah serta jurulatih aktiviti-aktiviti kokurikulum sukan agar dapat mewujudkan suasana kegiatan kokurikulum yang lebih bermakna. Kegiatan kokurikulum sukan yang menarik dan memberi manfaat kepada pelajar akan dapat menjamin kehadiran pelajar yang lebih baik semasa kegiatan kokurikulum dijalankan. Ini bersamaan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Abu Bakar Nordin (1991) menyatakan bahawa penyertaan pendidik adalah sangat penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah/kolej. Ini akan mengalakkan pelajarinya hadir dan melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum.

7.4 Implikasi Teoritikal

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi khususnya Jabatan Pengajian Kolej Komuniti(JPKK) yang dapat merancang program kokurikulum dengan lebih berkesan. Masalah yang sering dihadapi ialah ketidakhadiran pelajar dalam kegiatan kokurikulum di kolej. Pelbagai peruntukan berupa kewangan dan barangan untuk menjadikan program kokurikulum lebih bermakna dan tidak akan disia-siakan jika faktor penghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ini dapat di atasi. Kementerian melalui Jabatan pengajian Kolej Komuniti(JPKK) dapat merancang dan melaksanakan dasar yang lebih efektif setelah mengenalpasti faktor penghalang yang utama penglibatan diri pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

7.5 Cadangan

Secara keseluruhan kajian telah menghasilkan maklumat-maklumat penting mengenai faktor menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Oleh kerana faktor struktur adalah faktor utama menghalang penglibatan pelajar. Penggunaan alatan pada waktu tertentu merupakan satu faktor yang menyumbang min tertinggi dalam faktor struktur (3.82). Min bagi faktor ini menunjukkan tahap tinggi menggunakan skor julat min berdasarkan sistem tiga kuartil (tahap rendah, sederhana dan tinggi). Bagi mengatasi halangan ini dicadangkan pihak kolej menyediakan satu jadual yang lebih sistematik di mana pelajar boleh menggunakan pada masa lapang. Pihak kolej hendaklah menyusun penggunaan alatan mengikut waktu atau jadual pelajar agar mereka dapat menggunakan kemudahan alatan bagi mereka bersukan. Kebiasaannya pihak kolej hanya menyediakan alatan pada waktu kokurikulum sukan sahaja dan pada hari-hari lain kemudahan alatan tiada.

Selain daripada menggalakan pelajar bersukan ia juga dapat menghindar pelajar-pelajar melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfeadah seperti melepak, berbual kosong,

mengacau pelajar lain dan lain-lain. Kebanyakan kolej mempunyai peralatan yang tidak mencukupi berbanding jumlah pelajar yang ramai. Ini menyebabkan pelajar-pelajar terpaksa berkongsi alatan dengan rakan mereka semasa menjalankan aktiviti sukan. Bagi pelajar yang berkemampuan mereka mungkin tidak menghadapi masalah untuk membeli peralatan sukan. Masalah ini biasanya akan dihadapi oleh pelajar yang tinggal di luar bandar yang tidak berkemampuan untuk membeli peralatan dan juga pelajar di bandar dari keluarga yang miskin atau tidak berkemampuan.

Bagi mengatasi masalah ini pihak Kementerian Pengajian Tinggi hendaklah menambah peruntukan pembelian alatan sukan mengikut jumlah pelajar dalam sesebuah kolej. Selain itu pihak kolej juga hendaklah berusaha mencari sumber lain dalam membeli peralatan sukan seperti memohon bantuan daripada ibubapa pelajar. Selain itu pihak kolej juga boleh memohon bantuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri dan penasihat kolej, orang perseorangan dan lain badan dalam membantu menambah peralatan kolej. Dengan adanya usaha-usaha ini pihak kolej akan dapat menambah peralatan sukan dan seterusnya menarik pelajar menyertai aktiviti sukan di kolej.

Masalah pengangkutan juga merupakan satu lagi masalah kepada pelajar bagi mengikuti aktiviti kokurikulum kolej. Masalah ini biasanya wujud bila pelajar hendak pulang ke rumah kerana perkhidmatan bas telah tamat semasa mereka hendak pulang ke rumah. Kebiasaannya aktiviti kokurikulum dijalankan pada hari-hari perkuliahan dan waktu pelaksanaan ialah pada pukul 5.00 petang hingga 6.30 petang. Waktu pelaksanaan dicadangkan bermula pada pukul 3.30 petang hingga 5.00 petang. Walaupun cuaca pada pukul 3.30 petang agak panas tetapi waktu pulang bagi pelajar pada pukul 5.00 petang lebih sesuai berbanding balik pada pukul 6.30 petang kerana kemudahan pengangkutan awam hampir tamat pada waktu tersebut dan pelajar tidak menghadapi masalah kenderaan semasa hendak pulang ke rumah. Kekurangan maklumat mengenai kemudahan adalah antara faktor struktur yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Masalah seperti kekurangan kemudahan khusus untuk pelajar perempuan menyebabkan mereka tidak menyertai kegiatan kokurikulum.

Pihak kolej juga mempunyai masalah kemudahan-kemudahan seperti padang bola sepak, gelanggang bola tampar, futsal, bola jaring, olahraga, sepak takraw dan lain-lain sehinggakan pihak kolej menyewa kemudahan ini diluar. Dicapadangkan pihak kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan ini kepada pelajar setidak –tidaknya satu kompleks sukan mini untuk satu wilayah kolej komuniti. Ini boleh meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

Antara limitasi kajian ini ialah sampel yang digunakan hanyalah dari kumpulan pelajar kolej komuniti Kuala Terengganu sahaja, maka adalah dicadangkan di masa hadapan pengkaji akan menggunakan populasi yang lebih besar melibatkan pelajar kolej komuniti wilayah-wilayah khususnya dan pelajar kolej komuniti Malaysia amnya. Permasalahan sebenar boleh diketahui dan dikenalpasti dalam menentukan faktor utama yang menghalang penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum. Kajian tersebut boleh dijadikan panduan oleh Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dalam merancang dan melaksanakan kegiatan kokurikulum kolej di seluruh negara.

Berdasarkan perbincangan dan rumusan kajian, penyelidik ingin menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan iaitu:

1. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan soal selidik dan sample hanya terikat kepada jawapan yang disediakan. Reka bentuk kajian ini lebih sempurna sekiranya penyelidikan yang berbentuk temuduga dijalankan di samping soal selidik.

2. Kajian selanjutnya dicadangkan agar melibatkan sampel dari pelbagai peringkat umur dan meliputi kawasan geografi yang lebih luas. Ia boleh memberi maklumat yang lebih menyeluruh dan diterima umum tentang faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

8.0 PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan faktor penghalang utama penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah faktor struktur. Dalam analisis diskritif ini ternyata masalah berkaitan kemudahan merupakan faktor utama dalam menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sukan. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi dicadangkan agar memberi peruntukan yang lebih besar kepada kolej agar pihak kolej merancang dan seterusnya memperlengkapkan kemudahan dan peralatan di kolej dalam strategi menarik minat pelajar menyertai aktiviti sukan. Selain daripada itu faktor-faktor intrapersonal dan faktor interpersonal juga harus diambilkira kerana ia juga merupakan faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan. Pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), kolej, ibubapa, kakitangan kolej dan individu yang terlibat seharusnya juga harus melibatkan diri dalam mengatasi masalah ini.

Dengan adanya penglibatan yang sepenuhnya daripada pihak terbabit sudah tentu akan dapat menggalakan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan khususnya sukan. Akhir kata, semoga dapatan kajian ini akan menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum dan juga boleh dijadikan sebagai garis panduan bagi penyelidik-penyelidik lain yang ingin melakukan kajian lanjutan ke atas faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum kolej komuniti.

RUJUKAN

Abu Bakar Nordin. (1991). Kurikulum perspektif dan perlaksanaan .
Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka.

Aminuddin Yusof. (2000). Takrif kokurikulum. Unpublished Paper : Universiti
Putra Malaysia.

Azizah Nordin. (1990). Mengenalpasti masalah-masalah dalam pelaksanaan
aktiviti kokurikulum di tiga buah sekolah di Daerah Gombak. Tesis yang
tidak diterbitkan : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki, Kementerian
Pendidikan Malaysia, Jld. 8, Bil. 1. Kuala Lumpur.

Ghazali Darusalam. 2003 . Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia
[Pengkhususan Pengajian Islam] Di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia. Tesis
Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hamidah Bt Abdul Karim. (1999). Penglibatan pelajar Islam dalam kegiatan
kokurikulum dan sumbangannya ke arah pencapaian akademik : Satu tinjauan di
Sekolah Menengah Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tesis yang tidak
diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia

Lim Yen Yen. Remaja Mengabaikan Sukan dlm Dewan Siswa, hlm 19,
Jun 1991.

Mat Aris Abdul Hadi (1994) Tanggapan pelajar dan guru terhadap kegiatan sukan di Sekolah Menengah Vokasional (Lembah Kelang). Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Haris Meon. (1999). Keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah Rancangan Felda Daerah Kota Tinggi, Johor. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid Konting, (1990). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof. (2002). Kokurikulum, peranan dan implikasi. Kuala Lumpur : Sanon Printing.

Mohd Suzli Abdullah. (1997). Permasalahan aktiviti kokurikulum sekolah-sekolah menengah agama Yayasan Islam Kelantan di Daerah Pasir Mas. Tesis tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.

Mustafa Kamal Ali. (2000). Faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar Melayu tingkatan empat dalam aktiviti kokurikulum di rancangan Felda Daerah Segamat Selatan. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

Sekolah Menengah Batu Lima, Gurun, Kedah terhadap kegiatan kokurikulum : Satu tinjauan. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

Roslan Ahmad. (1994). Pandangan pelajar Politeknik Ungku Omar terhadap aktiviti kokurikulum (sukan) : Satu tinjauan. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.

PEMATUHAN AMALAN KESELAMATAN BENGKEL DALAM KALANGAN PELAJAR SEMESTER 3 SESI JUN 2020 SIJIL TEKNOLOGI ELEKTRIK KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Masnizaimi bin Mamat, Ridzwan bin Mohamed Sumeri & Mohd Zuhairi Bin Mustafa
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Peraturan keselamatan bengkel merupakan peraturan yang wajib di patuhi semasa berada di bengkel. Peraturan ini haruslah di semai dan diamalkan sebagaimana amalan keselamatan bengkel yang perlu ada pada setiap pelajar yang mengikuti Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Walaubagaimanapun didapati masih ada pelajar yang tidak mengamalkan keselamatan semasa berada di bengkel. Ini adalah berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh pensyarah yang mengajar di bengkel Teknologi Elektrik. Kajian yang di jalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau dan mengenalpasti tahap pengetahuan dan pematuhan amalan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar dari Program Sijil Teknologi Elektrik yang menggunakan bengkel Elektrik. Dua aspek pematuhan amalan keselamatan yang dikaji adalah aspek peraturan keselamatan bengkel dan sikap pelajar. Sampel kajian yang dikumpul terdiri daripada pelajar-pelajar Semester 3 Sesi Jun 2020 yang sedang mengikuti Sijil Teknologi Elektrik iaitu seramai 39 orang. Kajian ini dilaksanakan menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian yang dibahagikan kepada bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi latar belakang pelajar, manakala Bahagian B berkenaan soalan kajian yang meliputi aspek peraturan bengkel dan sikap pelajar dalam mematuhi peraturan. Analisis kajian dibuat berdasarkan nilai peratus dan hasil daripada kajian menunjukkan pelajar mempunyai penguasaan terhadap pematuhan amalan keselamatan bengkel pada tahap yang tinggi. Beberapa cadangan penambahbaikan diberikan bagi meningkatkan mutu keselamatan di kalangan pelajar semasa di bengkel.

Kata Kunci: Keselamatan, bengkel, peraturan, sikap pelajar

1.0 PENGENALAN

Peraturan keselamatan dihasilkan untuk memastikan suasana kerja dalam persekitaran serta suasana bengkel yang teratur dan selamat tanpa berlakunya kemalangan ataupun kecederaan. Keselamatan bengkel meliputi aspek keselamatan umum, keselamatan diri, rakan, keselamatan alatan dan bahan. Pengabaian Aspek keselamatan akan mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda (Abd. Rashid, S. 2001). Oleh yang demikian, mengutamakan kepentingan keselamatan sering berkait rapat dengan individu yang melakukan kerja dan tempat kerja itu sendiri. Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti pematuhan amalan keselamatan bengkel yang merangkumi beberapa aspek keselamatan dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar- pelajar semasa melakukan kerja ataupun ketika menjalankan aktiviti amali di dalam bengkel. Kesedaran mengutamakan keselamatan semasa melakukan sesuatu kerja perlu dilaksanakan pada peringkat akar umbi agar dapat memupuk sikap pekerja yang sentiasa peka tentang aspek keselamatan semasa melakukan sesuatu kerja terutamanya pelajar dari aliran kemahiran (Mior, M.S. 2003).

Kebiasaannya, tenaga pengajar membuat penerangan berkenaan peraturan dan amalan keselamatan yang perlu dipatuhi pelajar sebelum melaksanakan sesuatu kerja amali.

Pelajar akan diberikan peringatan penting supaya pelajar melaksanakan amali dalam persekitaran kerja yang selamat.

1.1 Penyataan Masalah

Kemalangan boleh berlaku dalam dua keadaan, pertama ia terjadi kerana tidak disengajakan setelah semua langkah keselamatan diambil dan yang kedua, kemalangan berlaku hasil daripada kelemahan prosedur pencegahan keselamatan dimana yang kedua ini lebih kerap berlaku berbanding daripada keadaan yang pertama tadi (Charles, 1998). Pematuhan amalan keselamatan amat penting untuk mengelakkan dari berlakunya kemalangan. Para pelajar perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan supaya dijadikan budaya dalam kehidupan mereka. Oleh sebab itu, adalah perlu pelajar diterapkan dengan kesedaran keselamatan semasa menjalankan kerja amali dibengkel supaya mereka membiasakan diri untuk melakukan kerja dalam keadaan yang selamat (Ahmad S., 2002).

Berdasarkan pemerhatian, didapati ada segelintir pelajar kurang mempraktikkan aspek keselamatan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran. Keadaan ini boleh mewujudkan situasi pembelajaran yang kurang selamat kepada keseluruhan pelajar. Oleh itu, pengetahuan terhadap amalan keselamatan bengkel elektrik perlu dipandang serius oleh semua pihak. Ini penting bagi mengelakkan risiko merbahaya bukan sahaja kepada pelajar bahkan kepada pensyarah atau pihak lain yang berdekatan. Dengan ini, kajian ini adalah memfokuskan kepada pematuhan amalan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar Semester 3 Sesi Jun 2020 bagi program Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

1.2 Fokus Kajian

Kajian ini berfokus kepada peningkatan pemahaman pelajar terhadap pematuhan amalan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Am :

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pematuhan amalan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar Sijil Teknologi Elektrik.

1.3.2 Objektif Khusus:

Melihat hubungan antara pengetahuan dan pematuhan amalan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar Semester 3 Sijil Teknologi Elektrik Sesi Jun 2020.

2.0 METODOLOGI

Kumpulan kajian ini terdiri daripada pelajar Semester 3 Sesi Jun 2020 Sijil Teknologi Elektrik. Responden kajian adalah seramai 39 orang pelajar.

2.1 Perlaksanaan Kajian

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kualitatif dalam bentuk kaji selidik

- a) Borang Soal Selidik
Borang Soal Selidik diedarkan kepada pelajar mengandungi dua bahagian yang utama. Bahagian A adalah untuk mengetahui latar belakang pelajar dan Bahagian B untuk mengkaji tahap pengetahuan dan pengalaman keselamatan bengkel.


3.0 DAPATAN ANALISIS KAJIAN

Data yang dianalisis terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- a) Penganalisan latar belakang pelajar
b) Penganalisan terhadap pengalaman dan pengetahuan amalan keselamatan bengkel


3.1 Penganalisan Latar Belakang Pelajar

Untuk penganalisan maklumat latar belakang pelajar, hanya jantina, umur dan pengalaman kerja sahaja yang dilihat.




Rajah 1: Taburan jantina responden

Daripada jadual di atas menunjukkan seramai 39 orang pelajar telah menjawab soal selidik. Didapati kesemua pelajar Semester 3 Sesi Jun 2020 Sijil Teknologi Elektrik yang merupakan responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar lelaki.



Rajah 2: Taburan umur responden

Jadual di atas menunjukkan daripada jumlah keseluruhan pelajar iaitu 39 orang, pelajar yang berumur 19 tahun adalah paling ramai bilangannya iaitu seramai 35 orang dengan peratus 90%. Manakala pelajar yang berumur 20 tahun seorang bersamaan dengan 2% dan 21 tahun seramai 3 orang dengan 8%. Penganalisan umur dilakukan kerana umur boleh mempengaruhi sikap dan amalan keselamatan dikalangan pelajar kerana kematangan yang berbeza. Maka pandangan serta pendirian mereka amat perlu dalam melaksanakan kajian ini.




Rajah 3: Taburan pengalaman kerja responden

Didapati seramai 24 pelajar bersamaan 61.5% mempunyai pengalaman kerja. Selebihnya iaitu 15 pelajar bersamaan 38.5% tiada pengalaman kerja. Rata-rata pelajar mempunyai pengalaman kerja. Kajian terhadap pengalaman kerja dilakukan kerana ianya merupakan salah satu faktor yang dilihat dapat mempengaruhi tahap amalan keselamatan di bengkel.

3.2 Analisis Terhadap Amalan dan Pengetahuan dalam Amalan Keselamatan Bengkel

Analisis yang dijalankan ini berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diberikan kepada responden yang merangkumi dua aspek utama keselamatan yang telah dikenalpasti dan dijadikan sebagai bahan untuk kajian.

Aspek Pertama: Peraturan Ketika di Dalam Bengkel.



Rajah 4: Peraturan ketika di dalam bengkel.


BIL.	ITEM	YA	TIDAK
1	Tidak boleh bergurau ketika bekerja.	38 (97.4%)	1 (2.6%)
2	Pemakaian yang sesuai seperti baju bengkel dan 'safety boot' perlu bagi mengelakkan kemalangan.	39 (100%)	0%
3	Patuh kepada arahan tenaga pengajar dapat mengelakkan berlaku kemalangan.	39 (100%)	0%
4	Kedudukan pemadam api kebakaran diketahui oleh pelajar.	39 (100%)	0%
5	Jenis dan fungsi pemadam api perlu diketahui pelajar.	39 (100%)	0%
6	Pelajar tahu cara menggunakan alat pemadam api.	39 (100%)	0%
7	Pemakaian alat keselamatan seperti sarung tangan, apron, 'google', 'mask' adalah diperlukan.	38 (97.4%)	1 (2.6%)
8	Larangan pemakaian barang kemas dan perhiasan.	39 (100%)	0%

Jadual 1: Soalan peraturan ketika di dalam bengkel.

Hasil dapatan menunjukkan semua pelajar bersetuju dengan 6 soalan yang diberikan (100%) iaitu soalan Pemakaian yang sesuai seperti baju bengkel dan 'safety boot', Patuh

kepada arahan tenaga pengajar dapat mengelakkan berlaku kemalangan, Jenis dan fungsi pemadam api perlu diketahui pelajar, Pelajar tahu cara menggunakan alat pemadam api, dan Larangan pemakaian barang kemas dan perhiasan. Manakala 2 soalan iaitu soalan berkaitan dengan Tidak boleh bergurau ketika bekerja dan Pemakaian alat keselamatan seperti sarung tangan, apron, ‘google’, ‘mask’ adalah diperlukan menunjukkan 2 pelajar tidak bersetuju dgn soalan yg diberikan (2.6%). Kemungkinan 2 soalan yg di jawab ini dari pelajar yang sama.

Aspek Kedua: Sikap Pelajar



Rajah 5: Sikap pelajar

BIL.	ITEM	YA	TIDAK
1	Sebarang kerosakan alat tangan dan mesin perlu dilaporkan kepada tenaga pengajar.	39 (100%)	0%
2	Setiap pelajar berperanan untuk mengingatkan pelajar yang lain tentang keselamatan diri semasa membuat kerja amali.	39 (100%)	0%
3	Peralatan yang telah digunakan perlu dikembalikan di tempat	39 (100%)	0%
4	Bengkel harus dibersihkan sebelum ditinggalkan.	39 (100%)	0%
5	Sebarang kemalangan yang berlaku perlu dilaporkan kepada tenaga pengajar.	39 (100%)	0%
6	Pelajar perlu meminta kebenaran dari tenaga pengajar untuk mengendalikan mesin.	39 (100%)	0%
7	Pelajar perlu mematuhi setiap arahan yang diberi oleh tenaga	39 (100%)	0%
8	Larangan mengganggu pelajar lain yang sedang mengendalikan mesin semasa kerja amali.	38 (97.4%)	1 (2.6%)

Jadual 2: Soalan sikap pelajar

Dapatan menunjukkan sebanyak 100% pelajar bersetuju dengan 7 soalan yg diberikan berkaitan dengan soalan, Sebarang kerosakan alat tangan dan mesin perlu dilaporkan kepada tenaga pengajar. Setiap pelajar berperanan untuk mengingatkan pelajar yang lain tentang keselamatan diri semasa membuat kerja amali, Peralatan yang telah digunakan perlu dikembalikan di tempat asal, Bengkel harus dibersihkan sebelum ditinggalkan, Sebarang kemalangan yang berlaku perlu dilaporkan kepada tenaga pengajar, Pelajar perlu meminta kebenaran dari tenaga pengajar untuk mengendalikan mesin, dan Pelajar perlu mematuhi setiap arahan yang diberi oleh tenaga pengajar. Manakala soalan Larangan mengganggu pelajar lain yang sedang mengendalikan mesin semasa kerja amali, seorang pelajar (2.6%) yang tidak bersetuju dengan soalan yang diberikan.

4.0 CADANGAN

Dapatan dari hasil borang kaji selidik, didapati bahawa masalah pematuhan amalan keselamatan di bengkel adalah berkait rapat dengan sikap pelajar itu sendiri. Sikap tidak ambil peduli di kalangan pelajar menyebabkan berlakunya keadaan tidak patuh kepada peraturan bengkel yang ditetapkan. Walaupun jumlah pelajar tersebut adalah minima, namun ia perlu dititikberatkan supaya dapat meningkatkan pematuhan amalan keselamatan bengkel secara keseluruhan. Persekitaran dan budaya kerja yang selamat dari alam pembelajaran akan membawa kepada amalan praktik keselamatan pada peringkat seterusnya apabila pelajar memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Oleh sebab itu, pematuhan amalan keselamatan di bengkel amat wajar dan perlu untuk dikaji bagi melahirkan calon pekerja industri berpotensi yang berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam aspek keselamatan.

5.0 KESIMPULAN

Didapati penguatkuasaan peraturan pemakaian adalah perlu bagi meningkatkan pematuhan amalan keselamatan pelajar di bengkel. Melalui pemerhatian yang dijalankan, didapati pelajar kurang mematuhi peraturan dan seterusnya dapat mengikuti segala amalan keselamatan di bengkel.

Cadangan untuk kajian yang seterusnya adalah seperti berikut:

1.2 Kajian Secara Menyeluruh

Kajian ini perlu dilaksanakan dengan lebih meluas kepada semua pelajar yang mengikuti Sijil di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Pendidikan sistem di kolej komuniti adalah secara Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional serta pembelajaran sepanjang hayat (TVET) yang mana banyak berorientasikan pembelajaran secara amali di bengkel dan makmal.

1.3 Penguatkuasaan Peraturan Pemakaian Alat Keselamatan

Pensyarah perlu memberi penekanan aspek kepentingan pemakaian alat keselamatan yang perlu ketika membuat kerja amali. Peraturan pemakaian yang berkaitan juga perlu dimasukkan sebagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi tujuan peneguhan peraturan.

1.4 Peneguhan Peraturan Bengkel

Peraturan bengkel perlu ditampal dengan lebih banyak bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan pelajar. Perjumpaan pelajar dengan pihak pengurusan dan pensyarah perlu dibuat secara berkala bagi sentiasa memberi pendedahan serta peringatan kepada pelajar tentang kepentingan aspek amalan keselamatan di bengkel

1.5 Jadual Pengurusan Bengkel

Mewujudkan jadual bertugas pengurusan bengkel di kalangan pelajar bagi menerapkan aspek disiplin, bertanggungjawab dan kerjasama di kalangan pelajar. Peningkatan aspek disiplin dan sikap bertanggungjawab yang tinggi di kalangan pelajar dapat mengurangkan risiko bahaya kemalangan disebabkan kecuaiannya diri dan sikap sambil lewa individu. Penerapan aspek disiplin dari peringkat awal juga akan membantu pembentukan sendiri dan sahsiah pelajar pada masa akan datang.

RUJUKAN

Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, KPTM.

Panduan Keselamatan Pekerja Binaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Aeriyy Ayie .(2012). Langkah keselamatan di bengkel kh. Dimuat turun pada 09 Nov,2020,dari<https://www.slideshare.net/falini22/langkah-keselamatanibengkelkh>

Abd Rashid, S. (2001). *Perkaitan antara pengurusan berkesan dari segi kesediaan pengurus makmal, pengendalian peralatan dan keadaan persekitaran dengan peningkatan ciri-ciri keselamatan di makmal* (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein).

Ahmad, S. (2002) *Penghasilan manual keselamatan bengkel kimpalan: Satu tinjauan di Institut Latihan Perindustrian Muar*. Thesis. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Bakar, N. A. (2012). *Penguasaan amalan keselamatan bengkel di kalangan pelajar kursus Elektrik di salah sebuah kolej komuniti di Negeri Selangor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Boon, Y., & Kamarudin, S. (2010). Tahap Penguasaan Amalan Keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Yunus Sulaiman.

Ho, P. Y., & Abdol, M. J. (2006). *Amalan Kesihatan Dan Keselamatan Bengkel Di Sekolah menengah Teknik Di Sekitar Johor Bahru: Satu Tinjauan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Ismail, M., & Suhairin, M. M. (2003). *Kajian persepsi pelajar terhadap amalan keselamatan bengkel kejuruteraan awam (perkayuan)* (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).

Jaafar, M. I. (2001). *Amalan keselamatan di bengkel kerja kayu Kejuruteraan Awam (satu tinjauan di Politeknik Ungku Omar, Politeknik Port Dickson dan Politeknik Shah Alam)* (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).

- Roslina, C. J. (2012). *Tahap Kesiapan Pelajar kejuruteraan Politeknik terhadap Keselamatan di Dalam Bengkel*. Thesis. Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Wentz, C. A. (1998). *Safety, health, and environmental protection*. McGraw-Hill Companies.
- Zulpakar, M. K. A. (2008). *Amalan Keselamatan Bengkel di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 3 Aliran Kemahiran Hidup Semasa Melakukan Kerja-Kerja Amali di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

KEPERLUAN PENDEDAHAN PENGGUNAAN *COMMUNITY COLLEGE MANAGEMENT SYSTEM* (CCMS) SEBELUM PENGGUNAAN SEPENUHNYA DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Mohd Fariq Bin Mohd Fauzi, Khairul Azlan Bin Ariffin & Mohd Khairul Bin Omar
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Community College Management System (CCMS) adalah satu aplikasi laman sesawang yang digunakan oleh pensyarah di kolej komuniti bagi membolehkan pensyarah mendaftar modul yang mereka mengajar, merekod kehadiran, markah dan berkenaan hal ehwal pelajar. Penggunaan CCMS di Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT) diwajibkan kepada pensyarah semester 1 sesi Jun 2020. Sebelum ini pensyarah KKKT menggunakan Sistem Rekod P&P Pelajar (SRKPlus). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 95.1 peratus tidak setuju yang mereka mahir dalam penggunaan CCMS. Daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah majoritinya tidak pernah menghadiri kursus CCMS. Ini menunjukkan bahawa arahan atau manual pengguna hanya diberikan secara edaran dari semasa ke semasa kurang membantu pensyarah menggunakan CCMS dengan baik. Pentadbir sistem CCMS juga sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa sepanjang semester kerana terdapat beberapa item yang masih belum dapat digunakan. Persoalan kajian kedua mendapati 99.1 peratus menunjukkan bahawa para pensyarah mempunyai masalah dalam menggunakan sistem CCMS. Responden berpendapat paparan dalam aplikasi CCMS tidak mesra pengguna. Dalam dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa maklum balas daripada pengendali laman web sedikit lambat dalam menjawab persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Oleh yang demikian, para pensyarah tidak bersemangat dalam menggunakan laman web CCMS dan ini seterusnya motivasi pensyarah akan merudum.

Kata Kunci: CCMS, SRKPlus, Pendedahan aplikasi, Pensyarah

1.0 PENDAHULUAN

Latihan dalam perkhidmatan adalah suatu perkara yang penting dalam dunia pekerjaan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan sikap pekerja dalam sesebuah organisasi. Latihan sangat berguna untuk meningkatkan prestasi pekerja sekarang dan di masa depan. Ia juga merupakan satu proses membentuk dan meningkatkan kemahiran seseorang pekerja berkaitan prestasi kerjanya. Sesuatu kerjaya yang akan diceburi oleh seseorang individu sebenarnya memberi kesan yang besar kepada kehidupannya. Apabila individu bekerja sepenuh masa sepanjang hayatnya, dia akan menghabiskan separuh dari masanya bagi bekerja. Membuat keputusan yang tepat tentang kerjaya adalah suatu perkara yang penting. Memilih kerjaya adalah suatu perkara yang perlu dirancang terlebih dahulu.

Memang benarlah pandangan bahawa apabila individu menceburi sesuatu kerjaya, ia seharusnya kerjaya yang diminati olehnya, mencabar keupayaannya dan sesuai dengan nilai-nilai dan matlamatnya. Jika ia selaras dengan diri individu itu, kerjaya menjadi sesuatu yang menyeronokkan dan memenuhi tuntutan bagi memperolehi kepuasan dalam hidup. Jika sebaliknya, individu akan merasa tidak puas hati dengan kerjayanya yang dapat menjejaskan aspek lain dalam kehidupannya. Setiap penjawat awam samada beruniform atau sebaliknya akan mempunyai fail meja masing-masing. Fail meja menerangkan skop

dan justifikasi kerja yang perlu dilakukan oleh setiap penjawat awam. Mereka perlu memenuhi tugas hakiki seperti yang terdapat dalam fail meja. Namun demikian tugas sampingan juga perlu dipikul oleh penjawat awam. Kadang kala penjawat awam perlu menghadapi tugas yang *ad hoc*. Beban kerja yang berlebihan akan mengakibatkan kemurungan dan gangguan emosi penjawat awam. Lebih teruk lagi hubungan dengan pasangan dan rumahtangga berantakan.

Menurut Dasar Pembangunan Sumber Manusia Negara, pembangunan adalah usaha ke arah latihan semula secara berterusan ini akan melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran pelbagai yang tinggi mutunya dan produktif bagi membolehkan negara kita terus meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa. Hal ini dipersetujui oleh Fong C.O (2001), yang mana peningkatan kemahiran melalui latihan sama ada di peringkat asas ataupun latihan semula secara berterusan adalah penting untuk mencapai matlamat yang diharapkan. Pekerja juga hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berubah-ubah. Menurut Zulkarnain (1998), peningkatan kualiti barangan dan perkhidmatan bukan sahaja bergantung kepada kecanggihan peralatan yang digunakan tetapi juga kepada sikap dan kualiti pekerja yang mengendalikan peralatan dan perkhidmatan tersebut. Oleh itu mereka perlulah diberi perhatian sebaik yang mungkin dengan melengkapkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian. Dalam usaha meningkatkan prestasi pekerja, program latihan seringkali menjadi pilihan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kolej Komuniti Kuala Terengganu adalah sebuah organisasi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan ianya juga di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Kolej Komuniti Kuala Terengganu diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Akademik) dan Timbalan Pengarah (Pengurusan). Organisasi ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu unit pentadbiran dan unit akademik. Unit pentadbiran menjalankan tugas-tugas mengurustadbir hal ehwal kakitangan manakala unit akademik menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada pelajar yang menjadi pelanggan utama kepada kolej. Bilangan kakitangan akademik di Kolej Komuniti Kuala Terengganu adalah seramai 87 orang.

1.2 Pernyataan Masalah

Tugas pengajaran dan pembelajaran adalah proses yang amat penting kepada pensyarah kerana segala maklumat dan ilmu akan disampaikan kepada pelajar secara optimum. Oleh yang demikian, tenaga pengajar seharusnya dilengkapi ilmu pengetahuan berkenaan proses pengajaran dan pembelajaran agar perkembangan ilmu yang pesat berkembang dapat disampaikan kepada pelajar. Semasa sidang akademik Sesi Jun 2020 berlangsung, penggunaan CCMS diperkenalkan. Penggunaan CCMS adalah bagi menggantikan penggunaan Sistem Rekod P&P Pelajar (SRKPlus) yang digunakan sekarang. Semua pensyarah semester 1 Sesi Jun 2020 diwajibkan menggunakan CCMS. Permasalahan yang timbul sekarang adalah ramai dalam kalangan pensyarah masih tidak dapat menggunakan perisian CCMS secara optimum kerana tiada lagi pendedahan yang meluas dalam menggunakan sistem tersebut. Di dalam sistem CCMS, para pensyarah perlu mendaftar modul, kehadiran dan markah. Pendedahan secara minimum hanya diberikan oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) dan Pegawai Peperiksaan. Oleh yang demikian, para pensyarah masih tidak menguasai penggunaan sistem CCMS. Menurut maklumat daripada laman web CCMS, kursus akan dilaksanakan secara berperingkat pada masa akan datang.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenal pasti bilangan pensyarah yang belum mampu menguasai penggunaan sistem CCMS.
- ii. Mengenal pasti permasalahan yang timbul dalam penggunaan sistem CCMS.

1.4 Pengurusan Kajian

Kajian ini dijalankan kepada kakitangan akademik iaitu pensyarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Penyelidik membuat persampelan rawak daripada populasi. Pengurusan kajian ini juga adalah kerjasama daripada sampel untuk meluangkan masa dalam menjawab soal selidik kelak.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang timbul dan yang dihadapi oleh pensyarah akibat daripada tidak mendapat pendedahan secara menyeluruh penggunaan sistem CCMS.

Melalui penyelidikan ini, penyelidik dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam kalangan pensyarah semasa menggunakan CCMS.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Pelbagai sistem atau aplikasi yang digunakan pada masa sekarang bagi memudahkan kerja-kerja atau tugas harian. Ini juga berlaku kepada kolej komuniti yang mana diarahkan untuk menggunakan *Community College Management System (CCMS)*. Sebelum ini para pensyarah perlu menggunakan Sistem Rekod P&P Pelajar (SRKPlus). Pada semester sebelumnya, para pensyarah telah diberikan penerangan berkenaan dengan penggunaan sistem SRKPlus dan sebaliknya bagi sistem CCMS. Menurut kajian yang telah dijalankan, latihan sangat berguna untuk meningkatkan prestasi pekerja sekarang dan di masa depan. Ia juga merupakan satu proses membentuk dan meningkatkan kemahiran seseorang pekerja berkaitan prestasi kerjanya. Sebagai contoh, pada tahun 1995, organisasi di Amerika Syarikat telah membelanjakan hampir AS\$51 ribu juta untuk tujuan latihan formal di tempat kerja berbanding hanya AS\$42 ribu juta pada tahun 1994 (Carey 1995). Syarikat Motorola menganggarkan setiap AS\$1 dibelanjakan untuk latihan, mereka akan memperolehi pulangan dalam bentuk produktiviti sebanyak AS\$30 dalam masa tiga tahun. Saks (1996) dalam kajiannya mengenai pekerja baru dan proses sosialisasi terhadap organisasi yang disertai mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah latihan yang dihadiri dengan sumbangan latihan ke atas proses sosialisasi pekerja di dalam organisasi. Oleh itu, analisis keperluan latihan adalah satu kaedah untuk mengenalpasti keperluan sesebuah organisasi untuk mendapatkan latihan yang sepatutnya bagi memastikan organisasi tersebut dapat terus bergerak maju dan mempunyai pekerja yang mempunyai daya kerja yang tinggi.

Analisis keperluan latihan sering digunakan untuk mengenalpasti beberapa strategi intervensi seperti latihan, merekabentuk semula tugas, dan prosedur pengambilan supaya keperluan tadi dapat dikurangkan atau dihapuskan (Faizah Yunus, 2003). Menjalankan analisis keperluan latihan adalah penting dalam sesebuah organisasi. Hal ini kerana, organisasi hanya akan mengendalikan program latihan yang sesuai sahaja dengan keperluan berdasarkan tugas, organisasi dan individu. Sesuatu kerjaya yang akan diceburi oleh seseorang individu sebenarnya memberi kesan yang besar kepada kehidupannya.

Apabila individu bekerja sepenuh masa sepanjang hayatnya, dia akan menghabiskan separuh dari masanya bagi bekerja. Membuat keputusan yang tepat tentang kerjaya adalah suatu perkara yang penting. Memilih kerjaya adalah suatu perkara yang perlu dirancang terlebih dahulu. Memang benarlah pandangan bahawa apabila individu menceburi sesuatu kerjaya, ia seharusnya kerjaya yang diminati olehnya, mencabar keupayaannya dan sesuai dengan nilai-nilai dan matlamatnya. Jika ia selaras dengan diri individu itu, kerjaya menjadi sesuatu yang menyeronokkan dan memenuhi tuntutan bagi memperoleh kepuasan dalam hidup. Jika sebaliknya, individu akan merasa tidak puas hati.

Selain itu terdapat juga isu yang berkaitan dengan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan usaha pembangunan (Noran Fauziah Yaacob et al. 1993). Menurut Mohd Sahar Darusman (2003), dalam membangunkan lebih banyak institusi latihan baru serta meningkatkan kapasiti latihan, kementerian juga bertanggungjawab membangunkan tenaga pengajar bagi laluan kerjaya, menyediakan latihan dalam kemahiran asas, kemahiran kos (cost-skill) untuk pekerjaan, mempertingkatkan kesetiaan dan membudayakan latihan sepanjang hayat. Menurut Noran Fauziah Yaacob et al. (1993) lagi, sistem pendidikan dan latihan mempunyai hubungan rapat dengan kedudukan tenaga manusia, penyeliaan, pembentukan pekerjaan dan pengangguran. Oleh itu pendidikan dan latihan perlu dirancang sebaik-baiknya supaya dapat memberikan pendedahan, pengalaman, pengetahuan dan kemahiran kepada lepasan institusi pendidikan untuk memasuki dunia pekerjaan. Sistem pendidikan dan latihan negara juga perlulah berupaya menghasilkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang. Pendidikan dan latihan boleh diberikan melalui sistem pendidikan vokasional, institusi pengajian tinggi dan institusi latihan atau sebarang latihan dalam perkhidmatan.

Menurut Siti Aminah (2018), Implikasi kajian keperluan latihan yang diperlukan untuk pembangunan staf khususnya staf-staf akademik pada masa yang akan datang dilihat perlu bagi tujuan latihan pembangunan yang akan dijalankan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan teknologi serta garis panduan institusi bagi merealisasikan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi. Bagi memastikan staf cekap dan mempunyai prestasi tinggi, pihak institusi pengajian tinggi ini perlu mengadakan banyak lagi latihan atau kursus yang dilihat bersesuaian dengan perkembangan semasa dan mengambil tahu serta mengambil pakai saranan atau inisiatif dari staf itu sendiri.

3.0 METODOLOGI

3.1 Pengenalan


Metodologi kajian adalah satu aspek penting dalam satu kajian yang ingin dilakukan oleh para penyelidik. Ini kerana metodologi kajian adalah struktur yang memandu pengkaji dalam melakukan kajian sebelum, semasa dan selepas kajian dilaksanakan. Pengkaji hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan tercapai melalui kajian yang dilaksanakan kelak.

3.2 Metodologi

Metodologi kajian boleh dibahagikan kepada empat fasa. Peringkat pertama dalam melaksanakan kajian adalah proses pengumpulan maklumat melalui pembacaan dan penyelidikan awal dijalankan. Ia adalah peringkat awal untuk menentukan tujuan, objektif dan skop kajian. Peringkat kedua (Pengumpulan Data)-Pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi daripada pengamatan dan pengumpulan maklumat ditapak kajian manakala data sekunder diperolehi dari sumber-sumber seperti pencarian maklumat di perpustakaan, laman sesawang dan pembacaan di akhbar.

Peringkat Ketiga (Soal Selidik)-Kajian ditapak yang melibatkan responden untuk diberi soal selidik yang disediakan. Peringkat Keempat (Analisis)-Analisis dan penemuan awal dapat dikenalpasti selepas melalui peringkat ketiga. Peringkat Kelima (Cadangan)-Peringkat terakhir dalam proses kajian. Pada peringkat inilah rumusan, analisis yang dibuat sebelum ini akan membentuk cadangan (Lokman, 2010).

3.3 Reka Bentuk Kajian



3.4 Subjek Kajian

Subjek kajian adalah terdiri daripada 42 orang kakitangan akademik iaitu pensyarah semester 1 Sesi Jun 2020 Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang beralamat di Jalan Tengku Ampuan Mariam, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu yang diwajibkan menggunakan CCMS. Pemilihan subjek kajian adalah mengikut persampelan rawak di mana subjek kajian diminta untuk meluangkan masa dan menjawab borang soal selidik yang disediakan.

3.5 Instrumen Kajian

Google form akan digunakan untuk mendapat maklumat yang diperlukan. Borang soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 10 soalan tentang pendedahan tentang sistem CCMS, permasalahan penggunaannya, manakala bahagian B pula mengandungi komen daripada pensyarah. Penyelidik membina sendiri instrumen kajian ini.

Soalan dalam soal selidik ini menguji dua perkara yang berkaitan dengan kepentingan pendedahan penggunaan CCMS secara optimum dan permasalahan dalam menggunakannya. Julat interpretasi skala likert dan purata keseluruhan yang digunakan adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Interpretasi Skala

Skala	Interpretasi
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju
Tidak Setuju	
Kurang setuju	
Setuju	Setuju
Sangat Setuju	

3.6 Tempat Kajian

Kajian dilaksanakan adalah di Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang beralamat di Jalan Tengku Ampuan Mariam, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.

3.7 Kaedah Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini akan menggunakan *google form*. *Google form* ini akan dikongsikan dalam kumpulan telegram kepada responden. Soalan yang dibina di dalam *google form* ini akan menjawab objektif kepada penyelidikan ini.

3.8 Prosedur Kajian

Sebelum *google form* ini diedarkan dalam kumpulan telegram kepada sampel, pengkaji akan menerangkan tujuan kajian dan juga memberikan panduan untuk responden menjawab *google form*. Masa untuk menjawab *google form* ini hanya memerlukan sedikit masa sahaja untuk responden melengkapkan dan menjawab kesemua soalan dalam *google form*.

4.0 ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada *google form* yang diedarkan kepada pensyarah, seramai 41 orang telah menjawab melalui *google form* yang diberikan. Berdasarkan kajiselidik yang dijalankan, hasil kajian direkodkan seperti berikut:

Jadual 2 : Dapatan Kajian

Pernyataan	Peratusan Tidak Setuju	Peratusan Setuju
Saya pernah menghadiri kursus penggunaan CCMS	92.7%	7.3%
Penggunaan CCMS adalah mudah untuk dikendalikan	95.1%	4.9%
Saya mahir dalam mengendalikan CCMS	95.1%	4.9%
Pendedahan kepada aplikasi CCMS adalah sangat minimum	63.4%	36.6%
Paparan dalam aplikasi CCMS adalah mudah untuk digunakan	82.9%	17.1%
Saya tidak terbeban dengan penggunaan aplikasi CCMS	87.8%	12.2%
Saya mampu mengajarkan sekerja dalam penggunaan aplikasi CCMS	95.1%	4.9%
Maklumbalas “Perlu bantuan?” pada aplikasi memberi tindakbalas pantas	90.3%	9.7%
Saya bersemangat dalam menggunakan aplikasi CCMS	92.6%	7.4%
Saya memerlukan lebih pendedahan dalam menggunakan CCMS	4.8%	95.2%

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 39 orang atau 95.1 peratus tidak setuju yang mereka mahir dalam penggunaan CCMS. Daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah majoritinya tidak pernah menghadiri kursus CCMS. Ini menunjukkan bahawa arahan atau manual pengguna hanya diberikan secara edaran dari semasa ke semasa. Sistem CCMS juga sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa sepanjang semester kerana terdapat beberapa item yang tidak dapat digunakan. Persoalan kajian kedua mendapati 99.1 peratus menunjukkan bahawa para pensyarah mempunyai masalah dalam menggunakan sistem CCMS. Responden berpendapat paparan dalam aplikasi CCMS tidak mesra pengguna. Mereka juga tidak mampu membantu menyelesaikan masalah kepada rakan sekerja yang menghadapi kesukaran dalam penggunaan CCMS. Dalam dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa maklum balas daripada pengendali laman web sedikit lambat dalam menjawab persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Oleh yang demikian, para pensyarah tidak bersemangat dalam menggunakan laman web CCMS dan ini seterusnya menyebabkan motivasi pensyarah akan merudum. Para pensyarah memerlukan lebih pendedahan dalam menggunakan CCMS. Ini kerana semua maklumat berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran perlu direkodkan di dalam sistem CCMS.

Para responden juga memberi pandangan dan komen dalam penambahbaikan penggunaan sistem CCMS. Antara cadangan mereka ialah memerlukan pendedahan lebih

awal, memberi taklimat kepada mereka dan tidak hanya penyampaian melalui aplikasi telegram, perlu lebih mesra pengguna dan responden juga mengatakan pernah menghadiri taklimat tetapi CCMS masih lagi dalam proses pembangunan dan oleh yang demikian banyak kekangan semasa hendak digunakan.

5.0 PERBINCANGAN

Cadangan penyelesaian untuk pihak pengurusan adalah perlu merangka dan memberi pendedahan kepada para pensyarah yang menggunakan CCMS dengan lebih awal bagi membolehkan para pengguna CCMS dapat menggunakan sistem tersebut dengan optimum. Antara program yang boleh dilakukan adalah taklimat, latihan dan bimbingan secara berterusan sehingga pensyarah mendapat kemahiran dalam mengendalikan sistem CCMS. Menurut Faizah Yunus (2003), latihan adalah suatu proses memperolehi dan memperbaiki kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan untuk mempertingkatkan prestasi kerja. Walaupun latihan mempunyai pelbagai bentuk, namun matlamatnya sama iaitu untuk meningkatkan kebolehan melakukan tugas serta memperbaiki prestasi kerja. Kebanyakan pekerja ingin melakukan tugas dengan sebaik mungkin, tetapi kerana mereka tiada kemahiran yang diperlukan, masalah akan timbul. Oleh itu latihan dianggap sebagai sesuatu yang penting untuk penyelesaian masalah. Oleh itu, bagi membolehkan peningkatan prestasi dan perubahan perlakuan, rekabentuk latihan yang mantap diperlukan. Menurut Anida (2016), untuk menguruskan latihan yang efektif ia memerlukan perancangan yang sistematik. Tidak dapat dinafikan, latihan merupakan aktiviti yang sangat signifikan kepada pekerja dalam sesebuah organisasi untuk menangani perubahan dan tuntutan semasa yang wujud pada masa kini. Pelbagai faktor seperti gelombang globalisasi, perubahan budaya organisasi, perkembangan generasi masa kini, perubahan mendadak teknologi dan faktor-faktor penyumbang lain yang boleh memberi impak kepada sesebuah organisasi untuk memberi perhatian serius perlunya latihan bersesuaian dan berterusan diberikan kepada pekerja. Secara teori, latihan yang dianggap efektif adalah hasil daripada suatu proses amali yang melalui beberapa fasa dalam pelaksanaannya.

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pensyarah belum mampu menguasai penggunaan sistem CCMS. Latihan penggunaan CCMS diperlukan dari semasa ke semasa agar para pensyarah dapat menggunakan CCMS secara optimum. Dalam kajian hubungan keberkesanan latihan dengan prestasi kerja yang dijalankan oleh Abdul Latit et. al (1997) menunjukkan terdapat hubungan positif dan perbezaan yang signifikan di antara dimensi prestasi kerja sebelum dan selepas latihan. Oleh itu, pihak pengurusan perlu memberi pendedahan secara segera kepada para pensyarah Kolej Komuniti Kuala Terengganu khususnya dan semua pengguna yang menggunakannya. Oleh itu semua pihak pengurusan mahupun pensyarah perlu berganding bahu demi merealisasikan aspirasi dan hala tuju yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan pucuk pimpinan negara.

RUJUKAN

- Abdul Latif Abdul Kadir dan Malmunah Ismail (1997). Hubungan Keberkesanan Latihan dengan Prestasi Kerja. UPM
- Anida Ismail (2016). Merancang Proses Menentukan Keperluan Latihan Bagi Staf Akademik Kolej Profesional MARA. *Ulum Islamiyyah Journal*. Volume 17, ms 21-42. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azlah Md Ali et all. (2009). Persepsi Pekerja Terhadap Strategi Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi: Satu Kajian Di Johor Corporation, Johor Darul Takzim. UTM
- Azman Ismail dan Nurul Inani Ibrahim (2010). Motivasi Latihan Sebagai Pembolehubah Penghubung Antara Program Latihan Dan Keberkesanan Latihan. UMS
- Faizah Yunus (2003). Analisis Keperluan Latihan. *Malaysian Journal of Social Administration*. Volume 2, 2003:1-19.
- Nor Zulkarnain dan Mazanah Muhamad (1998). Keberkesanan Latihan: Pengalaman Sebuah Agensi Pengembangan di Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 6(2): 81 - 90 (1998). *Universiti Putra Malaysia Press*.
- Siti Aminah (2018). Analisis Keperluan Latihan : Kajian Kes Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Pahang. *Journal of Sciences And Management Research*. Volume 3: Oct2018. *Widad University College*.
- Zaharah Hassan et all (2009). Kepimpinan Beretika Dan Kecemerlangan Organisasi Dalam Perkhidmatan Awam. UKM
- Zainilah Binti Zawawi (2007). Keperluan Latihan Dalam Perkhidmatan Ke Arah Meningkatkan Kerjaya Juruteknik. UTHM

TAHAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN JURUSAN SIJIL TEKNOLOGI PEMBINAAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Zaimah binti Ismail & Hasbu bin Hussin
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kajian Graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu ini merupakan kajian tahunan bagi mendapatkan respon daripada para pelajar yang telah menamatkan pengajian. Kajian ini memfokuskan destinasi graduan dalam aspek pekerjaan atau kerjaya, penerimaan IPTA dan IPTS bagi graduan yang ingin melanjutkan pengajian, sistem dan kualiti pengajian di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Kajian ini menganalisis 75 orang jumlah responden Graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Hasil kajian menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah masing-masing 92.9%, 100% dan 88.0%. Format borang soal selidik adalah di ambil daripada borang soal selidik Kajian Pengesanan Graduan IPT dan Kajian Pengesanan Graduan TVET yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Hasil kajian ini diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences for windows* (SPSS). Keputusan kajian menunjukkan bahawa kebolehpasaran graduan Sijil Teknologi Pembinaan melebihi 85% dan boleh dianggap baik, dan dengan itu masih terdapat ruang yang perlu ditingkatkan menerusi pembangunan kerjaya dan latihan industri di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Selain itu pelajar juga perlu digalakkan berniaga dengan meningkatkan program-program keusahawanan bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran agar graduan tidak terlalu bergantung kepada pasaran kerja.

Kata Kunci : Kebolehpasaran, keusahawanan, pembangunan kerjaya

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada suku pertama 2019, negara merekodkan seramai 516,600 penganggur. Pada masa yang sama, seramai 238, 286 penganggur mendaftar sebagai pencari kerja aktif dengan Jobs Malaysia dibawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia. Isu kebolehpasaran graduan seakan-akan tiada berpenghujung dan terus diperkatakan sehingga kini. Berbekalkan sijil yang dimiliki, peluang mereka memperoleh pekerjaan yang setimpal dilihat semakin sukar, melainkan jika graduan berpeluang menyertai perkhidmatan awam. Situasi itu menyebabkan peningkatan jumlah graduan menganggur, selain terpaksa menceburi pekerjaan diluar bidang pengajian (Berita Nasional, Ahad, 7 Julai 2019).

Dapat diperhatikan, kemahiran insaniah merupakan adalah salah satu faktor yang besar dikaitkan dengan isu kebolehpasaran graduan dan pendapat ini dipersetujui oleh kebanyakan pengkaji. Persaingan yang semakin sengit pada hari ini, ditambah dengan pertambahan graduan setiap tahun menyebabkan penawaran dalam pekerjaan semakin kurang.

Kebolehpasaran graduan merupakan salah satu Projek Agenda Kritikal (CAP) Pelan Startegik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Kementerian Pengajian Tinggi. Pada masa kini, kelayakan

dari institusi pengajian tinggi bukanlah perkara yang diberikan perhatian oleh majikan. Sejajar dengan hasrat Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mencapai 90%.

1.1 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti hala tuju pelajar Sijil Teknologi Pembinaan selepas tamat belajar dalam tahun 2016, 2017, dan 2018.
- ii. Mengenal pasti tempoh graduan Sijil Teknologi Pembinaan mendapatkan pekerjaan
- iii. Menentukan kesepadanan diantara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan di bidang Teknologi Pembinaan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

1.2 Persoalan Kajian

Pengkaji merasakan bahawa satu kajian penilaian terhadap kebolehpasaran graduan perlu dilakukan untuk melihat keupayaan penuntut lepasan Kolej Komuniti Kuala Terengganu melalui penerimaan organisasi di luar, masa yang di ambil dan bidang kerjaya yang diceburi adakah bersesuaian dengan pengkhususan mereka serta tempoh masa yang diambil untuk mendapat pekerjaan. Persoalan yang dijawab dalam kajian ini ialah:

- i. Sejauhmana Kebolehpasaran Graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu bermula dari tahun 2016, 2017 dan 2018?
- ii. Tempoh masa yang diambil oleh graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kuala Terengganu untuk mendapatkan pekerjaan bermula dari tahun 2016, 2017 dan 2018?
- iii. Sejauhmana graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kuala Terengganu bekerja mengikut bidang.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini dijalankan kepada graduan Program Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang merangkumi seramai 75 graduan. Graduan ini terdiri daripada lulusan tahun 2016, 2017 dan 2018. Jumlah graduan Sijil Teknologi Pembinaan yang berkonvokesyen pada tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah masing-masing 21 orang, 19 orang dan 35 orang.

2.0 METODOLOGI

Kajian telah dijalankan pada bulan Ogos 2016 sehingga ogos 2018 dan melibatkan kumpulan graduan yang telah tamat sekurang-kurangnya 6 bulan. Kajian ini dijalankan kepada graduan Program Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu yang merangkumi seramai 75 graduan. Graduan ini terdiri daripada lulusan tahun 2016, 2017 dan 2018. Jumlah graduan Sijil Teknologi Pembinaan yang berkonvokesyen pada tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah masing-masing 21 orang, 19 orang dan 35 orang . Kajian ini telah dijalankan diatas talian (*online*) di laman web <http://graduat.mohe.gov.my>. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan dan sediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Secara umumnya, instrumen kajian ini mengandungi 7 bahagian dengan 58 item soalselidik yang merangkumi soalselidik tertutup dan soalselidik terbuka. Dalam menganalisis data kajian ini, hanya data soalselidik tertutup dianalisis dengan

menggunakan perisian SPSS versi 17.0 secara deskriptif bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah ditetapkan.

3.0 ANALISIS DATA

Jadual 3.1: Status Kebolehpasaran Garduan lulusan Sijil Teknologi Pembinaan Mengikut Tahun

Tahun	Bekerja %	Melanjutkan Pengajian %	Menunggu Penempatan Bekerja %	Belum Bekerja %	Jumlah%
2016	35.7	53.6	0.0	7.1	100
2017	44.0	56.0	0.0	0.0	100
2018	53.0	32.0	3.0	12.0	100

Daripada jadual di atas, pada tahun 2016 bilangan graduan Sijil Teknologi Pembinaan yang bekerja ialah sebanyak 35.7% dan melanjutkan pengajian 53.6%, serta yang belum bekerja hanya 7.1%. Bagi tahun 2017, yang bekerja adalah 44% dan yang melanjutkan pengajian adalah 56%. Bagi tahun 2018 yang bekerja adalah 53% dan melanjutkan pengajian serta menunggu penempatan bekerja adalah masing-masing 32% dan 3%. Manakala yang belum bekerja adalah 12%.

Jadual 3.2 Peratus Tempoh Graduan Sijil Teknologi Pembinaan Mendapat Pekerjaan Mengikut Tahun

Tahun	< 6 Bulan (%)	< 9 Bulan (%)	Tiada maklumat (%)
2016	80.0	0.0	20.0
2017	100.0	0.0	0.0
2018	0.0	100.00	0.0

Berdasarkan jadual diatas, pada tahun 2016 jumlah graduan Sijil Teknologi Pembinaan yang mendapat pekerjaan kurang daripada 6 bulan ialah 80% dan tiada maklumat 20%. Bagi tahun 2017 100% graduan Sijil Teknologi Pembinaan mendapat pekerjaan dalam tempoh kurang daripada 6 bulan. Manakala bagi tahun 2019, 100% graduan mendapat pekerjaan kurang daripada 9 bulan. Hasil kajian menunjukkan pada tahun 2016 dan 2017 kebanyakan graduan Sijil Teknologi Pembinaan memperolehi pekerjaan mereka hanya dalam tempoh kurang daripada 6 bulan. Namun begitu bagi tahun 2018 keseluruhan graduan Sijil Teknologi Pembinaan memperolehi pekerjaan dalam tempoh kurang daripada 9 bulan.

Jadual 3.3 Peratus Tempoh Graduan Sijil Teknologi Pembinaan Bekerja Dalam Bidang Dan Luar Bidang

Tahun	Bekerja Mengikut Bidang (%)	Bekerja Tidak Mengikut Bidang (%)
2016	100.0	0.0
2017	87.5	12.5
2018	39.0	61.0

Daripada jadual diatas graduan, bagi tahun 2016 graduan bekerja mengikut bidang adalah 100%. Manakala bagi tahun 2017 graduan bekerja mengikut bidang adalah 87.5% dan bekerja diluar bidang adalah 12.5%. Bagi tahun 2018 graduan yang bekerja mengikut bidang adalah 39% manakala bekerja diluar bidang adalah 61%. Kesimpulannya didapati tahap kesepadanan diantara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi oleh graduan di bidang Teknologi Pembinaan semakin menurun. Mengikut pemerhatian, pengkaji beranggapan ia berkaitan dengan kadar ekonomi negara pada masa kini.

4.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dari segi dapatan yang diperolehi didapati tahap kebolehpasaran bagi graduan Sijil Teknologi Pembinaan berada pada tahap yang memberangsangkan bermula pada tahun 2016, 2017 dan 2018 dengan masing-masing mencatat 89.3%, 100% dan 85%. Berpandukan jadual 3.1 iaitu Status Kebolehpasaran Garduan lulusan Sijil Teknologi Pembinaan Mengikut Tahun menunjukkan graduan Sijil Teknologi Pembinaan Kolej Komuniti Kuala Terengganu masih mendapat tempat di pasaran.

Berdasarkan jadual 3.2 kebanyakan graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh kurang daripada 6 bulan bagi tahun 2016 dan 2017 iaitu masing 80% dan 100%. Namun begitu bagi tahun 2018 graduan mengambil masa kurang daripada 9 bulan untuk mendapat pekerjaan. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh keadaan pasaran kerja yang agak kurang baik ketika ini ataupun bidang pengajian mereka kurang sesuai dengan pasaran kerja sedia ada. Dapatan ini jelas menunjukkan graduan tidak mengambil masa yang lama untuk menempatkan diri mereka di industri.

Berdasarkan jadual 3.3 pula graduan yang bekerja mengikut bidang semakin bekurangan dari tahun 2016, 2017 dan 2018. Dimana ia boleh dilihat apabila graduan yang bekerja mengikut bidang diperolehi 100%, 87.5% dan 39% bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Apabila berlakunya ketidaksepadanan diantara pekerjaan yang diceburi dengan bidang pengajian yang diikuti ia akan mengganggu tahap kepuasan pekerjaan seseorang graduan dan akan memberi kesan terhadap produktiviti seseorang individu di dalam sesuatu pekerjaan yang diceburi.

Justeru itu, untuk mengenalpasti secara mendalam berkaitan isu-isu atau masalah kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi, kajian yang menyeluruh haruslah dilakukan seperti mengambil kira faktor ciri-ciri pendidikan, ciri-ciri demografik, ciri-ciri pekerjaan dan kesesuaian kurikulum bidang pengajian.

5.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ke atas graduan Sijil Teknologi Pembinaan menunjukkan kadar kebolehpasaran yang tinggi dan mereka boleh mendapat pekerjaan atau menyambung pengajian dalam tempoh kurang daripada 6 bulan selepas tamat pengajian. Hasil kajian pada tahun 2016 dan 2017 menunjukkan bahawa destinasi graduan iaitu mendapat pekerjaan dalam bidang yang sama dengan bidang yang dipelajari adalah sangat baik. Untuk mengekalkan dan meningkatkan kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu, pihak kolej Komuniti Kuala Terengganu perlu merancang program yang berimpak tinggi yang dapat membantu graduan Kolej Komuniti Kuala Terengganu mendapatkan pekerjaan sejurus tamat pengajian. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan dengan kerjasama daripada semua pihak, terutamanya Unit Perhubungan Industri dan Alumni. Semua pihak harus berganding bahu dalam memainkan peranan bagi memupuk minat serta semangat pelajar agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing dan menepati kehendak industri.

RUJUKAN

Creswell, J.W. (2005). *Educationalresearch: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitativ Research* (2nd ed.), Upper Saddle River, N.J: Pearson Merrill Prentice Hall.

Utusan Online. (2017, Disember 19). Beri Peluang Graduan Timba Pengalaman Bekerja, 6.00 pm.

Berita Harian. (2019, Julai 2017). Graduan, Siswazah Miskin, B40 Sukar Dapat Kerja Setimpal, 8.00pm.

Ismail, Z. (2016). Laporan Pengesanan Graduan 2016 Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

Ismail, Z. (2017). Laporan Pengesanan Graduan 2017 Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

Ismail, Z. (2018). Laporan Pengesanan Graduan 2018 Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

KAJIAN KEPUASAN PELAJAR BAHARU TERHADAP KESELURUHAN PROSES PENDAFTARAN DI KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS

Mohd Hasbi Bin Mat Zain, Nik Mohd Kamil Bin Ibrahim@Nik Hanafi & Wan Halimah
Albadriah Binti Mohd Yusoff
Kolej Komuniti Kok Lanas

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk mengkaji kepuasan pelajar terhadap keseluruhan proses pendaftaran di Kolej Komuniti Kok Lanas (KKKLLK), Kelantan. Kajian ini melibatkan seramai 56 orang pelajar baharu Kolej Komuniti Kok Lanas yang mendaftar pada Sesi Jun 2020 terdiri daripada pelajar Program Sijil Terapi Kecantikan dan Spa (STK), Program Sijil Dandan Rambut (SDR), dan Program Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP). Satu set borang soal selidik yang terdiri daripada 11 soalan berkaitan dengan proses pendaftaran telah dijawab oleh pelajar baharu. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif yang mana proses pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Penganalisan data menggunakan skor min. Daripada analisa skor min, didapati bahawa pelajar baharu berpuas hati dengan keseluruhan proses pendaftaran. Skor min tertinggi adalah 4.64 (keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar) manakala skor min terendah adalah 3.63 (proses pemberian kad pelajar sementara berjalan lancar).

Kata Kunci : Kepuasan pelaja, proses pendaftaran, pelajar baharu

1.0 PENGENALAN

Kepuasan pelanggan dalam institusi pendidikan seperti juga pada industri lain merupakan isu yang penting dan tidak boleh dipandang mudah. Institusi pendidikan yang diterajui oleh pihak pengurusan seharusnya mengambil langkah proaktif untuk memenuhi kehendak pelanggan yang mempunyai keinginan tersendiri.

Kepuasan pelanggan merupakan kunci kepada sesebuah perniagaan yang mana kepuasan dalam penerimaan sesebuah perkhidmatan akan dinilai oleh pelanggan (Mustafa, Z. et al). Kepuasan pelanggan dan keinginan untuk dihormati dan dihargai mewakili tujuan penting bagi pekerja perkhidmatan dan penganiayaan pelanggan menandakan kegagalan untuk mencapai matlamat ini (Erin M.Richard *et al*) Kepuasan pelanggan terhadap mutu perkhidmatan di institusi tersebut harusnya mencapai suatu tahap yang memuaskan sekiranya sesebuah institusi berhasrat untuk muncul sebagai sebuah institusi pengajian yang hebat. Menurut Ashraf dan Ibrahim (2009) kualiti pendidikan adalah sukar untuk diukur dan didefinisikan di mana ia merangkumi hasil pembelajaran yang diterima oleh pelajar dari para pendidik dan juga keadaan persekitaran institusi itu sendiri. Oleh kerana itu, penilaian pelanggan terhadap kualiti terhadap pengajian tinggi adalah secara menyeluruh dalam organisasi institusi (Haque, 2004) dan tidak hanya tertumpu kepada bahagian tertentu sahaja. Pelajar yang berpuas hati dengan institusi didapati lebih setia kepada institusi, sentiasa melibatkan diri dalam kegiatan alumni dan mengekalkan hubungan yang baik dengan institusi (Carl Senior et.al).

KKKLLK mengambil pelajar baharu pada Sesi Jun dan Sesi Disember setiap tahun dengan berdasarkan norma pengambilan yang ditetapkan oleh Bahagian Ambilan dan

Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti(JPPKK). Oleh hal yang demikian, kepuasan pelanggan haruslah diutamakan untuk menjaga imej insitituti dan seterusnya meningkatkan keyakinan masyarakat untuk terus memilih Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai tempat mereka melanjutkan pengajian khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Hasrat ini sejajar dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 untuk menjadi institusi TVET yang unggul.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelajar baharu sering merungut kepada pihak pengurusan KKCLK setelah tamat sesi pendaftaran pelajar. Antara rungutan yang sering diutarakan adalah tempoh keseluruhan pendaftaran yang terlalu lama, tidak memahami arahan di dalam Buku Pendaftaran Kolej Komuniti, proses pemberian kad pelajar sementara kurang lancar dan lain-lain lagi. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar baharu semasa hari pendaftaran.

1.2 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap kepuasan pelajar baharu terhadap keseluruhan proses pendaftaran di KKCLK
2. Mengenalpasti ruang penambahbaikan yang perlu semasa proses pendaftaran pelajar

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah melalui tinjauan menggunakan soal selidik. Tatacara kajian ini adalah dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar baharu yang terdiri tiga program berbeza iaitu STK, SDR, dan SMP. Kaedah soal selidik digunakan kerana ia bersesuaian dengan objektif dan persoalan yang ingin dikaji. Skala Likert digunakan dalam kajian ini kerana ia mencadangkan kaedah penyelidikan sikap yang lebih mudah (Azizi Yahaya et. al. 2007) Penyelidikan dijalankan secara deskriptif ke atas pelajar baharu KKCLK untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelajar baharu terhadap proses pendaftaran. Kajian berbentuk deskriptif dapat memberi gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu membuat perancangan pada masa akan datang (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2014). Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian ini merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan untuk masa akan datang.

Skala Likert (Maklumbalas Proses Pendaftaran Pelajar Baharu)

Skala	Penyataan	Poin
1	Amat tidak setuju	1
2	Tidak setuju	2
3	Tidak Pasti	3
4	Setuju	4
5	Amat Setuju	5

Jadual 5.1 Skala Likert

Penentuan Tahap Min

Skor Min	Interpertasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

(Sumber : Landell, 1977)

Jadual 5.2 Penentuan Tahap Min

3.0. ANALISIS DATA DAN INTERPERTASI

Poin		1		2		3		4		5		Min
Skala Likert		Amat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Amat Setuju		
Bil	Maklumbalas Proses Pendaftaran Pelajar Baharu	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Arahan di dalam Buku Panduan Pendaftaran Kolej Komuniti adalah mudah difahami	0	0	0	0	6	10.7	34	60.7	16	28.6	4.18
2	Borang-borang pendaftaran yang terdapat di dalam Buku Panduan Pendaftaran Kolej Komuniti mudah difahami dan dilengkapkan	0	0	0	0	4	7.1	28	50	24	42.9	4.36
3	Proses semakan dokumen di Kaunter Semakan membantu pelajar mengenalpasti dokumen yang tidak lengkap	0	0	1	1.8	3	5.4	22	39.3	30	53.6	4.45
4	Urusan pembayaran yuran pengajian berjalan dengan lancar	0	0	0	0	4	7.1	16	28.6	36	64.3	4.57
5	Urusan bayaran pendaftaran koperasi berjalan lancar	0	0	0	0	6	10.7	18	32.1	32	57.1	4.46
6	Urusan pembayaran insurans dan yuran hari suai kenal berjalan lancar	0	0	0	0	3	5.4	25	44.6	28	50	4.45
7	Proses pemberian kad pelajar sementara berjalan lancar	1	1.8	2	3.6	26	46.4	15	26.8	12	21.4	3.63
8	Urusetia pendaftaran banyak membantu dan memberi layanan baik	0	0	0	0	0	0	21	37.5	35	62.5	4.63
9	Tempat duduk yang disediakan untuk menunggu semasa pendaftaran adalah mencukupi	0	0	0	0	2	3.6	27	48.2	27	48.2	4.47
10	Tempoh yang diambil untuk proses pendaftaran adalah memuaskan	0	0	0	0	2	3.6	24	42.9	30	53.6	4.50
11	Keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar	0	0	0	0	1	1.8	18	32.1	37	66.1	4.64

Jadual 6.1 Analisis Data

Persoalan Kajian Pertama : Arahan di dalam Buku Panduan Pendaftaran Kolej Komuniti adalah mudah difahami.

Secara keseluruhannya, jumlah min bagi persoalan kajian yang pertama adalah 4.18 dan berada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa para responden memahami arahan di dalam Buku Pendaftaran Kolej Komuniti.

Persoalan Kajian Kedua : Borang-borang pendaftaran yang terdapat di dalam Buku Panduan Pendaftaran Kolej Komuniti mudah difahami dan dilengkapkan.

Nilai min untuk persoalan kajian kedua berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.36. Kesimpulannya, para pelajar mudah memahami dan melengkapkan borang-borang yang terdapat di dalam Buku Panduan Pendaftaran Kolej Komuniti.

Persoalan Kajian Ketiga : Proses semakan dokumen di Kaunter Semakan membantu pelajar mengenalpasti dokumen yang tidak lengkap.

Berdasarkan nilai min yang telah dianalisis iaitu 4.45, para responden amat setuju bahawa proses semakan dokumen di Kaunter Semakan membantu pelajar mengenalpasti dokumen yang tidak lengkap.

Persoalan Kajian Keempat : Urusan pembayaran yuran pengajian berjalan dengan lancar.

Bagi persoalan kajian yang keempat, urusan pembayaran yuran pengajian berjalan dengan lancar melalui nilai min sebanyak 4.57 yang berada pada nilai tinggi.

Persoalan Kajian Kelima : Urusan bayaran pendaftaran koperasi berjalan lancar.

Secara keseluruhannya, jumlah min bagi persoalan kajian yang kelima adalah 4.46 dan berada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa para responden bersetuju urusan bayaran pendaftaran koperasi berjalan lancar.

Persoalan Kajian Keenam : Urusan pembayaran insurans dan yuran hari suai kenal berjalan lancar.

Nilai min untuk persoalan kajian keenam berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.45. Oleh itu, secara keseluruhannya para pelajar menyatakan urusan pembayaran insurans dan yuran hari suai kenal berjalan lancar.

Persoalan Kajian Ketujuh : Proses pemberian kad pelajar sementara berjalan lancar.

Berdasarkan nilai min yang telah dianalisa iaitu 3.63 dengan interpertasi tahap min sederhana, para responden tidak pasti bahawa proses pemberian kad pelajar sementara berjalan lancar.

Persoalan Kajian Kelapan : Urusetia pendaftaran banyak membantu dan memberi layanan baik.

Bagi persoalan kajian yang kelapan, urusan pendaftaran secara keseluruhannya didapati banyak membantu dan memberi layanan baik kepada pelajar baharu. Sikap ini diterjemahkan melalui nilai min sebanyak 4.63 yang berada pada nilai tinggi.

Persoalan Kajian Kesembilan : Tempat duduk yang disediakan untuk menunggu semasa pendaftaran adalah mencukupi.

Secara keseluruhannya, jumlah min bagi persoalan kajian yang kesembilan adalah 4.47 dan berada tahap interpertasi yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa para responden

bersetuju tempat duduk yang disediakan untuk menunggu semasa pendaftaran adalah mencukupi.

Persoalan Kajian Kesepuluh : Tempoh yang diambil untuk proses pendaftaran adalah memuaskan.

Nilai min untuk persoalan kajian kesepuluh berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.50. Oleh itu, secara keseluruhannya para pelajar menyatakan tempoh yang diambil untuk proses pendaftaran adalah memuaskan.

Persoalan Kajian Kesebelas : Keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar.

Berdasarkan nilai min yang telah dianalisa iaitu 4.64 dengan interpertasi min pada tahap yang tinggi, para responden membuat kesimpulan bahawa keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar.

4.0 PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan kajian, para pelajar baharu berpuas hati berhubung keseluruhan proses pendaftaran pelajar. Kenyataan ini diterjemahkan oleh pelajar dalam skor min setiap soalan yang melebihi skor min 4 dengan skor min tertinggi (4.64) diperolehi pada persoalan kajian yang terakhir iaitu “Keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar”. Namun begitu, bagi persoalan kajian “Proses pemberian kad pelajar sementara berjalan lancar”, skor min yang diperolehi hanya 3.63. Penambahbaikan proses pemberian kad pelajar sementara pada sesi pendaftaran pelajar baharu seharusnya dilakukan untuk melancarkan lagi proses pendaftaran.

5.0 SUMBANGAN DAN IMPAK

Kajian kepuasan pendaftaran pelajar baharu ini memberi impak kepada pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Tinjauan dan maklum balas pelajar mesti menjadi sebahagian daripada strategi institusi dan kerangka jaminan kualiti sekiranya institusi komited untuk mengesan dan meningkatkan pengalaman semua pelajar. Menjadikan pelajar terlibat dalam perancangan strategi institusi serta memastikan strategi dilaksanakan dalam rancangan unit fakulti dan pentadbiran. Hasil tinjauan digunakan sebagai petunjuk prestasi untuk memantau kemajuan dan menetapkan sasaran baru (Mahsood Shah et.al). Antara pihak-pihak yang mendapat manfaat dari dapatan dan rumusan kajian adalah pihak KKKLK, pelajar dan komuniti setempat. Pihak Pengurusan KKKLK dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan semasa proses pendaftaran pelajar. Terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dalam proses pendaftaran pelajar walaupun secara keseluruhannya pelajar baharu memberi penilaian yang tinggi dalam soal selidik yang dijalankan. Pelajar pula seharusnya berasa yakin dan bangga kerana telah memilih KKKLK sebagai tempat melanjutkan pengajian. Komuniti setempat terutamanya ibu bapa pelajar KKKLK pula sewajarnya dapat menanamkan kepercayaan kepada KKKLK untuk menghasilkan graduan yang unggul bukan sahaja dalam bidang TVET tetapi juga daripada segi sahsiah dan jati diri. Pelajar dan komuniti setempat secara tidak langsung akan mempromosikan JPPKK melalui hebahan secara bersemuka atau tanpa bersemuka terutamanya melalui media massa dan media sosial supaya terus memilih Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai sebuah institusi TVET yang unggul.

RUJUKAN

- Mustafa, Z. et al (2007). Pengelasan Atribut Kualiti bagi Meningkatkan Kepuasan Pelanggan. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*, 3(1),ms. 149-159.
- A.Ashraf, M. & Ibrahim, Y. (2009). Quality Education Management at Private Universities in Bangladesh: An Exploratory Study. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, ms. 17–32
- Buku Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025
- Azizi Yahaya et al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*, ms. 182
- Ahmad Munawar & Mohd. Shahizan Ali. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*
- Cohen, M. (2011). *Research Methods in Education*. Routledge; 7 edition (April 28, 2011).
- Creswell, J., & Clark, P. (2011). *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (2nd edition). SAGE Publications, Inc.
- Esa, A., Selamat, A.S., Padil, S. & Jamaludin, J. (2014). Applications of soft skills in engineering programme at polytechnic Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 140, 115-120.
- Carl Senior , Elisabeth Moores and Adrian P. Burgess“ I Can’t Get No Satisfaction ” : Measuring Student Satisfaction in the Age of a Consumerist Higher Education June 2017, volume 8, article 980, What Is the Role for Effective Pedagogy In Contemporary Higher Education?
- Mahsood Shah, Chenicheri Sid Nair, John Richardson.(2017) *Measuring and Enhancing the Student Experience*, Elsevier Ltd page 69
- Erin,Christa P.Bupp, Raad G. Alzaidalsharief, *Emotions and Organizational Governance* (2016) edited by MNeal M. Ashkanasy, Charmine E. J. Härtel, Wilfred J. Zerbe , ms.122

HUKUMAN GANTUNG BAGI IBU YANG MEMBUNUH BAYI: KEHUJAHAN GOLONGAN YANG MENYOKONG DAN MENENTANG PELAKSANAAN HUKUMAN GANTUNG TERSEBUT

Nor Maheran Binti Mat Noor, Mohd Hafiz Bin Che Hashim &
Shah Rulbani Binti Zakaria
Kolej Komuniti Jeli

ABSTRAK

Kes pembuangan bayi yang menyebabkan kematian bayi semakin berleluasa, bagi mengatasi masalah ini, Kabinet Malaysia telah memutuskan bahawa kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah ini. Sehubungan dengan itu, maka hukuman gantung akan dikenakan ke atas ibu yang membunuh bayi. Pelaksanaan hukuman ini agak kontroversi serta mendapat pelbagai reaksi masyarakat, ada diantaranya golongan yang menyokong hukuman ini dilaksanakan dan ada golongan yang menentang pelaksanaannya. Justeru itu, artikel ini membincangkan kehujaan bagi golongan yang menyokong dan juga kehujaan bagi golongan yang menentang pelaksanaan hukuman gantung ini. Rumusan daripada penulis mendapati bahawa pelaksanaan hukuman gantung bagi ibu yang membuang bayi perlulah dirujuk kepada hukuman Ta'zir disebabkan hubungan biologi antara ibu dan anak tersebut. Kajian yang menggunakan metodologi kepustakaan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha untuk menerapkan hukuman mengikut kesesuaian berlandaskan syariat Islam.

Kata Kunci : Hukuman gantung , Ibu yang membunuh bayi, Kehujahan

1.0 PENGENALAN

Kes pembuangan bayi semakin bertambah setiap tahun dan belum menampakkan penurunan. Pendedahan statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa kes tersebut meningkat dari setahun ke setahun walaupun pelbagai program dan kempen kesedaran dianjurkan oleh pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi-agensi yang berkaitan, namun hasilnya masih belum lagi membanggakan.

Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak (D11), PDRM membuat statistik dan mendapati bahawa pada tahun 2014 hingga 2018, kawasan perumahan sebagai lokasi pembuangan bayi dan janin yang paling banyak direkodkan diikuti oleh tandas awam, pusat pembuangan sampah, masjid dan surau, Loji, longkang dan pusat kumbahan, tepi kedai dan bangunan, tepi jalan dan semak-samun dan sungai. Kebanyakan lokasi terbabit merupakan tempat umum yang menjadi lokasi tumpuan orang ramai setiap hari (Noor Muhammad Shakil 2011; Zulkifli Ismail. 2019).

Perbuatan membuang bayi sehingga menyebabkan kematian bayi merupakan perbuatan yang sangat zalim malahan berdosa di sisi agama. Perbuatan ini juga bertentangan dengan fitrah kejadian manusia dari aspek perasaan kasih sayang terutama sekali kasih sayang ibu terhadap anak. Islam sangat melarang dan mencela perbuatan ini kerana ia boleh mendatangkan kerosakkan dalam masyarakat. Oleh sebab masalah ini begitu serius, maka Kabinet Malaysia memutuskan bahawa kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh dalam menyelesaikan masalah ini. Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307 kanun sama membawa

hukuman penjara maksimum 20 tahun (<http://pmr.penerangan.gov.my>). Ini bermakna, jika sabit kesalahan, ibu kepada bayi berkenaan boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati.

Namun begitu, bagi sesetengah pihak, hukuman gantung ini dianggap tidak sesuai, berat dan zalim disebabkan ia melibatkan kehilangan nyawa seseorang manusia. Hukuman mati melibatkan penamatan nyawa seseorang individu di bawah undang-undang pemerintah atau hakim dan merupakan hukuman yang paling berat dilaksanakan di Malaysia. Apatah lagi dalam undang-undang jenayah Islam, hukuman qisas tidak dikenakan ke atas bapa atau ibu yang membunuh anaknya sendiri.

Malahan pada masa kini, terdapat beberapa negara seperti Australia, Kanada, Brintain dan negara-negara Eropah telah menghapuskan hukuman mati ke atas semua kes-kes jenayah disebabkan hukuman mati ini tidak dapat mencegah kelakuan jenayah secara keseluruhannya (Hamidi Abdul Ghani, 2007). Hal ini juga dinyatakan oleh Roslan (2018) bahawa penghapusan hukuman mati ialah gerakan hak asasi antarabangsa, terutama melalui 'Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment' dan 'International Covenant on Civil and Political Rights', begitu juga dengan Deklarasi Hak-hak Kemanusiaan Antarabangsa yang mana hampir 150 negara sudah menghapuskan hukuman mati dan lebih kurang 50 negara masih lagi mengekalkannya. Penghapusan semua jenis hukuman mati mungkin persediaan untuk menerima Perjanjian-Perjanjian Antarabangsa yang dimaksudkan.

Amnesty International ialah sebuah gerakan sejagat yang dianggotai oleh 7 juta orang yang berkempen untuk seluruh dunia untuk hak asasi manusia bagi pemansuhan hukuman gantung ini. antara pernyataannya ialah:

“Amnesty International menyeru pihak berkuasa di Malaysia untuk mengambil tindakan segera meminda hukuman mati mandatori terhadap semua kesalahan dan mengubah undang-undang negara agar selari dengan undang-undang dan standard hak asasi antarabangsa, sebagai langkah awal yang kritikal ke arah pemansuhan penuh hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan hina” (amnesty.org 2019).

Dalam aspek moral juga terdapat beberapa golongan yang menentang hukuman mati ini iaitu golongan yang mendokong fahaman teori teleological (Utilitarianisme peraturan), teori deontological tindak dan teori kemoralan sosial yang bertanggungjawab bahawa hukuman mati tidak bermoral dan tidak wajar untuk dilaksanakan. Sehubungan itu, kajian ini membincangkan tentang keujahan hukuman gantung sampai mati bagi ibu yang membuang bayi yang menyebabkan kematian bayi tersebut.

1.1 Matlamat Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keujahan golongan yang menyokong dan menentang pelaksanaan hukuman gantung bagi kes ibu membunuh bayi dan menyebabkan kematian bayi tersebut.

1.2 Objektif Kajian

1. Mengetahui undang-undang yang melibatkan pembuangan bayi yang menyebabkan kematian bayi mengikut undang-undang Malaysia, undang-undang Islam dan juga perspektif moral.

2. Mengetahui hukuman gantung di Malaysia mengikut persepsi agama Islam dan moral.
3. Mengetahui kehujahan golongan yang menyokong dan menentang pelaksanaan hukuman gantung bagi kes ibu membunuh bayi.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengkaji memperoleh maklumat daripada kertas artikel jurnal, kerja seminar, buku dan laman sesawang.

3.0 ISU DAN PERMASALAHAN

Kes-kes pembuangan bayi merupakan satu masalah sosial yang semakin meruncing dewasa ini. Kebiasaannya berpunca daripada kes-kes perzinahan ataupun kes-kes rogol, samada dalam bentuk suka rela, paksaan, sumbang mahram, dan sebagainya. Perbuatan zina dikategorikan sebagai jenayah hudud dan ia memberikan kemudhoratan yang besar kepada masyarakat dan Islam tidak mengaanggap zina sebagai hak kebebasan peribadi individu dan Malaysia tidak terkecuali daripada terlibat dengan gejala ini (Anisah Abdul Ghani, 2009). Manakala perbuatan rogol pula boleh didefinisikan sebagai hubungan jenis antara lelaki dan perempuan yang bukan isterinya tanpa kerelaan perempuan tersebut dan wanita yang menjadi mangsa rogol tidak dikenakan hukuman *had* (Nik Rahim Bik Wajis, 1998).

Menurut Menurut Hamidi Abdul Ghani (2008), antara faktor-faktor yang mendorong kelakuan jenayah ini ialah jiwa yang kotor dan iman yang lemah, terpengaruh dengan bisikan syaitan, kecintaan kepada dunia dan mengikut hawa nafsu, kurangnya didikan dan penghayatan agama, kelemahan institusi kekeluargaan, pengaruh kawan, pengaruh media massa dan hiburan yang melalaikan serta pemerintah tidak melaksanakan hukuman syarak. Oleh kerana itu, kes pembuangan bayi adalah berkemungkinan hasil daripada perzinahan dan juga kemungkinan melibatkan kes rogol, gejala ini semakin meningkat dan berleluasa, maka kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang serius dalam mengatasi masalah ini.

3.1 Undang-Undang Yang Melibatkan Pembuangan Bayi dan Menyebabkan Kematian Bayi di Malaysia.

Kes pembuangan bayi menjadi satu fenomena yang sangat membimbangkan, terdapat 181 kes pada tahun 2009, 102 pada tahun 2010 (Noor Muhammad Shakil, 2011). 98 kes pada tahun 2011, 89 kes pada tahun 2012 (Afifi et al 2013), 90 kes pada tahun 2013, 102 kes pada tahun 2014(<http://www.thestar.com>). Terdapat 111 kes buang bayi pada tahun 2015, 115 kes pada tahun 2016, 120 kes pada tahun 2017 dan 128 kes pada tahun 2018 (Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zulkifli Ismail 2019)

Sehubungan dengan itu, Kabinet Malaysia telah memutuskan bahawa kes pembuangan bayi disiasat sebagai 'kes bunuh atau percubaan membunuh' bagi memastikan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu menerima hukuman berat. Undang-undang di Malaysia yang melibatkan kes buang bayi diklasifikasikan dalam kategori kes-kes pembunuhan atau percubaan membunuh. Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307kanun sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun (Azman Mohd Noor 2008; Mustafa 'Afifi et al. 2013).

Kes pembuangan bayi juga melibatkan Akta di bawah Bab 3, Kesalahan Berhubung Dengan Kesihatan Dan Kebajikan Kanak-Kanak, Akta Kanak-kanak 2001. Sebelum ini, semua kes pembuangan bayi disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum denda maksimum RM 20,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Seksyen 31 meliputi kesalahan berkaitan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak (Afifi et al 2013).

3.2 Undang-Undang Yang Melibatkan Pembuangan Bayi dan Pembunuhan Bayi Mengikut Perspektif Islam.

Menurut Hamidi Abdul Ghani, (2008) setiap perbuatan yang membawa kepada dosa adalah dianggap jenayah dalam Islam. Pembuangan bayi merupakan satu perbuatan jenayah dan Islam melarang perbuatan membuang bayi kerana boleh mendatangkan kemudhoratan kepada bayi tersebut. Namun jika bayi tersebut meninggal disebabkan perbuatan ibu yang membuangnya atau membunuhnya, maka hukumannya melibatkan qisas dan ta'zir. Perkara ini termasuk dalam kes-kes pembunuhan yang tidak dibenarkan dan tanpa hak.

Firman Allah *Ta'ala*,

“Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.” (QS. An Nisa': 29).

Begitu pula firman Allah *Ta'ala*,

“(Sifat orang beriman yaitu) tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan (alasan) yang benar” (QS. Al Furqon: 68)

Juga dalam hadits Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* disebutkan,

“Tidaklah halal darah seorang muslim -yang telah bersaksi bahwa tidak ada sesembahan yang berhak disembah selain Allah dan bersaksi bahwa aku adalah utusan Allah- kecuali karena tiga perkara: (1) orang yang telah menikah namun berzina, (2) membunuh satu jiwa, (3) meninggalkan agama dan memberontak dari pemerintah yang sah” (HR. Bukhari no. 6878 dan Muslim no. 1676).

Oleh itu, ibu yang membuang bayi dan menyebabkan kematian bayinya termasuk dalam golongan yang membunuh tanpa hak dan ditegah oleh agama. Ini kerana wujud unsur benci, marah, kecewa dan secara psikologinya seseorang ibu itu tidak boleh menerima bayi tersebut.

i. Undang-Undang dari Perspektif Qisas

Tidak dikenakan hukuman Qisas bagi bapa atau ibu yang membunuh anaknya, ia termasuk dalam kes pengecualian Qisas terhadap bapa dan ibu kepada mangsa sebab pembunuh yang wajib dikenakan hukuman qisas adalah disyaratkan pembunuh itu bukan bapa atau ibu orang yang dibunuh. Tidak wajib dikenakan hukuman qisas ke atas bapa atau ibu yang membunuh anaknya. Hukuman ini adalah berdasarkan hadith-hadith Rasulullah saw berikut:

- i. Hadith yang diriwayatkan daripada Umar Ibnu Khattab, yang bermaksud, *“Tidak boleh diqisas bapa disebabkan membunuh anaknya.”*

(Riwayat Tirmizi)

- ii. Hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra, yang bermaksud, “*Tidak boleh dibunuh bapa disebabkan membunuh anaknya.*” (Riwayat Tirmizi)

ii. Undang-Undang dari Perspektif Ta'zir

Ta'zir adalah hukuman yang tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman bagi kesalahan ini tidak disebut di dalam al-Quran atau Sunnah. Skop kesalahan ta'zir adalah luas kerana semua bentuk kesalahan yang tidak tertakluk kepada hukuman qisas dan hukuman hudud adalah tertakluk kepada hukuman ta'zir. Bentuk hukuman adalah berbagai-bagai dan tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim. Hukuman ta'zir boleh dikenakan hukuman bunuh apabila hukuman itu membawa kepentingan umum dan apabila kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penjenayah berulang kali had ta'zir yang bukan hukuman mati. Hukuman mati ini adalah berbentuk “*Siyasah Syar'iyah*” supaya perbuatan jenayah tidak akan berleluasa dan masyarakat menjadi gerun untuk melakukan jenayah. Antara kesalahan ta'zir yang boleh dihukum bunuh ialah mendedahkan rahsia orang Islam kepada musuh, pengganas dan orang yang mendakyah kepada kesesatan. Sebagai contoh hukuman ta'zir yang dilaksanakan di Arab Saudi dan Malaysia ialah hukuman mati kepada pengedar dan pedagang dadah. (Hamidi Abdul Ghani, 2007). Oleh itu, hukuman gantung boleh dilaksanakan keatas ibu yang membunuh bayi berdasarkan hukuman ta'zir.

iii. Pembuangan Bayi dari Perspektif Nilai Moral

Teori Teontologi mengatakan bahawa ibu kepada bayi itu adalah orang yang berhak dalam membuat pilihannya sendiri di mana pilihannya haruslah berdasarkan situasi mereka sendiri dan moral itu ditetapkan sendiri. Pembuangan bayi adalah langkah bagi meneruskan kelangsungan kehidupan ibu kepada bayi tersebut yang mana dia tidak berkemampuan dan tidak berupaya memelihara bayi tersebut. Ibu tersebut bertanggungjawab memilih cara penyelesaian masalah kerana mengetahui cara menempatkan dirinya atau cara yang paling sesuai dengan dirinya. Undang-undang dan hukum agama tidak boleh menjadi halangan kepada kebebasan pilihan ibu tersebut sekira pilihan itu pilihan dia sendiri. Perbuatan membuang bayi jika yang berada pada situasi tersebut dikatakan bermoral sekiranya waktu itu adalah sesuai di mana ia tidak menyusahkan dirinya.

Teori Egoisme menyatakan bahawa seseorang itu mestilah melakukan sesuatu perbuatan dengan bertujuan untuk memberikan faedah dan kebaikan kepada dirinya sendiri. Setiap perbuatan yang dapat memberi keuntungan serta faedah kepada diri sendiri dianggap sesuatu perbuatan yang baik dan setiap perbuatan yang mendatangkan kerugian dan kemudhoratan dianggap sesuatu perbuatan yang buruk. Oleh itu, seseorang ibu yang membuang bayinya merupakan cara yang paling mudah bagi mengatasi masalah yang dihadapinya. Ibu tersebut tidak perlu lagi memikirkan bagaimana untuk menanggung anak mereka dari sudut kewangan dan dapat melarikan diri daripada pandangan masyarakat yang suka mengkritik dan menghukum mereka, maka perbuatan itu dianggap bermoral.

Sebaliknya, dari sudut Teori Kemoralan Sosial, kelakuan pembuangan bayi adalah tidak wajar. Teori kemoralan sosial ini dipengaruhi oleh pegangan agama dalam sesuatu masyarakat. Teori ini merupakan suatu teori etika yang berkaitan dengan apa-apa peraturan dalam sesuatu masyarakat, bangsa atau kaum. Oleh itu, pembuangan bayi akan menjejaskan keharmonian masyarakat sekeliling. Masyarakat akan berasa malu dan

kecewa dengan perbuatan tersebut. Masyarakat juga akan memandang pembuangan bayi sebagai satu kelakuan yang keji dan perbuatan ini telah melanggar undang-undang masyarakat, maka perbuatan itu dianggap tidak bermoral.

Manakala Teori Moral Kategorikal Imperatif pula memperkatakan bahawa sesuatu tindakan itu dianggap sebagai tidak bermoral sekiranya peraturan yang membenarkan itu tidak dapat digunakan secara umum sebagai satu peraturan universal kepada semua manusia untuk munuruti atau mematuhi. Jikalau pembuangan bayi dianggap bermoral dan diterima oleh masyarakat, maka kes pembuangan bayi akan meningkat secara tiba-tiba dan ibu kepada bayi tersebut akan memberi pelbagai alasan untuk membenarkan tindakan itu. Justeru itu, perbuatan itu dianggap tidak bermoral.

3.3 Isu Hukuman Gantung Di Malaysia Mengikut Persepsi Agama Islam Dan Moral

Pelaksanaan hukuman gantung bagi ibu yang membuang dan menyebabkan kematian bayi menimbulkan kepelbagaian pandangan dan tanggapan, dalam kajian ini dibincangkan mengikut persepsi agama Islam dan juga persepsi moral.

i. Isu Mengenai Hukuman Gantung di Malaysia Menurut Persepsi Agama Islam

Kebanyakan negara di dunia sekarang telah dimansuhkan peruntukan dan pelaksanaan hukuman mati. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat negara-negara di dunia yang masih anggap kerelevanan hukuman mati sebagai satu bentuk pencegahan termasuk negara kita Malaysia, Lebih-lebih lagi, undang-undang antarabangsa tidak sama sekali melarang pengenaan hukuman mati walaupun terdapat sekatan ke atas pengenaannya (Shamrahayu 2015). Pelaksanaan hukuman mati di Malaysia telah menimbulkan beberapa isu yang kontroversi, antaranya isunya ialah adakah wujud fatwa tentang hukuman mati di Malaysia? Adakah Peruntukan hukuman mati yang terkandung di dalam undang-undang jenayah Malaysia adalah tidak bercanggah dengan undang-undang syariat Islam?. Berikut adalah jawapan kepada persoalan diatas.

ii. Fatwa Tentang Hukuman Gantung di Malaysia dan Pelaksanaan Hukuman Gantung Menggantikan Hukuman Pancung.

Hukuman mati yang dijalankan di Malaysia adalah berbentuk gantung sampai mati. Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Lajnah Fatwa Al-Azhar bahawa penggunaan alat selain daripada pedang dalam hukuman mati seperti suntikan maut, kerusi dan kejutan elektrik, hukuman gantung dan tembak adalah dibolehkan jika sekiranya alat tersebut lebih pantas dan berkesan dari pedang dan kurang kesakitan (Hamidi Abdul Ghani, 2007). Justeru itu, boleh dirumuskan bahawa hukuman gantung yang diamalkan di Malaysia tidak bertentangan dengan syarak dari sudut penggunaan alat selain daripada pedang. Namun setakat ini pengkaji belum menjumpai fatwa yang dikeluarkan oleh mana-mana jabatan mufti di Malaysia mengenai hukuman tersebut.

iii. Peruntukan Hukuman Mati Yang Terkandung Dalam Undang-Undang Jenayah Malaysia Adalah Tidak Bercanggah Dengan Undang-Undang Syariat Islam.

Malaysia telah melaksanakan sebahagian undang-undang Islam dalam aspek-aspek tertentu apabila Perlembagaan Persekutuan memperuntukan Islam sebagai agama persekutuan (Suwaid bin Tapah 2004). Namun begitu, hukuman mati di Malaysia tidak diletakkan di bawah undang-undang Islam sebaliknya di bawah undang-undang sivil. Hukuman mati adalah hukuman yang paling berat yang hanya dikenakan ke atas kesalahan

yang berat untuk menjamin keselamatan dan kepentingan umum. Dalam undang-undang jenayah Malaysia dan Syariah mempunyai peruntukan tertentu bagi hukuman mati. Semua peruntukan hukuman mati yang terkandung di dalam undang-undang jenayah Malaysia adalah tidak bercanggah dengan undang-undang Islam disebabkan hukuman ini dilaksanakan demi kepentingan masalah umat (Azman Mohd Noor, 2008).

Perlaksanaan hukuman gantung sampai mati adalah hal yang berkaitan dengan urusan Siyasa Syar'iyah yang lebih kepada cara atau wasilah sahaja. Di Malaysia, bagi kes yang sudah pun dijatuhkan hukuman jenayah oleh pihak mahkamah, hanya Yang di-Pertuan Agong di wilayah-wilayah persekutuan atau Sultan di negeri-negeri di bawah Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan layak untuk mengampunkan, menundakan, atau menunda hukum (Al-Kafi Li Al-Fatawi : Soalan 127, 16 Disember 2015).

iv. Isu Mengenai Hukuman Gantung Pada Pandangan Moral

Hukuman gantung menimbulkan isu perbahasan moral samada hukuman ini patut dilaksanakan atau dimansuhkan. Terdapat golongan yang menyokong dan menentang hukuman mati ini, mendokong fahaman teori Teleological (utilitarianisme peraturan), Teori Deontological tindakan dan Teori Kemoralan Sosial menyokong hukuman mati dilaksanakan. Manakala pendokong Teori Egisme Etika, Teori Deontological Tindakan (kewajipan prima facie) dan Teori Deontological Utilitarianisme tindak menentang bentuk hukuman mati ini.

Teori Teleological (utilitarianisme peraturan) menyatakan bahawa hukuman mati dikira bermoral kerana peraturan telah dibentuk dan harus diikuti untuk memastikan perbuatan tersebut tidak diulangi. Teori Deontological tindak mengaggap perbuatan tersebut adalah bermoral disebabkan kerajaan yang menyabitkan kesalahan itu bermotif baik manakala teori teori kemoralan sosial menyatakan hukuman mati adalah bermoral kerana melibatkan peraturan masyarakat.

Teori Egisme etika menyatakan bahawa setiap orang harus bertindak untuk kepentingan diri sendiri, ibu membuang bayi tersebut untuk menyelamatkan diri sendiri daripada kencaman masyarakat dan tindakan undang-undang, jadi tidak sepatutnya dikenakan hukuman gantung kerana hukuman tersebut adalah tidak bermoral. Teori Deontological tindak (kewajipan prima facie) menyatakan bahawa bentuk hukuman gantung perlu dielakkan disebabkan keadaan yang serius dan terpaksa menyebabkan ibu tersebut terpaksa membuang bayinya. Teori Deontological utilitarianisme menyatakan bahawa setiap orang mesti mentaksirkan situasinya sendiri dan menentukan tindakan yang membawa kepada kesudahan yang baik, dalam kes ini dengan hadirnya bayi tersebut boleh mendatangkan kemudharatan kepada ibu tersebut, oleh sebab itu hukuman gantung bagi ibu tersebut dianggap tidak bermoral.

4.0 DISKUSI KEHUJAHAN GOLONGAN YANG MENYOKONG DAN MENENTANG PELAKSANAAN HUKUMAN GANTUNG BAGI KES IBU MEMBUNUH BAYI

4.1 Hujah Yang Mewajarkan Hukuman Gantung Dilaksanakan

Menurut Al-Dahlawi (1992), menjatuhkan hukuman mati ke atas penjenayah telah dijalankan oleh umat-umat terdahulu. Hukuman mati dianggap sangat penting dan boleh mencegah dari berlakunya jenayah. Pepatah Arab zaman jahiliyah ada menyebut bahawa “Pembunuhan menghilangkan pembunuhan”. Azman (2008) menyatakan bahawa terdapat

beberapa kajian yang dijalankan yang telah mendapati bahawa hukuman mati lebih berkesan dalam membendung berbagai gejala jenayah yang semakin menular dalam masyarakat. Menurut Shamrahayu A Aziz. (2018) hukuman mati masih relevan dalam kes jenayah berat melampau seperti jenayah kemanusiaan, genosid atau penghapusan bangsa, rogol bersiri atau berkumpulan atau membabitkan keselamatan dan kedaulatan negara. Sekiranya dilihat sejarah perlakuan jenayah di negara kita dalam beberapa keadaan, masyarakat Malaysia mahukan hukuman mati ke atas perogol, terutama yang menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa atau penjenayah yang menggunakan kekerasan atau senjata api. Shahrizat Abdul Jalil (2013) matan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyokong hukuman ini dilaksanakan bagi mengelakkan lebih banyak lagi kes-kes pembuangan bayi yang melibatkan kematian bayi berlaku. Beliau berpandangan bahawa hukuman ini adalah setimpa dan sesuai dengan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan beliau juga tidak mahu isu ini menjadi semakin teruk.

4.2 Hujah Yang Menolak Hukuman Gantung Dilaksanakan

Pelaksanaan hukuman mati di Malaysia tidak berkesan untuk membanters jenayah pembunuhan. Jenayah seperti itu masih berlaku dan sehingga kini tiada tanda-tanda kes perumpamaan itu akan menurun walaupun adanya hukuman tersebut. Fenomena ini telah menimbulkan cadangan dari sesetengah pihak supaya peruntukan hukuman mati dimansuhkan (Hamidi Abdul Ghani, 2007).

Abdul Aziz (2011) menyatakan bahawa antara hujah yang diguna pakai untuk menolak hukuman mati ialah jika kemudian hari terdapat bukti baru yang menunjukkan seseorang itu tidak bersalah, maka ia tidak dapat lagi digunakan kerana orang itu telah pun menjalani hukuman mati, dan pengenaan hukuman mati juga merugikan sumber contoh masa, kos yang perlu di tanggung oleh kerajaan yang melibatkan mahkamah, pendakwa, pembela, dan lain-lain.

Ada sesetengah pihak yang mencadangkan supaya peruntukan hukuman mati di Malaysia dimansuhkan disebabkan kegagalan hukuman tersebut menyekat kes-kes jenayah yang berlaku pada masa sekarang, bahkan pada zaman moden ini, hukuman mati bukanlah sesuatu yang boleh diterima semua negara di dunia terutama sekali negara Barat dan Eropah (Hamidi Abdul Ghani, 2007).

Tambahan pula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Majlis Hak Asasi Manusia dan tuntutan antarabangsa menggesa agar hukuman mati dihapuskan. Sehubungan dengan itu, dua dekad ini menyaksikan banyak negara menghapuskan hukuman mati. Pada 2017, sebanyak 106 negara memansuhkan undang-undang mengenai hukuman mati dalam bagi semua kesalahan jenayah dan hanya sebilangan kecil negara yang masih melaksanakan hukuman mati. (Mohamed Azam 2019). Justeru, pelaksanaan hukuman gantung kepada ibu yang membuang bayi juga adalah tidak wajar dilaksanakan.

5. CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pelaksanaan hukuman terhadap kes ibu yang membunuh bayi dicadangkan mengikut hukuman qisas dan ta'zir dalam Islam iaitu tidak dikenakan hukuman bunuh terhadap ibu tersebut berdasarkan hukuman qisas tetapi dikenakan tindakan yang sewajarnya bagi hukuman ta'zir seperti penjara dan denda. Kelebihan pelaksanaan hukuman Qisas dan Ta'zir ini ialah terdapat jaminan kelangsungan hidup bagi ibu berkenaan. Perkara ini dapat memberi peluang kepadanya untuk bertaubat dan memulakan kehidupan baru yang lebih

baik. Jika pelaksanaan hukuman dilaksanakan mengikut undang-undang Islam, maka masalah ini dapat di selesaikan. Islam merupakan agama yang syumul merangkumi setiap aspek kehidupan manusia termasuk juga dalam bidang jenayah. Pelaksanaan hukuman Islam secara keseluruhan bukan sekadar dapat merawat penyakit yang ada dalam masyarakat bahkan dapat mencegah masyarakat daripada terjerumus ke dalam gejala sosial yang semakin meruncing sekarang.

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa hukuman gantung bagi ibu yang membuang bayi dan menyebabkan kematian bayinya adalah dianggap terlalu berat. Walaupun pada dasarnya hukuman gantung itu tidak bertentangan dengan Islam dari sudut hukum jenayah ta'zir dan juga dari sudut penggunaan tali gantung menggantikan penggunaan pedang dan pelaksanaan hukuman itu telah diterima oleh beberapa teori moral. Namun aspek hubungan biologi antara ibu dan anak sepatutnya diambil kira. Bahkan jika dilihat dari aspek hukum jenayah qisas, tidak dikenakan hukuman bagi ibu yang membunuh anaknya. Justeru, kehujahan bagi golongan yang menolak hukuman mati dilaksanakan juga perlu diberi perhatian.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin. 2003. Hukuman Mati di Malaysia. *KANUN (Journal of Malaysian Law)*, 15 (4): 24-37.
- Al-Dahlawi, Shah wali Allah bin Abdul Rahim. 1992. *Hujjat Allah Al-Balighah*. Beirut : Dar al-Kutub.
- Al-Kafi Li Al-Fatawi. 2015. Adakah wajar hukuman mati bagi mereka yang ingin bertaubat. Diperoleh dari <https://muftiwp.gov.my> pada 10 Disember 2020.
- Anisah Abdul Ghani. 2009. Hukum Menggugurkan Kandungan dan Membekalkan Bahan Kontraseptif Kepada Penzina Remaja Dari Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh*. No. 6 (2009) 67-86. Halaman 69-70.
- Azman Mohd Noor. (2008). Hukuman Mati Mandatori: Satu Analisis Menurut Pengamalan Undang-Undang di Malaysia dan Syariah . *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat* , 12, 13–27.
- Hamidi Abdul Ghani. 2007. Pelaksanaan Hukuman Mati Menurut Perspektif Islam. *Jurnal KIAS*, Muharram 1428/2007, bilangan 3. Halaman 36-39.
- Hamidi Abdul Ghani. 2008. Jenayah : Konsep, Punca Dan Cara Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam. *Jurnal KIAS*, ramadhan 1429/2008, bilangan 5. Halaman 27.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2004. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rahim Bik Wajis. 1998. Jenayah Rogol Di Dalam Undang-Undang Islam. *Jurnal Syariah*. Januari 1998, jilid 6. Halama 74.

Mohamed Azam Mohamed Adil. 2019. Pandangan syariah bagi hukuman mati. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my> pada 1 Jun 2020.

Mustafa ‘Afifi Ab Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Rezki Perdani Sawai, Nurhafizah Muhd Shukor, Dini Farhana Baharuddin, Joki Perdani Sawai, Abd Halim Mohd Hussin. Bayi Yang Dibuang : Hak Dan Kedudukan Bayi Disisi Undang-Undang. *Malayan Law Journal*. Diperoleh <https://www.researchgate.net> pada 26 Februari 2018.

Noor Muhammad Shakil. 2011. *Menangani Gejala Buang Bayi*. Dewan Masyarakat. Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 49 bil.04 April 2011.

Roslan Bin Rusly. 2018. Pelaksanaan hukuman mati masih relevan. Diperoleh dari <https://www.iiu.edu.my/news/pelaksanaan-hukuman-mati-masih-relevan> pada 13 Disember 2020.

Shamrahayu A Aziz. 2018. Pelaksanaan hukuman mati masih relevan. Diperoleh dari <https://www.bharian.com.my> pada 10 Disember 2020.

Shamrahayu A. Aziz .2015. The Continuing Debate On The Death Penalty : An Exposition Of International Instrument, Malaysian And The Sharī “.*Iium Law Journal* Vol. 23 NO. 1. 2015, 61–84.

Suwaid bin Tapah. 2004. Pelaksanaan Undang-Undang Di Malaysia: Reality Dan Cabaran. *Jurnal KIAS*. Muharram 1425/2004, bilangan 1. Halaman 17.

Zulkifli Ismail. 2019. Buang bayi setiap 3 hari. Diperoleh dari <https://www.hmetro.com.my> pada 1 Jun 2020.

<http://alkhatab.tripod.com>

<http://azizlaw.blogspot.my>

<http://documents.tips>

<http://pmr.penerangan.gov.my>

<http://prpm.dbp.gov.my>

<http://rumaysho.com>

<http://syariah.johor.gov.my>

<https://ustazabdulwahab.wordpress.com>

<http://pmr.penerangan.gov.my>

<https://www.amnesty.org>

KAJIAN PERSEPSI PELAJAR MODUL KEUSAHAWANAN KOLEJ KOMUNITI JELI TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

Rodiah Binti Ismail, Roslina Binti Mohd Noor & Nur Adibah Binti Suratman
Kolej Komuniti Jeli

ABSTRAK

Peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi pada masa kini bukan lagi satu jaminan kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan yang boleh mengubah nasib diri dan keluarga. Menyedari hakikat tersebut kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Modul Keusahawanan kepada pelajar semester 3 di Kolej Komuniti sebagai persediaan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan yang boleh menjamin masa depan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar yang telah mengikuti modul Keusahawanan terhadap penerapan kemahiran yang telah mereka pelajari. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar Modul Keusahawanan seramai 30 orang dari bidang Pastrri dan Fesyen dan Pakaian. Kaedah kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Hasil kajian mendapati bahawa Modul Keusahawanan yang diajar kepada pelajar menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Jeli.

Kata Kunci: Keusahawanan, Persepsi, Kemahiran Keusahawanan, Penerapan

1.0 PENGENALAN

Hasrat kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran dan pada masa yang sama untuk menggalakkan rakyat terutamanya golongan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan bagi penjanaan ekonomi sendiri dan negara amnya adalah selaras dengan memberi pendedahan awal tentang ilmu dan pengetahuan keusahawanan kepada graduan semasa di alam pembelajaran lagi. Pendidikan keusahawanan amat dititikberatkan oleh kerajaan pada masa kini sebagai persediaan kepada para graduan untuk menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan pengajian mereka dan tidak hanya bergantung nasib kepada pekerjaan makan gaji semata-mata. Ini dilihat kerana tidak semua graduan bernasib baik dan akan berjaya mendapatkan pekerjaan yang diidamkan setelah tamat pengajian. Justeru institusi pendidikan dilihat sebagai platform terbaik bagi menerapkan kemahiran keusahawanan kepada graduan. Ini kerana bidang keusahawanan banyak menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan dalam kalangan rakyat (Nagarathanam & Buang, 2016). Namun didapati tidak semua graduan berupaya atau berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Malah kebanyakan graduan didapati tidak dapat melihat peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan dalam bidang keusahawanan sebagai satu profesion yang boleh menjamin masa depan mereka (Norasmah et all, 2015). Walau bagaimanapun, timbul persoalan kenapa permasalahan ini wujud? Adakah kerana pendidikan keusahawanan yang telah diterapkan seperti kewujudan Modul Keusahawanan di Kolej Komuniti khususnya masih belum dapat membentuk niat keusahawanan di kalangan graduan untuk memilih keusahawanan sebagai profesion mereka? Justeru itu,

kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pelajar Modul Keusahawanan itu sendiri terhadap penerapan kemahiran keusahawanan dalam yang telah mereka ikuti.

1.1 Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar Modul Keusahawanan Kolej Komuniti Jeli seramai 30 orang dari bidang Sijil Pastri dan Sijil Fesyen dan Pakaian. Kajian ini sangat signifikan dalam mendukung hasrat negara untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja boleh mengubah nasib diri tetapi juga nasib orang dengan mencipta peluang-peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang keusahawanan yang terbuka luas. Memandangkan terdapat modul khusus yang mengajar para pelajar tentang ilmu keusahawanan iaitu Modul Keusahawanan di Kolej Komuniti bagi memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang keusahawanan maka kajian ini dibuat untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penekanan kepada kemahiran tersebut kepada mereka. Ini penting supaya mereka mampu untuk bersaing dengan belia di luar sana bagi merebut peluang-peluang yang luas dalam bidang keusahawanan memandangkan pelbagai program dengan jumlah peruntukkan yang besar telah disediakan oleh kerajaan bagi merangsang aktiviti keusahawanan (Ooi & Ahmad, 2013).

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kandungan modul yang diajar dengan penerapan kemahiran keusahawanan.
- ii. Mengetahui sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan.
- iii. Mengetahui ciri-ciri usahawan dalam diri pelajar

1.3 Kepentingan kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pensyarah untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan dalam pembelajaran modul keusahawanan dan seterusnya boleh mengambil inisiatif yang bersesuaian dalam usaha untuk melahirkan graduan yang mampu dan bersedia untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini juga boleh dijadikan garis panduan dan rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan kajian selanjutnya berdasarkan kepada data dan dapatan yang terhasil melalui kajian ini.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terbatas kepada pelajar semester 3 dari bidang pengajian Sijil Pastri dan Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Jeli sahaja untuk mengenalpasti jika terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran teori modul keusahawanan dengan penerapan kemahiran yang telah dipelajari. Faktor-faktor yang dilihat dalam kajian ini adalah sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan selain untuk mengenalpasti ciri-ciri usahawan pada diri pelajar.

2.0 KAJIAN LITERATUR


Kajian yang telah dijalankan oleh Nor Fauziana (2013) beliau menyatakan bahawa lebih dari 50% pelajar yang terlibat dalam kajiannya memandang positif terhadap kerjaya sebagai seorang usahawan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar sememangnya mempunyai minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Pelajar-pelajar juga akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memulakan dan mengendalikan sesuatu perniagaan

sekiranya diberi peluang (Azilawati et al, 2011). Menyedari hakikat inilah kajian ini diadakan supaya pihak-pihak yang berkepentingan seperti institusi penyedia latihan seperti di Kolej Komuniti untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran keusahawanan yang diajar mampu untuk menyediakan pelajar bagi menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan pengajian mereka nanti.

Rentetan daripada itu, tindakan yang sewajarnya perlu diambil di peringkat pengajian tinggi bagi melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan pasaran dan masa hadapan. Ini menunjukkan peri pentingnya pendidikan keusahawanan diterapkan sedari awal kepada para graduan supaya mereka tidak hanya bergantung kepada harap kepada pekerjaan makan gaji semata-mata tetapi mampu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan yang bukan sahaja boleh menjana pendapatan yang lumayan tetapi juga mampu mencipta peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Manakala menurut (Azmi et al, 2012) potensi keusahawanan dikalangan pelajar adalah tinggi yang menunjukkan bahawa setiap pelajar mempunyai potensi untuk menjadi seorang usahawan jika mereka diberi pendedahan awal tentang ilmu-ilmu keusahawanan yang berkaitan. Hal ini penting bagi membendung masalah pengangguran di kalangan siswazah. Menurut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018) kadar pengangguran pada Januari 2018 meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 3.4 peratus. Manakala perbandingan tahun ke tahun, kadar pengangguran 0.1 mata peratus lebih rendah berbanding Januari 2017. Berdasarkan data ini ia jelas menunjukkan bahawa kadar pengangguran meningkat dalam kalangan siswazah.

Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian



3.0 METODOLOGI

3.1 Lokasi Dan Sampel Kajian

Lokasi kajian yang terlibat adalah Kolej Komuniti Jeli (KKJ). Manakala sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar semester 3 bidang Pastri dan Fesyen dan Pakaian.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian 1: Demografi, Bahagian 2: Asas Keusahawanan dan Bahagian 3: Kegunaan (Praktikaliti) dan Kesesuaian. Penyelidik telah menggunakan Skala Likert 5 poin dalam semua item soal selidik. Poin yang tertinggi adalah 5 dan paling rendah adalah 1.

3.3 Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0.


4.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Hasil Dapatan

4.1.1 Profil responden kajian

Rajah 2 : Profil Responden

		BIDANG			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	PASTRI	15	50.0	50.0	50.0
	FESYEN DAN PAKAIAN	15	50.0	50.0	100.0
	Total	30	100.0	100.0	



Merujuk kepada rajah 2, bilangan responden adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada pelajar semester 3 yang mengambil Modul Keusahawanan dari Sijil Pastri (15 responden) dan Sijil Fesyen dan Pakaian (15 responden).

4.1.2 Asas Keusahawanan

Rajah 3 : Asas Keusahawanan

Statistik					
	Saya Dapat Membezakan Di Antara Peniaga Dan Usahawan	Saya Dapat Mengetahui Faktor-Faktor Yang Menjamin Kejayaan Dalam Perniagaan	Saya Dapat Memahami Cabaran Yang Dihadapi Oleh Ushawan	Saya Dapat Meningkatkan Pengetahuan Dalam Bidang Keusahawanan	Saya Dapat Suntikan Motivasi Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Keusahawanan
N	30	30	30	30	30
Min	4.37	4.20	4.30	4.23	4.27

Berdasarkan rajah 3, kajian mendapati nilai min yang paling tinggi adalah pada pernyataan satu (A1) iaitu 4.37 yang menunjukkan bahawa pelajar faham dan mengetahui perbezaan di antara seorang peniaga dengan seorang usahawan. Manakala min yang terendah pula adalah pada pernyataan dua (A2) yang merumuskan bahawa pelajar kurang mengetahui faktor-faktor yang boleh menjamin kejayaan dalam sesuatu perniagaan. Dapatan ini telah memberikan gambaran sebenar dalam mengetahui tahap kesediaan pelajar itu sendiri terhadap bidang keusahawanan. Sedangkan kejayaan sesuatu perniagaan sangat bergantung kepada keyakinan diri seseorang usahawan. Kecekapan sendiri sebagai keyakinan individu terhadap keupayaannya untuk berjaya melaksanakan peranan dan tugas keusahawanan serta secara positif berkaitan dengan niat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri (Newman et al., 2018). Dapatan ini boleh digunakan oleh tenaga pengajar untuk lebih menekankan lagi aspek yang berkaitan dengan faktor-faktor yang boleh mendorong kepada kejayaan sesebuah perniagaan.

Rajah 4 : Kegunaan (Praktikaliti) dan Kesesuaian

Statistik								
	Saya Dapat Meneroka Peluang-Peluang Perniagaan	Saya Dapat Menghasilkan Idea-Idea Perniagaan	Saya Dapat Merangka Perancangan Perniagaan	Saya Dapat Mengetahui Kaedah Penetapan Harga Yang Bersesuaian	Saya Dapat Merangka Strategi Promosi Secara Online Dan Offline	Saya Dapat Menghasilkan Reka Bentuk Media Sosial Yang Kreatif Sebagai Platform Untuk Menarik Minat Pelanggan	Saya Dapat Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Dengan Pelanggan	Saya Dapat Menguruskan Sumber Modal Dengan Cara Bertanggungjawab
N	30	30	30	30	30	30	30	30
Min	4.23	4.07	4.10	4.07	4.20	4.20	4.03	4.30

Berdasarkan rajah 4, hasil kajian mendapati nilai min yang paling tinggi adalah pada pernyataan lapan (B8) iaitu 4.30 yang menunjukkan bahawa pelajar berupaya untuk menguruskan sumber modal untuk perniagaan dengan baik dan bertanggungjawab. Manakala min yang terendah pula adalah pada pernyataan tujuh (B7) yang merumuskan bahawa pelajar mengakui mempunyai sedikit masalah dalam urusan berkomunikasi dengan pelanggan. Dalam konteks keusahawanan aspek komunikasi adalah sangat penting. Menurut kajian (Natashadora, 2013), penguasaan kemahiran berkomunikasi interpersonal dapat melahirkan seseorang individu yang berpotensi membentuk jaringan dengan entiti luar untuk tujuan perniagaan. Antara kaedah penyelesaian kepada permasalahan ini adalah dengan memberikan lebih banyak latihan praktikal kepada pelajar seperti mengadakan sesi temubual dengan dengan usahawan yang telah berjaya, mengadakan latihan ‘business pitching’ dengan lebih kerap dan sebagainya.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan yang telah dipelajari dalam Modul Keusahawanan telah dapat membantu para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan setelah mereka menamatkan pengajian. Mereka juga bersetuju bahawa penerapan kemahiran ini adalah amat penting. Justeru itu, usaha yang berterusan untuk memantapkan lagi penerapan ilmu keusahawanan kepada bakal graduan perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat supaya dapat memenuhi hasrat negara bagi melahirkan generasi muda yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

RUJUKAN

Azilahwati Binti Adam, Syaharizad Binti Abdul Razak dan Muhammad Helmi Abu Bakar (2011). Kecenderungan pelajar-pelajar semester akhir kolej Komuniti jasin terhadap keusahawanan

Azmi Abdul manaf, nik Hairi Othman, najwa hanis azmi (2012). Potensi keusahawanan dan dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Nagarathanam, R. & Buang, N. A. (2016). The relationship between attitude, intention,

e-Prosiding Kertas Penyelidikan – The 1st Conference of Research, Innovation & Community 2020
and entrepreneurship career choice among Malaysian India Undergraduates.
Akademika, 86(2), 43-52.

Natashadora Muridan. (2013). Penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar tahun satu fakulti pendidikan teknikal dan vokasional di UTHM. Parit Raja: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Newman, A., Obschonka, M., Schwarz, S., Cohen, M. & Nielsen, I. 2018. Entrepreneurial self-efficacy: A systematic review of the literature on its antecedents and outcomes, and an agenda for future research. *Journal of Vocational Behavior*.

Norashidah hashim, norasmah Othman, noraishah buang (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009): 187 – 203

Norasmah Othman & Nor Hafiza Othman. 2015. Relationship between entrepreneurial intentions and entrepreneurial career choice behavior among university students. *Journal of Business and Economics* 6(1): 179-186.

Nor Fauziana Mohd Salleh dan Mohd Faizal Abd Rahman (2013). Tahap kecenderungan minat pelajar Kolej Komuniti bentong untuk menjadi usahawan.

Ooi, Y. K. & Ahmad, S. (2013). A study among university students in business start-ups in Malaysia: Motivations and obstacles to become entrepreneurs. *Terengganu International Management and Business Journal*, 3(1), 1-11.

CABARAN DAN TAHAP KESEDIAAN PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI JELI UNTUK MENJALANKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT) SEMASA PANDEMIK COVID-19

Roslina Binti Mohd Noor, Rodiah Binti Ismail & Nurul Hasni Binti Mohamed Apandi
Kolej Komuniti Jeli

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau cabaran dan tahap kesediaan pensyarah terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) semasa Pandemik Covid 19. Sampel kajian terdiri daripada 22 orang pensyarah yang mengajar di Kolej Komuniti Jeli. Data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Instrumen ini mengandungi 3 bahagian iaitu: (i) Maklumat bidang pensyarah, (ii) Maklumat akses bagi melaksanakan PdP atas talian, (iii) Pandangan tentang implikasi pelaksanaan PdP atas talian terhadap pensyarah. Hasil kajian mendapati kesedaran responden terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) sangat baik ini kerana mereka perlu menyesuaikan diri untuk menjalankan PdP secara dalam talian semasa Pandemik Covid -19. Hasil kajian juga mendapati penerimaan responden terhadap penggunaan pembelajaran dalam talian adalah tinggi kerana majoriti responden memahami keseluruhan konsep dan tanggungjawab yang harus dimainkan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci : Cabaran, Tahap Kesediaan Pensyarah , Proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) ,Pandemik Covid-19

1.0 PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 pada tahap pandemik sejak 12 Mac lalu berikutan penularannya menjangkau ratusan ribu pesakit di serata dunia dengan angka kematian melebihi 12,000.

Wabak yang mudah tersebar melalui batuk dan bersin serta sentuhan pada permukaan dicemari virus itu mula mendapat perhatian dunia apabila berlaku peningkatan kematian mendadak di Wuhan, China sekitar Disember tahun lalu.

Disebabkan COVID-19 mengambil masa antara 2 hingga 14 hari untuk menunjukkan simptom pada pesakit positif, keadaan ini menyukarkan kerja untuk menyekat penularan wabak ke serata dunia melalui interaksi antara pesakit dengan ahli keluarga dan komuniti terdekatnya.

Pengisytiharan pandemik oleh WHO disambut inisiatif pencegahan yang lebih agresif daripada pelbagai pihak. Malaysia mengambil langkah drastik dengan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dibuat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang turut mengandungi arahan penutupan pelbagai institusi pendidikan.

Sebelum pengumuman ini dibuat, terdapat beberapa institusi pendidikan yang mengambil langkah proaktif mengumumkan amalan kuliah terhad, membatalkan kuliah bersemuka dan menggalakkan penggunaan teknologi dalam pengajaran serta pembelajaran sebagai medium perantara.

Trend penggunaan teknologi dalam situasi ini dilihat sebagai langkah wajar bagi mengurangkan risiko penyebaran wabak itu dalam kalangan warga institusi pendidikan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan.

Garis panduan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) telah dirangka berdasarkan kepada perkembangan terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hebahan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 13 Mac 2020 berhubung dengan penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan garis panduan PdP ini berkuatkuasa mulai 16 Mac 2020 hingga 29 Mac 2020 di semua Politeknik dan Kolej Komuniti bagi Sesi Pengajian Disember 2019. Semua aktiviti PdP perlu dijalankan secara dalam talian.

Pada 2 Oktober 2020, berdasarkan kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi, semua IPT di seluruh Malaysia perlu menangguhkan pendaftaran secara bersemuka/fizikal pelajar-pelajar baru dan lama berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, Arahan ini juga secara tidak langsung menjejaskan proses PdP Sesi Jun 2020 yang telah berjalan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Kolej Komuniti Jeli juga telah mengeluarkan siaran dalaman bertarikh 2 Oktober 2020 yang membatalkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Walaubagaimanapun, proses PdP masih dilaksanakan secara dalam talian mengikut jadual waktu yang ditetapkan mengikut kesesuaian kursus.

Kebanyakan universiti tempatan baik awam mahupun swasta di Malaysia tiada pilihan lain dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan.

Dalam pada keghairahan pendidik berhijrah daripada aktiviti kuliah bersemuka ke dalam bentuk digital atas talian, terdapat beberapa perkara perlu dititikberatkan bagi memastikan kualiti pembelajaran dapat disampaikan dengan sebaik-baiknya. Perkara pertama perlu diteliti adalah dari segi kesediaan teknologi dan kesediaan pendidik dalam menggunakan teknologi berkenaan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Rossafri dan Shabariah (2011), kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium maya ini dapat meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar. Berdasarkan kajian tersebut, sepatutnya tidak wujud masalah yang besar kepada pelajar dari segi kemahiran untuk menggunakan platform pembelajaran maya ini. Internet kini telah menjadi kaedah yang paling mudah dan digemari oleh golongan pelajar dan pensyarah untuk digunakan bagi menyampaikan ilmu dan mencari pelbagai maklumat berkaitan pendidikan khususnya tentang pembelajaran seperti mencari nota-nota rujukan tambahan, soalan-soalan tahun lepas, berkongsi pandangan dan bertanya pendapat tentang sesuatu tugas ataupun latihan menerusi ruangan sosial di Internet (Arthur & Brafı 2013).

2.0 KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia, e-pembelajaran telah memainkan peranan dalam sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi, dan kini ia mula diperkenal kepada bidang pendidikan di

peringkat menengah dan rendah. Menurut Asirvatham et al. (2005), Universiti Malaya menjadi pelopor universiti tempatan di Malaysia yang mula menggunakan system pengurusan pembelajaran dalam kursus di atas talian pada tahun 1998.

Berikutan dengan penularan wabak koronavirus (Covid19) di negara kita kini, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menyarankan agar pendidikan yang berteraskan e-pembelajaran dilakukan bagi melaksanakan sistem PDP di Politeknik dan Kolej Komuniti terutamanya. Menurut Irwan Shah Mohd Ghani (2013), proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah melibatkan pelajar secara aktif dalam memperolehi pengetahuan, kemahiran saintifik serta nilai murni (*Curriculum Specifications Physics Form 4*, 2004). Sokongan pedagogi dan teknikal yang mantap dengan tersedianya jaringan komunikasi yang kukuh dapat membantu proses pengajaran guru dan pembelajaran pelajar dengan berkesan (Liu et al., 2010). Penggunaan teknologi secara teratur dan sistematik digabungkan dengan kepelbagaian strategi pengajaran dapat meningkatkan potensi pembelajaran pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu melahirkan insan yang sempurna (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Perkembangan ini telah mengubah paradigma cara PdP dan merupakan satu cabaran kepada guru dan pelajar di abad ke-21 dalam pemerolehan dan aplikasi pengetahuan secara kreatif dan inovatif dalam kehidupan seharian dan persekitaran teknologi (Naismith, Lonsdale, Varoula & Sharples, 2004). Pada zaman digital dan globalisasi ini, perkembangan ICT menuntut agar perubahan dibuat ke atas kaedah mengajar dan belajar. Perkembangan terkini menyaksikan ICT menjadi alat pemangkin utama untuk menyebarkan dan menyimpan maklumat dan seterusnya membantu pelajar membina pengetahuan baru (Lechner & Boli, 2000). Teori e-pembelajaran berpendapat bahawa pembelajaran boleh dilakukan dalam dua cara iaitu dalam ruang kerja peribadi dan ruang kerja kolaboratif (Zakaria & Aida, 2005) yang memerlukan pelajar bertukar maklumat secara sinkroni atau asinkroni dalam *global village* yang dibina oleh laman-laman sesawang (web) sehingga membolehkan sesiapa sahaja dihubungkan (Spatariu, Hartley & Bendixen, 2004). Ini kerana media elektronik menyediakan persekitaran pembelajaran berdasarkan prinsip ketepatan masa dengan kompetensi kepada sesiapa sahaja, di mana-mana dan pada bila-bila masa (Karaoulis, 2004). Salah satu pelaksanaan e-pembelajaran adalah menerusi pembelajaran secara atas talian. Namun demikian, pembelajaran secara atas talian bukan sahaja berkonsepkan penghantaran nota kuliah kepada pelajar ataupun penghantaran hasil tugas kepada pensyarah melalui e-mel, tetapi, pengisian web tersebut mestilah mengandungi ruangan forum yang dapat memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk berkomunikasi, menyediakan maklumat yang teratur dan tepat seperti nota kuliah, tutorial dan senarai projek yang hendak dilaksanakan (Merillat & Holvoet, 2008).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti masalah yang dihadapi ketika melaksanakan PdP atas talian bagi subjek berasaskan teori & teknikal
2. Mengenalpasti medium yang lebih efektif bagi melaksanakan PdP atas talian
3. Mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah terhadap pengajaran atas talian

4.0 METODOLOGI

4.1 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik (*google form*) untuk mencapai objektif kajian ini. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana bilangan

sampel responden yang diambil dapat mewakili keseluruhan populasi yang hendak dikaji iaitu pensyarah Kolej Komuniti Jeli.

4.2 Persampelan

Responden dalam kajian ini adalah pensyarah Kolej Komuniti Jeli. Jumlah keseluruhan pensyarah adalah seramai 22 orang. Sampel responden dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

4.3 Instrumen Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Instrumen kuantitatif ini adalah menggunakan set borang soal selidik terpiawai (*google form*) yang dibangunkan pengkaji. Instrumen ini mengandungi bahagian 3 bahagian iaitu: (i) Maklumat bidang pensyarah, (ii) Maklumat akses bagi melaksanakan PdP atas talian, (iii) Pandangan tentang implikasi pelaksanaan PdP atas talian terhadap pensyarah.

4.4 Prosedur Memungut Data


Taklimat ringkas diberikan terlebih dahulu sebelum pensyarah menjawab set soalan. Set borang selidik (*google form*) diedarkan kepada pensyarah melalui capaian pada *google drive* dan di edarkan melalui telegram rasmi Kolej Komuniti Jeli. Setelah selesai menjawab, segala maklumat berkaitan dengan kajian ini akan dikumpulkan dalam capaian *google form* ini untuk di analisa kemudian oleh pengkaji.

4.5 Prosedur Menganalisis Data

Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian Microsoft Excel.

5.0 ANALISIS DAPATAN


5.1 Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Atas Talian Di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Jeli



Rajah 1: Penggunaan Aplikasi Dalam Talian

Rajah 1 menunjukkan semua responden telah menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian bagi menggantikan aktiviti PdP secara bersemuka. Ia melibatkan pensyarah Bidang Pastri, Bidang Fesyen & Pakaian dan Bidang Pengajian Am.


5.2 Masalah Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT)



Rajah 2 : Masalah Semasa PdPDT

Berdasarkan kepada jawapan responden di Rajah 2, sebanyak 90.9% menyatakan akses internet yang terhad mengganggu proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT).


6.3 Pemilihan Data Internet



Rajah 3 : Penggunaan Data Internet

Rajah 3 menunjukkan penggunaan data yang digunakan oleh responden. 45.5 peratus menyatakan mereka menggunakan wifi dan data mudah alih semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT).


5.4 Tahap Capaian Internet



Rajah 4 : Tahap Capaian Internet

Rajah 4 menunjukkan tahap capaian internet di kalangan responden. Sebanyak 54.5 peratus menyatakan tahap capaian internet adalah biasa, ada ketikanya baik dan ada ketikanya tidak.


5.5 Aplikasi Pembelajaran Yang Menjadi Pilihan



Rajah 5 : Medium Pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah

Rajah 5 menunjukkan aplikasi pembelajaran yang sering digunakan oleh responden semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT). Google Meet dan Telegram menjadi pilihan utama responden seterusnya WhatsApp, Google Classroom dan Microsoft Team.

5.6 Kesesuaian Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) Bagi Subjek Teknikal



Rajah 6 : Pendapat tentang kesesuaian PdP secara dalam talian untuk subjek teknikal

Rajah 6 menunjukkan sebanyak 90.9 peratus responden menyatakan bahawa Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) tidak sesuai untuk subjek teknikal.

5.7 Proses Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran



Rajah 7: Kecenderungan Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Pensyarah

Rajah 7 menunjukkan 95.5 peratus responden memilih dan cenderung kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan secara bersemuka berbanding dalam talian.

6.0 PERBINCANGAN

Kajian mendapati (Rujuk Rajah 1) semua pensyarah Kolej Komuniti Jeli telah menggunakan platform pembelajaran dalam talian sebagai medium dalam menyampaikan PdP masing-masing. Namun terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi (Rujuk Rajah 2) untuk melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) iaitu terdapat 14 responden yang menyatakan mereka kurang mahir menggunakan aplikasi PdP dalam talian. Akses internet yang terhad dan kemudahan wi-fi kolej yang sering mengalami gangguan. Ini memaksa pensyarah untuk menggunakan data mudah alih peribadi (Rujuk Rajah 3) untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima aplikasi yang sering diguna semasa Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) (Rujuk Rajah 5) iaitu Telegram, Whatsapp, Google Meet, Google Classroom Dan Microsoft Team. Aplikasi Google Meet menjadi pilihan pensyarah kerana mudah diakses dan mudah digunakan. Dalam hal ini, pelajar dapat berkomunikasi dengan pensyarah dengan lebih berkesan kerana Google Meet tidak mempunyai had masa seperti aplikasi Zoom yang mempunyai had masa dan ini akan mengganggu proses pembelajaran. Responden cenderung memilih kelima-lima aplikasi ini juga kerana ia mesra pengguna, mempunyai fungsi yang pelbagai dan lebih mudah untuk menyampaikan arahan kepada pelajar kerana tidak memerlukan data internet yang besar. Pensyarah juga perlu menggunakan pelbagai platform untuk memudahkan pelajar mengakses maklumat pembelajaran bersesuaian dengan capaian data internet masing-masing demi memastikan ia dapat disampaikan secara menyeluruh.

Kajian mendapati responden menyatakan bahawa Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) tidak sesuai dan tidak praktikal untuk subjek teknikal (Rujuk Rajah 6) kerana pelajar menghadapi batasan dalam menggunakan peralatan di bengkel. Tidak semua pelajar mempunyai peralatan kelengkapan sendiri. Kaedah pembelajaran bersemuka lebih memberi kepuasan jelas dan mudah difahami kerana dapat berinteraksi dengan pelajar berbanding melalui secara dalam talian. Subjek teknikal memerlukan kepada penilaian secara bersemuka untuk menguji tahap penguasaan pelajar dalam sesuatu topik. Ia juga tidak mencapai matlamat untuk memantapkan kemahiran kepada pelajar yang mana ia perkara paling penting bagi kursus teknikal.

Mengenai penerimaan pensyarah terhadap pembelajaran secara dalam talian pula (Rujuk Rajah 7), 95 peratus sangat bersetuju pembelajaran secara bersemuka adalah lebih baik. Pensyarah menyatakan agak sukar berkomunikasi dengan pelajar secara dalam talian. Komunikasi antara pelajar dengan pensyarah sukar dilaksanakan apabila talian internet bermasalah. Pihak pensyarah juga sukar untuk membuat penilaian kepada pelajar yang tidak mempunyai akses internet yang baik.

7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian seperti ini, ia akan memberi kesan yang lebih baik kepada pelajar dan juga pensyarah bagi memastikan Standard Pematuhan Operasi (SOP) dan Garis Panduan ketika pelaksanaan PdP di dalam kelas dapat diamalkan semasa Pandemik Covid-19. Selain itu, ia juga merupakan satu platform yang terbaik mengakses maklumat pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran pensyarah Kolej Komuniti Jeli terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) sangat baik. Ini kerana mereka perlu menyesuaikan diri dan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian semasa Pandemik Covid-19.

Kesimpulannya, dapatan keseluruhan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pensyarah Kolej Komuniti Jeli sudah mempunyai kesedaran yang tinggi dan tahap kesediaan yang positif terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Namun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu diberi perhatian antaranya, pihak institusi perlu memperbanyakkan lagi kursus berkaitan pembelajaran atas talian kepada pensyarah bagi meningkatkan keyakinan pensyarah dalam melaksanakan proses PdP. Pensyarah perlu lebih terlatih dalam penggunaan aplikasi pembelajaran atas talian dan melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran. Kreativiti pensyarah sangat penting dalam proses PdPDT. Pihak institusi juga perlu mempertingkatkan kemudahan capaian internet untuk kemudahan pembelajaran online. Sekiranya Pandemik Covid-19 ini berlarutan untuk tempoh yang panjang, pihak yang terlibat perlu menambahbaik sistem pengajaran terutama subjek praktikal/teknikal bagi menghasilkan sistem pengajaran dan pembelajaran lebih bersistem dan telus. Ini kerana, tidak semua kursus yang ditawarkan di IPT boleh disampaikan hanya dengan menggunakan medium dalam talian semata-mata. Pembelajaran maya adalah solusi terbaik untuk menghadapi kebiasaan baharu yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia. Kini adalah masanya untuk mengubah corak pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan sebelum ini kepada sesuatu yang lebih fleksi dengan berani mencuba pelbagai aplikasi/teknologi semasa dan seterusnya hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh pelajar.

RUJUKAN

- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Atan,(2007). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. Dimuat turun daripada : https://www.researchgate.net/publication/277869566_Tahap_Kesediaan_Guru_Sains_Dalam_Penggunaan_Teknologi_Maklumat_Berasaskan_Komputer_Dalam_Proses_Pengajaran_Dan_Pembelajaran
- Rubiah Omar & Jamilah Hj. Ahmad,(2009). Kesedaran, Penilaian Dan Penerimaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009): 155 – 172. Dimuat turun daripada : <http://journalarticle.ukm.my/215/>
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak,(2020). Isu Dan Cabaran Penggunaan MOOC Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 10(1), 77-94. Dimuat turun daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JRPPTTE/article/view/3474>
- Nor Fauziana Mohd Salleh,(2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia. Dimuat turun daripada :<https://www.researchgate.net/publication/342886967>
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan, Ch'ng Pei Eng,(2020). Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19. Dimuat turun daripada :<http://appspenang.uitm.edu.my/bulletin>
- Hasnah Hussiin.(2020, September 2). Kesan Covid-19 Kepada Pelajar UMP: Satu Kajian

e-Prosiding Kertas Penyelidikan – The 1st Conference of Research, Innovation & Community 2020
Ringkas. Dimuat turun daripada : <http://news.ump.edu.my/experts/kesan-covid-19-kepada-pelajar-ump-satu-kajian-ringkas>

Mohd Hafiz Md Hanif.(2020,23 Mac). COVID-19: Pastikan Pensyarah Tak Abai Pelajar.Dimuat turun daripada:
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/668325/covid-19-pastikan-pensyarah-tak-abai-pelajar>

Mohamad Idham Md Razak.(2020, April 9). Dimuat turun daripada :
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>

Kenyataan Media KPT. (2020,2 Oktober) . Dimuat turun daripada :
<https://www.mohe.gov.my/en/media-mohe/press-statement/1376-penangguhan-pendaftaran-secara-fizikal-bersemuka-pelajar-ipt-kemasukan-oktober-2020>

SOLAR FERTILIZER SPRAYER MACHINE

Mohamad Sharidan B. Mohamad Shariff
Seberang Perai Polytechnic

ABSTRACT

Based on observations that have been observed through farmers in certain areas, ideas and creativity were created to produce Solar Machines that spray paddy fertilizer with new varieties that use the solar system. There are several problems identified regarding the available paddy fertilizer spraying machines. One of the problems is emitting a lot of smoke or excess while the machine is operating. Therefore, this machine was created to produce an environment friendly paddy fertilizer sprayer. The three main parameters in the project objectives that form the basis of the design of these solar fertilizer spraying machines are to produce environment friendly fertilizer sprayers, produce fertilizer sprayers that do not require fuel costs and produce fertilizer sprayers that reduce maintenance cost rates. This approach has been successfully tested and implemented by recording and scheduling the period of fertilizer produced according to a specific time as well as the level of solar effectiveness of this project. After completing this project, the objectives of this project were also achieved by producing a machine that works using sunlight.

Keywords: fertilizer sprayer, solar

1. INTRODUCTION

In the current era of globalization, the agricultural sector is a synonymous occupation among Malaysians. Agriculture is a fundamental pillar of human life both in terms of food resources, finance and economy. The slogan “agriculture is business” is indeed true. The situation that allows agricultural activities to become a business can occur when the production of agricultural products by farmers or traders has not only exceeded the subsistence needs, but has also been able to benefit its entrepreneurs. Therefore, this project will further enhance the technology for new advances in the future. This machine uses the concept of solar panels. With the use of these solar panel tools, it can show the effectiveness to solve the problems faced by farmers

The absence of a potentially efficient machine for the paddy fertilizer spraying process can be identified as the background of the problems faced by farmers. Among the causes of problems with existing machines are, existing machines do not follow the procedure on the greenhouse effect. Next is the cost of fuel consumption on existing machines is high. And the last is about the cost of maintaining the existing machine is high.

Based on some observations made through working farmers, there are some problems identified regarding the existing rice fertilizer spraying machines. Among them are releasing or generating a lot of smoke or excess while the machine is operating. Next, the costs a lot because every time an existing machine operates it requires a lot of fuel or oil consumption and relies entirely on fuel. And it also requires expensive spare parts and takes a long time to maintain.

No.	Description	Specification
1	Name	Solar Fertilizer Sprayer Machine
2	Mechanism	Conveyor, blower , solar system receiver
3	Target customer	The farmers and the paddy entrepreneur
4	Separating process	Blower
5	Material	Stainless steel for the project frame, a piece of wooden plate for stick the panel solar at the frame
6	Solar	Only works when performing proper wiring connected to solar panels and in the presence of sunlight
7	Cost	Appropriately RM 570

Table 1 : Specification of machine


2. METHODOLOGY

The first process done to produce this project is by measuring the material and marking the material. This process is the first step done before the steel is cut before move to the next process. Measuring tape and pencils are used in this process to measure the materials for making the frame at the back, bottom and top of the project


Next, is the cutting process. this process is done after completing the measurement and marking process. Steel measuring 6 feet is cut according to the length that has been measured to make the frame of the project. And also cutting the steel plate at about 4x8 feet to make the bottom of the frame project.

After the cutting process had be done, use a grinding machine when there is hollow steel as well as excess steel that is not needed. The grinding process is also done when there are traces of rust on the steel and also on the steel plate to be removed.


The welding process is done after the grinding process is done accurately. This welding process is intended to join the steel between the steel to make a machine frame. MIG is the process used in this welding process.



Technical Drawing



Isometric Drawing



The solar Fertilizer Sprayer Machine

The user manual of the project are as follows:

- Open the barrel and put water + fertilizer in the barrel
- Close the lid properly and make sure the solar socket is removed before use
- Connect the pipe to the mist blower and the socket is connected to the pump
- Press switch on blower then press switch on pump at the left side barrel
- Finally the machine can operate and start the fertilizing activities
- After use, remove the socket blower and pipe
- Insert the solar controller socket into the pump for charging

List of Material

i) Blower machine



Jadual 3.2 Spesifikasi Mesin Penyembur Kuasa 12V

Max speed	75 m/s
Weight	1.1 kg
No-Load Speed	17 000 rpm

Jadual 3.3 Spesifikasi Panel

Solar Maximum Pmax	50W
Maximum Power Point Voltage(Vmp)	18.8V
Maximum Power Point Current(Imp)	2.66A

ii) Solar Panel



Open Current Voltage(Voc) 22.8V
 Short Circuit Current(Isc) 2.84A
 Weight 3.3Kg

iii) Battery

Jadual 3.4 Spesifikasi 12V
 Bateri Voltage
 Norminal capacity 9AH



iv) Tank




3. RESULT

To measure the spray time for the newly created Solar Spray Machine, the time limit is set at 30 minutes. The time taken is based on the time taken for the machine to remove all the fertilizer found in the machine storage tank. After running this test, this has been recorded in 5 litre, 15 litre and 16 litre of fertilizer in the tank. In terms of recording time it is proven that this solar machine fertilizer sprayer can produce fertilizer at a slightly faster rate compared to existing manual machines. The time taken for this machine to produce 5 litre of fertilizer is for 4 minutes. Then we try at the 15 litre fertilizer the time taken is about 9.42 minutes and the maximum fertilizer that can be filled in the tank is about 15 litre and the taken that record is about 14.15 minutes.

Litre	Time (minutes)
5 Liter	4.45 minit
10 Liter	9.42 minit
16 Liter	14.15 minit

Movement Angle



Body movement is around 70-90°. Blower can turn about 180 to 360°.

- Distance grip length (maximum working limit) – in 5th percentile female is 450mm
- Distance grip length (maximum working limit) – in 95 percentile male is 490mm
- Need to bear the weight (maximum weight) – 8Kg in 5th percentile of female
- Need to bear the weight (maximum weight) – 12kg in 95 percentile of male
- Had beban (N)/baja (litre) yang diperlukan:
- Minimum (10Kg + 12Kg) x 9.81N/10 litre = 215.82N/10 litre
- Maximum (16Kg + 12Kg) x 9.81N/16litre = 274.68/16 litre

Voltage usage

Bateri spayer:

Powered by 12V8AH – 12V12AH.

Can operate continuously for up to 6 hours and spray 400-480kg liquid after one fully charge.

Fully charging consumes only 0.3kwh.

Input AC100-240V 50/60Hz, Output DC12V-2A

Solar controller:

Jadual 4.4 solar controller Batt voltage		12V / 24V auto adapt	
Charge current	10A	20A	30A
Discharge current	10A	10A	10A
Max Solar Input		12V system < 25V / 24V system < 50V	
Equalization	B01 sealed	B02 Gel	B03
14.4V	14.2V	14.6V	
Float		13.7V (defaults, adjustable range 12.7-15V)	
Discharge stop		10.7V (defaults, adjustable range 9-11.3V)	
Discharge reconnect		12.6V (defaults, adjustable range 11.5-13V)	
Standby current		< 10Ma	
USB output		5V / 1.2A Max	
Operating Temperature		-35°C to 60°C	
Size / weight		133x70x35mm / 132g	

Solar Panel

Solar panel:

Rajah 4.5 solar panel STC	1000W/m ² , AM1.5 spectrum, Cell temperature 25°C
Peak power (P _{max})	20W
Voltage (V _{mp})	18V
Current (I _{mp})	1.11A
Open Circuit Voltage (VOC)	21.6V
Short Circuit Current (Isc)	1.23A

4. DISCUSSION

During this period of observation and testing has been able to successfully achieve all the objectives of the project because it was found that this solar fertilizer spraying machine does not require any fuel expense costs because this machine does not use fuel such as petrol to run the machine. This solar fertilizer sprayer is an environmentally friendly machine because it only operates using solar by generating solar power.

5. CONCLUSION

Once this project is successfully completed there are several factors that need to be addressed with the recommendations made. Although this project is complete and able to operate successfully there are also problems that need to be taken into account in this project. Among the suggestions for this problem to be improved is by changing the type of steel and the design in a more robust way to stabilize the entire frame and pump. Because the liner frame for the pump barrel is unstable. Next is making a pipe to cover a wire, for the wire from the solar panel to the pump. So that electric shocks do not occur easily.

This project has been successfully completed by being able to function fully as previously planned. The new thing learned during the implementation period as well as the making of this project is to learn about solar panel systems. This to some extent gives us new knowledge of how an object uses solar as a substitute for other modes of operation with only the use of sunlight to turn on a machine or charge an appliance without using any electric current from the charger plug.

REFERENCES

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Padi>

"Adat Persawahan Di Negeri Kedah". Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2002. Dicapai i pada August 17, 2011

We're in need of a padi cure. The Star. Capaian 30 Mac 2012.

Shopee <https://shopee.com.my/KASEI-3F30-3F-30-MIST-DUSTER-Mesin-Tabur-Padi-i.51601289.117800073>

Alibaba <https://indonesian.alibaba.com/product-detail/india-popular-rice-seed-drill-transplanter-rice-sower-machine-62377308569.html?spm=a2700.galleryofferlist.0.0.5fe9234fPZMeba>

Alibaba <https://indonesian.alibaba.com/product-detail/acme-planting-tool-manual-rice-vegetable-seed-sower-machine-60745792402.html?spm=a2700.galleryofferlist.0.0.5fe9234fPZMeba>

<https://revotech.my/7-sebab-mengapa-anda-patut-menggunakan-tenaga-solar/>

<https://myagri.com.my/2017/10/tenaga-solar/>

https://www.google.com/search?q=sistem+panel+solar&rlz=1C1GGRV_enMY783MY783&sxsrf=ALeKk00TLeH7u7Phe7Jg4T_yt7FanOLjA:1587114179951&source=lnms&tbm=isch&sa=X&ved=2ahUKEwiexKeHje_oAhVSbSsKHT9tB4oQ_AUoAXoECA8QAw&biw=1366&bih=625#imgrc=tHRQgLpdxYiYgM

Earth Bondhon(7 Ogos 2019). Solar panel system step by step. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=ailIMRL2VL4>. (Accessed 7 Ogos 2019).

Mike Simon(11 Julai 2018). Basic Renogy 100W Solar Panel setup. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=9684-430nVM> (Accessed 11 Julai 2018)

Aurous <https://www.lelong.com.my/blower-malaysia/>

KERJASAMA PIHAK INDUSTRI TERHADAP PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI KOLEJ KOMUNITI JELI

Ahmad Muizzuddin Bin Mohamed & Aminuddin Afzan Bin Azhar
Kolej Komuniti Jeli

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai tahap kerjasama pihak industri terhadap penempatan pelajar latihan industri bagi pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Pastri Kolej Komuniti Jeli. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 84 pelajar yang telah menjalani latihan industri pada sesi November 2018. Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan secara kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil analisis ditunjukkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan skor min. Berdasarkan kajian yang dibuat, pihak industri telah memberi keyakinan penuh kepada para pelajar (skor min=3.61). Tahap layanan yang diterima oleh pelajar pula menunjukkan berada pada tahap yang sederhana (skor min=3.44). Dari segi tahap pendedahan, para pelajar yang menjalani latihan industri meletakkannya pada tahap sederhana (skor min=3.16). Oleh itu, diharapkan langkah sewajarnya dapat diambil bagi meningkatkan lagi tahap kerjasama diantara kedua-dua pihak ini, supaya isu penganguran dapat dikurangkan.

Kata Kunci: Latihan Industri, Sijil Kolej Komuniti, Sains Sosial Dan Pengurusan

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan Malaysia yang membangun ke arah negara maju telah menyebabkan kerajaan menggariskan beberapa penekanan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), antaranya; Penyediaan asas sumber manusia yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan menghadapi persaingan global. Usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga buruh, meningkatkan keupayaan dan inisiatif pengurusan serta memajukan pengetahuan saintifik dan teknologi; Peranan kerajaan diteruskan melalui institusi pendidikan dan latihan kemahiran, menaikkan taraf industri tersebut dan menyusun semula agar bersesuaian dengan keperluan industri. Sistem pendidikan khususnya pendidikan tinggi juga disusun dan kemasukan pelajar dalam bidang kejuruteraan dan sains dipertingkatkan.

Terdapat banyak institusi yang menyediakan latihan untuk memenuhi sektor pekerjaan. Antaranya adalah Kolej Komuniti yang merupakan salah satu Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Ia bertanggungjawab untuk melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan untuk menjadi tenaga mahir dan separuh mahir khususnya dalam bidang kejuruteraan dan sosial untuk diserapkan ke dalam sektor perindustrian dan swasta. Kolej Komuniti mempunyai visinya yang tersendiri iaitu berazam untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Oleh kerana kerjasama diantara pihak industri dengan pihak akademia khususnya dari segi pengambilan pelajar latihan industri adalah begitu penting dalam memastikan kurangnya masalah penganguran di negara kita. Maka kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk

mengetahui dimanakah tahap kerjasama pihak industri dan pihak akademik khususnya Kolej Komuniti Jeli pada masa sekarang.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan, di sini penyelidik menyenaraikan objektif kajian untuk dikaji. Objektif kajian ini adalah untuk:

1.3.1 Mengetahui tahap kerjasama pihak industri terhadap pelajar yang menjalani latihan industri dari aspek keyakinan, layanan dan pendedahan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Latihan ini dapat mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar, mempertingkatkan pengetahuan pelajar-pelajar dengan industri-industri atau organisasi-organisasi yang diminati, dan memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan tugas sebenar dalam suasana yang lebih mencabar. Selain daripada itu, latihan industri yang dilaksanakan di Kolej Komuniti juga memainkan peranan yang penting dalam mendekati pelajar dengan dunia pekerjaan yang sebenar. Latihan industri untuk pelajar mempunyai beberapa kelebihan seperti (Ramlee, 2003):

- i. Pelajar belajar dalam suasana alam pekerjaan yang sebenar
- ii. Mendapat bimbingan daripada pekerja yang lain yang lebih berpengalaman
- iii. Belajar cara menyelesaikan masalah teknikal yang sebenar dan bukannya hipotetikal seperti yang biasanya berlaku di dalam kelas.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar didedahkan kepada suasana yang sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal (Billett, 1993). Menggunakan pendekatan ini, pelajar digalakkan berfikir secara kritis, mengemukakan soalan yang berbentuk inkuiri, dan belajar melalui pengalaman melakukan sesuatu aktiviti. Konstruktivisme juga mengalakkan pembelajaran dalam konteks dan suasana yang sesuai. Oleh itu, pendedahan kepada bentuk pekerjaan yang sebenar di industri melalui latihan industri adalah bersesuaian dengan teori konstruktivisme ini (Ramlee, 2003). Latihan industri juga menggunakan pelbagai nama lain antaranya (Yahya, 2005):

- i. On the job training
- ii. Occupational work experience
- iii. Supervised occupational experience
- iv. Apprenticeship
- v. Enterprise-based
- vi. Stimulation of training
- vii. Tech prep

3.0 METODOLOGI

3.1 Skop Kajian

Skop bagi kajian ini adalah kerjasama yang diberikan oleh pihak industri dalam penempatan pelajar latihan industri. Kajian juga meninjau layanan pihak industri terhadap pelajar yang menjalani latihan industri. Keupayaan industri dikenal pasti melalui adakah industri tersebut boleh memberi latihan atau menyediakan tempat untuk pelajar menjalani latihan serta mempunyai teknologi untuk dipelajari.

3.2 Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah daripada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jeli, Kelantan. Mereka terdiri daripada pelajar yang mengambil Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Pastrri dan telah menjalani latihan industri pada sesi November 2018. Seramai 95 orang pelajar telah terlibat di dalam kajian ini.

3.3 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan soal selidik untuk mengumpul data dan maklumat kajian ini. Set soal selidik digunakan kerana menurut Wiersma (1995) lebih banyak data dapat diperolehi daripada responden dalam jangka masa yang singkat. Jawapan yang diperolehi juga lebih konsisten apabila dibandingkan dengan pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian. Dalam kajian ini, pembinaan item-item adalah berpandukan kepada persoalan kajian yang telah ditetapkan. Format item yang digunakan adalah item berbentuk skala Likert.

Terdapat dua puluh empat (24) item di dalam borang soal selidik ini. Item-item ini dikelaskan kepada beberapa kumpulan. Kumpulan 1 menumpukan kepada aspek keyakinan yang mengandungi lapan (8) item. Kumpulan 2 menumpukan kepada aspek layanan yang mengandungi tujuh (7) item. Kumpulan 3 menumpukan kepada aspek pendedahan yang mengandungi lapan (8) item.

4.0 PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Dalam kajian ini, sebanyak 95 set borang soal selidik telah dihantar kepada pelajar lepasan Latihan Industri sesi November 2018 iaitu kelas SPT 5A, SPT5B, SFP5A dan SFP5B. Pelajar diberikan masa selama seminggu untuk mengisi borang soal selidik.

Analisis dilakukan dengan menggunakan kaedah skor min dan hasil dapatan akan dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mudah difahami. Daripada 95 set yang diedarkan kepada pelajar hanya 84 set yang berjaya dikembalikan. Ini kerana terdapat pelajar yang tidak memulangkan kembali borang soal selidik mereka.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan Kajian 1: Dimanakah tahap keyakinan pihak industri kepada pelajar yang menjalani latihan industri?

Jadual 1.0: Skor min dan sisihan piawai bagi tahap keyakinan pihak industri.

BIL.	ITEM	SKOR MIN	SISIHAN	BIL. ITEM
1	Latihan industri menyakinkan pelajar apabila menghadapi pekerjaan	4.23	0.775	Tinggi
2	Latihan industri memudahkan saya membuat perkaitan antara teori dan praktikal	4.25	0.720	Tinggi
3	Latihan industri memberi pendedahan awal tentang situasi tempat kerja yang sebenar	4.42	0.659	Tinggi
4	Pihak organisasi membenarkan pelajar bekerja bersama dengan pekerja mahir	3.99	0.897	Tinggi
5	Pihak organisasi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan	3.99	0.843	Tinggi
6	Organisasi mampu memberikan kemahiran baru kepada pelajar	4.03	0.871	Tinggi
7	Syarikat telah berusaha sebaik mungkin untuk mendedahkan pelajar kepada bidang kerja yang sesuai	3.56	1.067	Sederhana
8	Penvelia di organisasi telah diberikan garis panduan yang jelas untuk menilai pelajar	3.59	1.006	Sederhana
PURATA		3.61	0.9375	Tinggi

Jadual 1.0 di atas menunjukkan analisis min setiap item dan min keseluruhan bagi mengetahui tahap keyakinan yang ditunjukkan oleh pihak industri. Dari analisis yang dibuat menunjukkan min keseluruhannya adalah 3.61 dengan sisihan piawai 0.9375 yang memberikan tahap yang tinggi. Min yang tertinggi adalah dari item Latihan industri memberi pendedahan awal tentang situasi tempat kerja yang sebenar (min = 4.30, sp = 0.470) dan min yang paling rendah ialah pada item Penyelia di organisasi telah diberikan garis panduan yang jelas untuk menilai pelajar (min = 2.80, sp = 1.005). Jelaslah bahawa dari analisis menunjukkan tahap keyakinan pihak industri kepada pelajar Kolej Komuniti Jeli adalah berada pada tahap tinggi. Individu yang mempunyai keyakinan mampu menjayakan apa yang dirancang dan dapat melakukannya sebaik mungkin. Keyakinan ini dapat membantu kedua-dua pihak dalam melancarkan program latihan industri.

Persoalan Kajian 2: Dimanakah tahap layanan pihak industri terhadap pelajar yang menjalani latihan industri.

Jadual 2.0: Skor min dan sisihan piawai untuk tahap layanan pihak industry

BIL.	ITEM	SKOR MIN	SISIHAN	BIL. ITEM
1	Pelajar mendapat bimbingan daripada tenaga kerja mahir	3.60	0.821	Tinggi
2	Pelajar diberi peluang melibatkan diri secara berkesan dalam kumpulan kerja	3.20	1.005	Sederhana
3	Pelajar dibenarkan menyumbang idea dalam kumpulan kerja	2.85	1.089	Sederhana
4	Semasa menjalani latihan industri pelajar diberikan tugas yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran	2.85	1.348	Sederhana
5	Mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan di dalam industri	3.90	0.912	Tinggi
6	Menanam semangat kerja berpasukan	3.70	1.081	Tinggi
7	Menggalakkan perhubungan baik sesama pekerja	3.95	0.945	Tinggi
PURATA		3.44	1.029	Sederhana

Jadual 2.0 di atas menunjukkan analisis min setiap item dan min keseluruhan bagi mengetahui tahap layanan yang ditunjukkan oleh pihak industri. Dari analisis yang dibuat menunjukkan min keseluruhannya adalah 3.44 (sp = 1.029) yang memberikan tahap yang sederhana. Min yang tertinggi adalah dari item Menggalakkan perhubungan baik sesama pekerja (min = 3.95, sp = 0.945) dan min yang paling rendah ialah pada item Pelajar dibenarkan menyumbang idea dalam kumpulan kerja (min = 2.85, sp = 1.089).

Persoalan Kajian 3: Dimanakah tahap pendedahan yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar yang menjalani latihan industri?

Jadual 3.0: Skor min dan sisihan piawai untuk tahap pendedahan yang diberikan oleh pihak industri.

BIL.	ITEM	SKOR MIN	SISIHAN	BIL. ITEM
1	Pelajar diberi peluang menyelesaikan masalah teknikal yang sebenar di tempat latihan	2.80	1.005	Sederhana
2	Pelajar didedahkan dengan teknologi terkini semasa latihan industri	3.15	1.089	Sederhana
3	Memberi peluang untuk pelajar melibatkan diri dalam usaha membuat keputusan	2.35	1.040	Rendah
4	Memberi pelajar pengalaman kerja yang sebenar	3.50	1.051	Tinggi
5	Memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar	3.75	0.967	Tinggi
6	Memberi peluang kepada pelajar melakukan aktiviti merancang di tempat kerja	2.85	1.089	Sederhana
7	Memberikan pendedahan persekitaran kerja secara berpasukan	3.85	0.875	Tinggi
8	Berpeluang menggunakan teknologi industri terkini	3.00	1.298	Sederhana
PURATA		3.16	1.052	Sederhana

Jadual 3.0 di atas menunjukkan analisis min setiap item dan min keseluruhan bagi mengetahui tahap pendedahan yang ditunjukkan oleh pihak industri. Dari analisis yang dibuat menunjukkan min keseluruhannya adalah 3.16 ($sp = 1.052$) yang memberikan tahap yang sederhana. Min yang tertinggi adalah dari item Memberikan pendedahan persekitaran kerja secara berpasukan ($min = 3.85$, $sp = 0.875$) dan min yang paling rendah ialah pada item Memberi peluang untuk pelajar melibatkan diri dalam usaha membuat keputusan ($min = 2.35$, $sp = 1.040$). Pelajar berpendapat bahawa pihak industri tidak memberi pendedahan tentang bidang dan skop kerja yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran mereka. Pendedahan adalah perkara yang penting dalam usaha memaksimumkan proses pembelajaran semasa menjalani latihan, ianya memerlukan pertimbangan dari segi tahap keupayaan untuk belajar bagi setiap individu.

6.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif yang telah disarankan. Persoalan kajian mengenai tahap kerjasama pihak industri terhadap penempatan pelajar latihan industri bagi Sijil Fesyen dan Pakaian dan Sijil Pastru telah terjawab melalui analisis maklumbalas yang diberikan. Elemen kerjasama yang diberi perhatian adalah dari segi keyakinan, layanan dan pendedahan yang diterima oleh pelajar semasa menjalani latihan industri. Berdasarkan dapatan kajian, tahap kerjasama pihak industri dengan pihak Kolej Komuniti Jeli dari segi penempatan pelajar latihan industri adalah berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa hubungan yang telah lama terjalin ini tidak begitu mendapat sambutan dan perlu diperbaiki dengan kadar segera. Pihak industri sememangnya memerlukan sumber tenaga kerja, jika masalah ini berterusan maka ia akan mengundang kearah timbulnya masalah yang lebih ketara. Secara keseluruhannya, dengan kerjasama yang berkesan di antara pihak industri dan pihak Kolej Komuniti Jeli khususnya dari segi keyakinan, layanan dan pendedahan hubungan diantara mereka dapat dipertingkatkan dan seterusnya membolehkan para pelajar menjalani latihan industri seperti yang sewajarnya.

RUJUKAN

- Billet, S (1993) What's in a setting? Learning in a Workplace. *Australian Journal of Adult and Community Education* 33(1): 4-14.
- Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yassin dan Hamdan Mohd Ali (2003). *Integrasi Akademik dan Vokasional: Rasional dan Cabaran*. *Jurnal Pendidikan* 28, ms. 77 – 90.
- Saari Yazit, Azizi Hj. Yahaya(2003). "Keberkesanan Menjalani Latihan Industri Di Kalangan Pelajar – Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah Darulaman". Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan 19-21 Oktober 2001, Universiti Utara Malaysia.
- Sharifah Kamaliah Syed Sofian (2001). *School to Work: A Viable Option Towards The Integration of Academic and Vocational Education, A Reflection*. dlm. *Technology and Vocational Technical Education*. Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. ms. 65-75.
- Syarifah Alawiyah Al-Sagoff (1987). "Psikologi Pendidikan Konsep-Konsep Asas Psikologi Dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan." Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Wiersma (1995). "Research Method in Education; an Introduction." 6ed. Allyn and Bacon: London.
- Yahya Emat (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn Bhd. ms. 195.
- Zainal Madon and Haslee Sharil Lim Abdullah, (2006). "Indeks Kesejahteraan Psikologi Remaja: Tahap, Kadar dan Pengaruh Latar Belakang Diri." *Jurnal Pendidikan*, 26 (Malay Language Version). pp. 153-164. ISSN 0126-5261.
- Zaini Ujang(2007)." Kerjasama Industri-Akademia Galak Inovasi"rencana berita harian, 12 april 2007. (<http://www.fkkksa.utm.my/index.php/Latest-News/Kerjasama-industri-akademia-galak-inovasi.html>).
- Zillmann, D., & Bryant, J. (1985)." Affect, mood, and emotion as determinants of selective exposure". In D.
- Zillmann & J. Bryant (Eds.), "Selective exposure to communication (pp. 157-190)". Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.



eISBN 978-967-11918-9-7



9 789671 119189 7

Kolej Komuniti Pasir Mas
PT3302-3307, Taman Sri Kota Pasir Pekan,
16250 Wakaf Bharu, Kelantan
Laman Web : <https://upikkkpmas.weebly.com>